

Jilid  
Bil. 25



Hari Selasa  
6hb Ogos, 1991

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
Senate

**PARLIMEN KELAPAN**  
Eighth Parliament

**PENGGAL PERTAMA**  
First Session

**KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3233]

**USUL:**

**Penambahan Hari Mesyuarat [Ruangan 3296]**

**Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995-Y.B. Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Ruangan 3297]**

DICETAK OLEH JABATAN PERCETAKAN NEGARA, KUALA LUMPUR  
GHAZALI BIN JANI, J.S.D., K.M.N., A.M.P., P.P.T.  
KETUA PENGARAH PERCETAKAN NEGARA, MALAYSIA  
1992

MALAYSIA

**PARLIMEN KELAPAN—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHAN CHOONG TAK, D.S.N.S.  
(Dilantik).

Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ANNUAR BIN MUSA (Dilantik).

Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S.,  
D.P.M.J., S.M.J. (Dilantik).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan  
Hal Ehwal Pengguna, DR SAK CHENG LUM (Dilantik).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, TUAN MUSTAPA BIN  
MOHAMED (Dilantik).

TUAN HAJI SYED ABDUL HAMID SAGAFF (Dilantik).

TUAN HAJI ABDUL MAJID BIN HAJI ABDULLAH, P.I.S., P.P.M. (Johor).

TUAN ABDUL RASHID BIN ISMAIL, A.M.N., P.K.T., P.J.K., P.J.M. (Pulau  
Pinang).

TUAN HAJI ABDUL SALAM BIN AWANG (Dilantik).

TUAN ADAM BIN KADIR (Dilantik).

TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ABDULLAH (Dilantik).

TUAN HAJI AHMAD ZAHID BIN HAMIDI (Dilantik).

PUAN AINON BINTI ARIFFIN, A.M.N. (Dilantik-Wilayah  
Persekutuan).

PUAN HAJAH ASMAH BINTI HAJI ISMAIL (Pahang Darulmakmur).

TUAN AZMAN ATAR BIN OTHMAN, P.J.K., P.B.M. (Dilantik).

DATO' AZUMU BIN TAK, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.P.T., J.P. (Perak).

PUAN HAJAH CHE PORA BINTI HAJI OMAR (Dilantik).

DATO' WILLIAM CHEK LIN KWAI, D.S.D.K., A.M.K., P.P.N., J.P.  
(Dilantik).

TUAN CHONG CHI SIONG *alias* CHONG FAH (Negeri Sembilan).

Yang Berhormat TUAN FRANKIE CHONG YU CHEE (Sabah).  
TUAN DAHALAN BIN HAJI EMBUN (Perlis).  
TUAN HAJI DOL BIN DOLAH, A.M.N., P.P.N., J.P. (Melaka).  
TUAN FOO BOON LIANG (Pahang Damlimakmur).  
TUAN GHAZALI BIN HAJI EMBONG (Dilantik).  
PUAN HAJAH HABIDAH BINTI JUSOH *alias* YUSOF, P.J.K. (Terengganu).  
WAN HAMID EDRUCE BIN TUANKU HAJI MOHAMAD (Sarawak).  
TUAN HO CHENG WANG (Perak).  
PUAN IDA DUMPANGAL NEE IDA UNDAN, B.S.K. (Sabah).  
TUAN ISLI BIN HAJI SIPUT (Dilantik-Wilayah Persekutuan Labuan).  
TUAN ITAM WALI BIN NAWAN (Dilantik).  
TUAN HAJI JAMALUDIN BIN HAJI AHMAD (Negeri Sembilan).  
TUAN JOHAN B.O.T. GHANI *alias* CHRISTOPHER (Dilantik).  
PUAN KALTHOM BINTI HAJI OTHMAN (Kelantan).  
TUAN C. KRISHNAN, A.M.N. (Dilantik).  
PUAN LAW JACK YOON (Dilantik).  
DATO' DR MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Dilantik).  
TUAN MOHAMAD WAJDI BIN DATO' HAJI ISHAK, J.P. (Dilantik).  
JEN, (B) TAN SRI DATO' MOHD. GHAZALI BIN DATO' MOHD. SETH,  
M.I.D., P.P.M., K.M.N. J.M.N., S.M.J., P.P.C., P.N.B.S., D.P.M.J., P.S.M., S.P.M.J., P.M.N., S.I.M.P.,  
D.H.M.S., P.G.A.T. (Dilantik).  
TUAN MOHD. ZAIN BIN HAJI MAT DAUD (Kelantan).  
TUAN MUNISAMY A/L KUPPAN (Dilantik).  
TUAN MUSTAPA BIN AWANG, P.P.N., P.J.K. (Terengganu).  
TUAN NEO TUAN CHENG (Johor).  
TUAN NG PENG HAY, P.J.K. (Melaka).  
DATO' NG THIAN HOCK (Dilantik).  
DR NORDIN SELAT (Dilantik).  
PUAN HAJAH ROGAYAH BINTI CHE MAT (Dilantik).  
PUAN HAJAH ROSNAH BINTI HAJI MOHD. SALLEH, A.M.N., P.J.K.  
(Dilantik).  
TUAN SAAD BIN HAJI MAN (Dilantik).

Yg Berhormat TUAN SAIDIN BIN MOHAMAD (Perlis).

PUAN HAJAH SALBIAH BINTI MOHD. AKIM, A.M.N., P.J.K., P.J.M.  
(Dilantik).

TUAN V. K. SELLAPPAN, S.S.A., A.M.N., P.J.K, (Dilantik).

TUAN SHUIB BIN ENDUT, A.M.N., A.M.K., P.J.K. (Kedah),

TUAN DOUGLAS SULLANG ANAK GANDA (Sarawak).

DATUK TAN GIM HUA (Pulau Pinang).

DATO' TAN TIEW BOCK (Dilantik).

TUAN K. VIJAYANATHAN A/L KESAVA PILLAI (Dilantik).

TUAN WONG KIE YIK (Dilantik).

TUAN DAVID YEOH ENG HOCK (Dilantik).

TUAN HAJI ZAINAL BIN MD. DERUS, S.S.A., P.J.K., JP. (Selangor).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani,

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu, A.M.N., B.S.D., P.J.K.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Selasa, 6hb Ogos, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 230 petang

(Tuan Yang di-Pertua  
mempengerusikan Mesyuarat)**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN****KENAIKAN HARGA BARANG-  
MENGELAKKAN**

1. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan tentang apakah usaha Kementerian untuk mengelakkan kenaikan harga barang-barang yang kini mula dirasai oleh pengguna-pengguna.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dr Sak Cheng Lum):** Tuan Yang di-Pertua, negara kita mengamalkan Sistem Ekonomi Bebas di mana harga pada amnya dipengaruhi oleh kuasa penawaran dan permintaan, dengan izin, supply and demand, yang berubah-ubah, di samping faktor-faktor lain seperti kos bahan mentah, pengangkutan, kadar pertukaran mata wang dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah dan akan mengambil berbagai-bagai langkah secara langsung atau tidak langsung bertujuan supaya harga berada pada paras yang berpatutan dan sebarang kenaikan harga adalah atas sebab-sebab yang munasabah dan tidak dapat dielakkan.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian ialah:

- (i) Menetapkan harga beberapa barangan perlu khususnya minyak petrol premium dan regular, minyak diesel, minyak tanah, gas petroleum cecair, simen, batang besi keluli bulat, gula dan tepung gandum.
- (ii) Melalui Pasukan Petugas Barang-barang Perlu yang diurusetikan oleh Kementerian ini, mengadakan perbincangan dan kerjasama rapat dengan Lembaga Padi dan Beras Negara, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk mengawasi kedudukan bekalan dan harga barang-barang di bawah tanggungjawab badan-badan berkenaan. Dengan cara sedemikian, sebab-sebab kenaikan harga jika berlaku dapat dikenalpasti dan tindakan-tindakan penyelesaian masalah dapat diambil.
- (iii) Mengadakan kajian untuk membuat analisa perubahan dan perbezaan harga antara bandar, negeri dan kawasan di seluruh Malaysia dan mengenalpasti sebab-sebab berlaku perbezaan harga dan seterusnya berusaha mengurangkannya di mana boleh.

- (iv) Menguatkuasakan undang-undang berkaitan yang ditadbirkan oleh Kementerian, di antaranya ialah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-peraturan di bawahnya yang mengawasi bekalan bagi 20 barangan kawalan sepanjang masa dan 25 barangan kawalan musim perayaan supaya sentiasa mencukupi untuk keperluan pengguna dan supaya tidak berlaku penyorokan. Bekalan yang mencukupi secara tidak langsung boleh menstabilkan harga.

Akta Kawalan Harga, 1946 dan khususnya Perintah Kawalan Harga yang mewajibkan perletakan tanda harga kepada 111 jenis barangan. Ini bertujuan supaya pengguna boleh membuat perbandingan harga sebelum membeli.

Akta Perihal Dagangan (Trade Description Act), 1972 dan perintah-perintah di bawahnya, yang membolehkan tindakan diambil ke atas perbuatan mempamerkan keterangan dan tanda harga palsu termasuk juga jualan murah palsu.

Akta Timbang dan Sukat (Weights and Measures Act), 1972 untuk menentukan supaya peniaga menggunakan timbang dan sukat yang betul dan tepat dalam perdagangan harian.

- (v) Membuat pemeriksaan dan mengambil tindakan undang-undang dan pentadbiran ke atas pengeluar, pengedar dan pekedai yang menaikkan harga barangan dengan sewenang-wenangnya dan yang tidak meletakkan tanda harga dan sebagainya.

**Puan Hajah Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat yang berkenaan iaitu untuk memudahkan kepada orang ramai selaku pengguna, tidakkah Kerajaan bercadang untuk mewajibkan kepada peniaga-peniaga supaya meletakkan tanda-tanda harga semua barangan-barangan yang hendak dijual kerana daripada apa yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi, hanya beberapa barangan perlu sahaja yang ditentukan harganya iaitu 111 barangan yang telah ditetapkan.

**Dr Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya telah menjawab, mengikut Perintah Kawalan Harga, pada masa sekarang Kementerian ini menganggap adalah mencukupi sebanyak 111 jenis barang yang disenaraikan dalam perintah yang berkenaan diperlukan perletakan tanda harga ke atas barang-barang jualan yang tersebut.

Walau bagaimanapun, Kementerian memang dari masa ke semasa akan mengkaji keperluan untuk menambahkan bilangan jenis barang-barang atau mengurangkan bilangan jenis barangan mengikut keperluan pada masa itu.

**Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, adakah susu dimasukkan di dalam jenis yang disenaraikan, memandangkan susu adalah keperluan untuk bayi dan juga orang-orang dewasa?

Dan yang keduanya, jika terdapat perbezaan harga di antara bandar dan luar bandar, apakah tindakan yang akan diambil?

**Dr Sak Cheng Lum:** Tuan Yang di-Pertua, memang susu tin adalah disenaraikan dalam jenis-jenis

barangan yang mana ada keperluan untuk meletakkan tanda harga dan jikalau ada terdapat perbezaan atau aduan-aduan dan ada juga butir-butir berkenaan aduan-aduan tersebut, maka silalah kita mendapatkan, kalau boleh, pertolongan atau bantuan dari Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan aduan-aduan seperti tersebut kepada Kementerian atau kepada pegawai-pegawai penguatkuasa yang ada cawangan dan pejabatnya di setiap negeri.

### PROJEK PERUMAHAN TERBENGGALAI—TINDAKAN

2. **Tuan V.K. Sellapan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejauhmanakah langkah Kementerian telah tercapai tindakan bagi menyelamatkan pembeli-pembeli rumah dari projek-projek perumahan yang terbengkalai. Mengapa Kementerian tidak menggubalkan dasar membeli rumah siap untuk mengelakkan projek terbengkalai.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam):** Tuan Yang di-Pertua, masalah projek perumahan terbengkalai adalah rumit dan melibatkan banyak pihak terutama pemaju, pembeli, institusi kewangan, badan-badan profesional dan juga jabatan-jabatan Kerajaan. Dalam hal ini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memainkan peranan sebagai orang tengah atau fasilitator dengan izin, dengan menemukan semua pihak yang terlibat di meja perundingan bagi mencari jalan untuk memulihkan projek terbengkalai. Kebanyakan Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan jawatankuasa penyelaras projek-projek perumahan terbengkalai. Jawatankuasa ini adalah memainkan peranan penting untuk membantu menyelesaikan masalah projek

perumahan terbengkalai khususnya yang berkaitan dengan bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Di samping itu Kerajaan juga telah menubuhkan dua tabung iaitu Tabung Projek Perumahan Terbengkalai dan Tabung Pemulihan Usahawan. Kedua-dua Tabung ini berfungsi untuk memberikan bantuan kewangan dan teknikal kepada syarikat-syarikat pemaju yang menghadapi masalah kewangan bagi menyiapkan projek perumahan. Dengan adanya kerjasama dari semua pihak sehingga akhir Jun 1991, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berjaya membantu memulihkan sebanyak 127 projek perumahan terbengkalai yang melibatkan 21,328 unit rumah, 13,380 pembeli dengan nilai projek berjumlah \$1,328,051.

Berhubung dengan cadangan untuk menggubal dasar membeli rumah siap, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama beberapa badan lain sedang mengkaji dengan teliti cadangan memperkembangkan konsep ini iaitu build and sell, dengan izin, di dalam industri perumahan dalam negara ini.

**Tuan Haji Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat. Timbalan Menteri, berapa banyak rumah-rumah yang terbengkalai disebabkan oleh masalah mudah tunai dan menghadapi masalah dengan bank. Apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian untuk menyelaraskan masalah pemaju perumahan dengan pihak bank?

**Tuan Osu bin Haji Sukam:** Tuan Yang di-Pertua, rumah-rumah yang terbengkalai melebihi 50,000 unit dan setakat ini Kementerian sedang berusaha dengan semua pihak yang

terlibat di dalam industri perumahan khususnya pembeli-pembeli rumah untuk mengadakan mesyuarat untuk memohon jasa baik semua pihak yang terlibat supaya mengamalkan sikap tolak-ansur di dalam usaha kita untuk cuba menyelesaikan masalah rumah terbengkalai ini.

Selain daripada itu juga projek Tabung Pemulihan Rumah Terbengkalai di mana projek ini dikendalikan oleh Bank Negara sedang juga berusaha untuk memberi segala bantuan kepada pengusaha-pengusaha dan juga bank-bank persendirian yang ada memberi pinjaman perumahan kepada pengusaha-pengusaha supaya dapat mencari jalan untuk memulihkan rumah-rumah yang terbengkalai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' William Chek Lin Kwai.

**Tuan Itam Wali bin Nawan:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 3.

### MESIN PENCUCI BUAH PINGGANG

3. **Tuan Itam Wali bin Nawan** dibawah S.O. 23(2) minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada hospital-hospital milik Kerajaan di seluruh negara sedang mengalami kekurangan mesin pencuci buah pinggang (dialysis machine) atau tidak;
- (b) adakah benar atau tidak hospital besar Ator Setar mengalami kekurangan mesin pencuci buah pinggang sehingga ramai pesakit tidak mendapat rawatan yang sangat diperlukan;
- (c) sama ada Kerajaan sedar atau tidak bahawa ramai pesakit buah pinggang telah mengadu yang

mereka tidak dapat rawatan kerana bukan dari kaum tertentu; dan

- (d) apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyakinkan orang ramai bahawa Kerajaan tidak ada dasar "pilih kasih" bagi rawatan pesakit buah pinggang.

### Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) mesin-mesin pencuci buah pinggang di hospital-hospital Kerajaan adalah digunakan untuk tujuan-tujuan tertentu iaitu:
  - (i) pesakit yang mengidap penyakit Acute Renal Failure;
  - (ii) pesakit-pesakit End Stage Renal Failure yang menunggu giliran bagi mendapatkan Kidney Transplant; dan
  - (iii) pesakit-pesakit yang menjalani pemindahan buah pinggang di mana buah pinggang gagal berfungsi.

Bagi tujuan-tujuan ini mesin-mesin yang ada sekarang adalah mencukupi. Untuk makluman selanjutnya, perkara-perkara yang patut diberi perhatian selain daripada bilangan mesin ialah bilangan-bilangan kakitangan yang terlatih, perbelanjaan yang berterusan dan juga kecukupan ruang untuk Unit Dialysis.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Pusat-pusat Haemodialysis

Kementerian Kesihatan di seluruh negara pada masa ini ada terdapat di banyak hospital-hospital besar seperti di Kuala Lumpur ada 38, di Alor Setar ada 5, Ipoh-8, Pulau Pinang-6, Sibu-4, Johor Bahru-8, Kota Kinabalu-4, Kota Bahru-3, Kuala Terengganu-4, Kuching-6, Kuantan-3 dan Miri-2.

- (b) Mesin-mesin dialysis di Hospital Besar Alor Setar adalah mencukupi untuk tujuan yang tertentu yang saya sebutkan di atas. Walau bagaimanapun, ia tidak mencukupi bagi rawatan haemodialysis jika sekiranya diberi kepada semua pesakit-pesakit End Stage Renal Failure yang datang daripada hospital itu.
- (c) Kementerian Kesihatan sedar bahawa ramai pesakit-pesakit buah pinggang telah mengadu bahawa mereka tidak dapat menggunakan mesin haemodialysis. Mesin-mesin haemodialysis di hospital-hospital Kerajaan digunakan untuk pesakit-pesakit tertentu seperti dinyatakan di atas. Tetapi bukan kerana mereka ini datang daripada mana-mana kaum yang tertentu. Kementerian tidak pernah memilih kaum semasa memberi sebarang rawatan dan jika ada kes-kes yang khusus atau specific, sila beri laporan kepada Kementerian untuk tindakan seterusnya.
- (d) Langkah-langkah yang diambil oleh hospital-hospital Kerajaan untuk menentukan bahawa Kerajaan tidak ada pilih kasih bagi rawatan pesakit-pesakit

buah pinggang adalah seperti berikut:

- (i) semua pesakit buah pinggang yang dirujuk kepada hospital-hospital Kerajaan dirawat oleh Pegawai Perubatan dan Pakar Perubatan dan kes-kes yang memerlukan rujukan selanjutnya dirujuk kepada Pakar Nefrologi.
- (ii) Jika pesakit-pesakit mengidap End Stage Renal Failure semua cara-cara rawatan diberitahu kepada pesakit dan keluarga dan terpulang kepada keluarganya memilih rawatan yang tertentu. Sebagai contoh saya boleh menyatakan bahawa ada tiga jenis pilihan rawatan:
  - (1) haemodialysis seperti yang saya katakan;
  - (2) kidney transplant; dan
  - (3) dengan izin, Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD) di mana rawatan ini dilakukan oleh pesakit itu sendiri di rumah dengan beberapa cara yang tertentu dan prosedur ini tidak memerlukan sebarang mesin.
- (iii) Kementerian Kesihatan tidak ada pilih kasih seperti yang saya katakan dalam pemilihan pesakit-pesakit bagi rawatan tertentu seperti dinyatakan sebelum ini.

**SETINGGAN DALAM  
BANDARAYA-PROJEK  
PERUMAHAN**

**4. Tuan Azman Atar bin Othman** minta Perdana Menteri menyatakan bagaimana syarat yang diberi kepada pemaju-pemaju perumahan dalam kawasan Bandaraya:

- (a) adakah pemaju-pemaju dinasihatkan supaya menyediakan tapak rumah untuk mereka-mereka yang terlibat dalam projek itu berpindah dahulu;
- (b) adakah pemaju-pemaju perumahan mesti menyelesaikan masalah pembayaran pampasan dan mendapatkan persetujuan dari setinggan-setinggan dahulu, barulah Bandaraya meluluskan pelan perumahan; dan
- (c) adakah Bandaraya memastikan pemaju tidak membuat sebarang ubahsuai keadaan pelan perumahan tanpa dirujuk kepada Bandaraya dahulu.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Projek perumahan di atas tanah Kerajaan yang telah dikeluarkan hakmilik kepada , pemaju, pemaju dikehendaki membina rumah panjang untuk menempatkan setinggan yang terlibat dengan fasa pertama iaitu fasa awal. Setelah rumah-panjang berkenaan siap, setinggan yang terlibat akan berpindah ke rumah panjang dan tapak yang dikosongkan akan dimajukan. Setelah pembangunan rumah kos murah siap, setinggan yang tinggal yang tinggal di rumah panjang tadi akan dipindahkan semula ke rumah kos rendah.

(b) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak terlibat dalam urusan bayaran pampasan. Perkara ini adalah antara pemaju dan penduduk setinggan yang berkenaan. Oleh itu perkara ini tidak ada kaitan dengan kelulusan pelan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

(c) Mengikut Akta Perancang Dewan Bandaraya 1982, sesiapa yang ingin menjalankan pembangunan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, melainkan bagi kerja-kerja tambahan dan pindaan kecil yang mana Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah memberikan pengecualian dari mendapatkan kelulusan. Bagi semua pengubahsuaian yang tidak dikecualikan, hendaklah mendapat kelulusan daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Tindakan undang-undang seperti dikenakan kompaun atau didakwa di mahkamah boleh diambil ke atas mereka yang melakukan kesalahan di bawah Akta ini.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat sama ada beliau sedar atau tidak, ada terdapat pemaju-pemaju yang pada mulanya mengemukakan pelan perumahan kepada Dewan Bandaraya dan menamakan bangunan itu setelah dipersetujui bersama oleh Bandaraya, tetapi apabila bangunan itu siap, maka dia membuat perubahan nama, sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak?

**Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, kebiasaannya keiika pelan pembangunan dikemukakan kepada Dewan Bandaraya untuk kelulusan, pihak pemaju hendaklah mengemukakan

cadangan nama bagi taman perumahan yang hendak dibangun. Oleh kerana terlalu banyak permohonan, maka Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sebagaimana yang lazimnya telah meluluskan nama-nama tersebut dan pada hari ini memang timbul nama-nama taman atau kondominium yang agak kontroversi di segi nama-nama tempatan, maka satu jawatankuasa telah ditubuhkan supaya mengkaji nama-nama tersebut. Sukalah saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa Dato' Bandar Kuala Lumpur mempunyai kuasa memberi nama terhadap taman perumahan dan jalan-jalan, tetapi adalah dalam proses untuk mengubah atau meminda Akta Kecil supaya beliau diberi kuasa untuk menamakan kondominium-kondominium di Kuala Lumpur. Nama-nama taman yang tidak sesuai adalah sekarang di dalam proses antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pemaju bagi dirundingkan supaya ia dapat mencirikan karekteristik nama-nama tempatan.

#### **DENDA KOMPAUN LALULINTAS-KUTIPAN**

**5. Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) sejak pelancaran "Tahun Penguatkuasaan Lalulintas 1991", berapa pemandu-pemandu yang bersalah telah ditangkap dalam kumpulan-kumpulan berikut:
- (i) kenderaan awam seperti bas biasa, bas ekspres dan teksi;
  - (ii) kenderaan perniagaan seperti lori dan van;
  - (iii) motosikal;
- (b) sejauh manakah pendekatan lemah-lembut atau "soft approach" dapat mengubah sikap pemandu-pemandu yang

melanggar undang-undang lalulintas; dan

- (c) jumlah denda kompaun yang telah dikutip pada 1990 dan apakah kegunaan jumlah wang itu.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan:

- (a) Tiada sebarang tangkapan dilakukan terhadap pemandu-pemandu yang berkaitan. Walau bagaimanapun, tindakan saman oleh pihak Polis telah diambil ke atas mereka dan pecahan jumlah saman yang diambil terhadap pemandu-pemandu berkaitan dari bulan Januari hingga bulan Mei tahun 1991 adalah seperti berikut:

<i>Jenis Kenderaan</i>	<i>Jumlah Saman</i>
(1) Bas biasa/Ekspres	4,880
(2) Teksi	6,963
(3) Lori	38,269
(4) Van	28,743
(5) Motosikal	78,847

Tindakan-tindakan saman yang diambil dalam tempoh Januari-Mei 1991 dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun 1990 telah menunjukkan peningkatan di semua kategori iaitu di antara 20%-41%.

- (b) Pendekatan lemah-lembut atau, dengan izin, soft approach yang dikatakan itu boleh digolongkan dalam dua kategori iaitu secara pendekatan memberi nasihat dan amaran dan secara berkempen dan memberi pendidikan tidak formal. Dalam hal ini, ingin saya memaklumkan bahawa adalah sukar untuk mengukur sejauhmana pendekatan ini dapat mengubah

sikap pemandu-pemandu yang melanggar undang-undang lalu-lintas. Bagaimanapun, jika kita berpandukan kepada perangkaan kemalangan jalanraya yang menunjukkan peningkatan dan jumlah saman yang juga meningkat dari masa ke semasa, maka bolehlah dianggap bahawa pendekatan lembut tersebut tidak mencapai matlamatnya dan tidak begitu berkesan.

- (c) jumlah kompaun yang dikutip oleh Polis pada tahun 1990 ialah \$26,294,000 manakala jumlah yang dikutip oleh Jabatan Pengangkutan Jalan pula ialah \$6,844,769. Hasil kutipan kompaun ini telah disalurkan ke Kumpulan Wang Yang Disatukan.

**Tuan C. Krishnan:** Tuan yang di-Pertua, soalan tambahan. Di lapangan terbang ada ruangan VIP untuk meletakkan kereta orang-orang kenamaan. Didapati ada orang-orang lainpun letak kereta di ruangan VIP. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri categorisekan, siapakah yang dimaksudkan VIP?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan itu tidak ada kena-mengena dengan soalan asal.

#### MATRIKULASI JURUSAN AGAMA-UIA

**6. Puan Kalthom binti Haji Othman** minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) bitangan pelajar matrikulasi yang diterima oleh UIA bagi tahun 1989, 1990 dan 1991;
- (b) jika terdapat pengambilan yang berbeza begitu ketara antara tahun-tahun tersebut, sila huraikan sebab-sebabnya; dan

- (c) memandangkan kemahuan ibubapa yang kian bertambah mahukan anak-anak mereka melanjutkan pelajaran dalam jurusan agama, apakah persiapan Kementerian untuk menampung permintaan kelas matrikulasi bagi setiap kampus universiti.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Pihak UIA menambahkan bilangan pengambilan pelajar pada setiap tahun pengambilan. Universiti berkenaan bertaraf antarabangsa dan ia adalah sebuah universiti baru, maka perkembangannya adalah amat pesat sekali. Pengambilan pelajar matrikulasi bagi tahun 1989 ialah 912 orang, bagi tahun 1990 seramai 1,320 orang dan bagi tahun 1991 adalah seramai 1,273 orang.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, oleh kerana ia merupakan perkembangan yang positif, adalah menjadi strategi Kerajaan menambahkan bilangan tempat mengikut kapasiti dan keupayaan tenaga pengajar untuk melaksanakannya di universiti berkenaan.
- (c) Keperluan untuk melanjutkan pelajaran ke jurusan agama bukan tertumpu di UIA sahaja tetapi terdapat juga program jurusan agama Islam dijalankan di Universiti Malaya dan di Universiti Kebangsaan Malaysia. Oleh yang demikian, pengambilan pelajar untuk mengikuti kursus jurusan agama Islam diambil dari kedua-dua lepasan iaitu STPM dan SPM.

**Puan Hajah Habidah binti Jusoh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan UIA ini adalah Universiti antarabangsa dan menggunakan bahasa pengantarnya dengan bahasa Inggeris, adakah graduan-graduannya lebih baik dari segi mutunya jika dibandingkan dengan graduan-graduan di universiti-universiti tempatan yang lain atau sebaliknya dan apakah sebab-sebabnya?

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, memang tidak. Kita menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) oleh kerana dia merupakan sebuah Universiti Antarabangsa. Tetapi dari segi mutu, dari segi pengajaran dan dari segi kandungan kursusnya, memang adalah setaraf dengan universiti-universiti yang lain di dalam negara kita.

**Tuan Azman Atar bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan baik walaupun tidak ada kepentingan untuk Yang Berhormat. Saya ingin tahu adakah pihak UIA masih membezakan antara penyokong PAS dan Barisan Nasional untuk program matrikulasi?

Kedua, jika tidak, kenapa masih ada pihak-pihak yang mengatakan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak adil ataupun "zalim". Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak faham berkenaan dengan soalan ini kerana Kerajaan ataupun UIA tidak ada kebolehan untuk membezakan calon-calon mengikut fikiran ataupun sokongan ibu-bapa mereka. Kita langsung tidak boleh mendapat butir-butir tersebut. Jadi, dalam proses pengambilan murid-nurid ke UIA ini kita mengikut kepada

keputusan sahaja. Mereka yang mendapat keputusan yang cemerlang diberi keutamaan dan selepas itu mengikut pencapaian mereka. Jadi kita langsung tidak boleh membezakan dan Kerajaan tidak berhasrat begitu. Semua rakyat diberi peluang yang sama untuk mengikuti kursus di UIA ini dan justeru itu saya haraplah....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan yang kedua itu tidak payah dijawab.

## BANCI PENDUDUK

7. **Dr Nordin Selat** minta Perdana Menteri menyatakan bilakah banci terhadap penduduk di negara ini diadakan. Apakah maklumat-maklumat yang akan dikutip dalam banci itu nanti.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):** Tuan Yang di-Pertua, banci penduduk dan perumahan Malaysia yang ketiga akan diadakan pada 14hb-30hb Ogos, 1991. Hari pertama tempoh penghitungan tersebut ialah 14hb Ogos, 1991 dikira sebagai hari rujukan banci.

Maklumat yang dikutip ialah mengenai bilangan orang perseorangan dan isirumah di negara ini termasuklah ciri-ciri demografi, sosial dan ekonomi yang amat berguna untuk maksud perancangan. Maklumat ini memberikan data bandingan bagi kawasan, negeri dan daerah serta kumpulan sosial yang berlainan dalam negara ini.

Dari segi demografi maklumat yang dikutip termasuklah saiz dan struktur penduduk seperti jantina, umur dan kesuburan sementara maklumat sosial pula ialah keturunan, agama, kewarganegaraan, taraf perkahwinan dan pendidikan.

Maklumat berkaitan dengan ekonomi yang dikutip meliputi migrasi status tenaga buruh sama ada bekerja atau tidak bekerja. Jika bekerja-jenis dan bidang kerja; dan jika tidak bekerja-sebab tidak mencari kerja.

**Puan Hajah Rogayah binti Che Mat:** Apakah masa selama dua minggu yang diperuntukkan bagi operasi ini mencukupi?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Cukup.

**Tuan Chong Chi Siong:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak tahu apakah tenaga kerja yang akan digunakan untuk menjalankan tugas-lugas operasi banci pada 14hb Ogos ini?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Minta ulang sekali lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ulang sekali lagi.

**Tuan Chong Chi Siong:** Saya cuma hendak tahu apakah tenaga kerja yang dipakai untuk menjalankan tugas di atas operasi banci ini?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tenaga-tenaga kerja ini sudahpun diambil oleh Kerajaan dan mereka telahpun menjalankan latihan-latihan yang sewajarnya. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, jangka masa dua minggu ini, insya-Allah, akan mencukupi.

**Tuan Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Saya ingin penjelasan dari Yang Berhormat, apakah semua maklumat yang diberi ini adalah sulit?

Kedua, apakah pengenalan pegawai-pegawai banci ini supaya tidak mengelirukan orang ramai?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Berkenaan dengan penyata-penyata yang diberikan, memanglah sulit dan akan dijaga oleh Kerajaan.

Kedua, saya tidak berapa jelas dalam soalnya.

**Tuan Abdul Majid bin Abdullah:** Apakah pengenalan Pegawai-pegawai banci ini supaya dapat mengelakkan orang ramai daripada terkeliru ataupun disalahgunakan oleh orang lain?

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua, pegawai-pegawai yang menjalankan kerja akan membawa kad-kad pengenalan diri dan menyatakan bahawa mereka bekerja bagi bidang ini.

#### FILEM SEKS-PENAPISAN

8. Tuan Chong Chi Siong minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) garis panduan atau kayu ukur bagi menapis babak-babak seks terutamanya filem-filem yang diimport dari negara Barat; dan
- (b) serentak dengan negara jiran memberi kelonggaran kepada orang dewasa menonton babak-babak seks untuk memenuhi keperluan rakyat mulai 1hb Julai, 1991. Adakah Kementerian mencadang berbuat demikian.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan (Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), sukacita saya memaklumkan bahawa penapisan filem adalah dilaksanakan oleh Lembaga Penapisan Filem (LPF) yang terletak di bawah Kementerian Dalam Negeri. Di dalam melaksanakan tugas ini LPF menggunakan satu garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri. Hal-hal

mengenai seks adalah merupakan salah satu perkara yang diberi perhatian mendalam kerana ia melibatkan soal moral, akhlak serta sopan-santun. Oleh itu ukuran yang biasanya digunakan oleh filem-filem yang melibatkan seks adalah selagi difikirkan babak-babak dan temanya tidak bertentangan dengan moral dan akhlak, corak penggambarannya tidak lucu dan tidak berkemungkinan meninggalkan kesan yang buruk kepada penonton, maka filem tersebut boleh dibenarkan untuk tayangan.

Filem-filem seks yang tidak mempunyai apa-apa nilai akan diharamkan, tetapi filem-filem dokumentari boleh dibenarkan untuk kegunaan dan tujuan-tujuan tertentu sahaja seperti bertujuan untuk perubatan, sains, perancangan keluarga dan kebaikan rumahtangga oleh badan-badan tertentu seperti pusat-pusat pengajian tinggi.

Menjawab soalan (b), pada ketika ini Kementerian tidak bercadang untuk memberi kelonggaran untuk menayangkan melalui televisyen untuk orang dewasa menonton filem seks, walaupun negara jiran telahpun mengizinkannya.

#### **RAKYAT TERMISKIN- BANTUAN PEMBANGUNAN**

9. **Puan Hajah Habidah binti Jusuh** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan:

- (a) mengikut kajian Kerajaan berapakah jumlah penduduk termiskin mengikut negeri-negeri di Malaysia. Dan berapa ramaikah yang telah mendapat bantuan daripada skim bantuan penduduk termiskin sehingga kini; dan
- (b) berapakah jumlah kampung-kampung di pendalaman yang belum mendapat kemudahan

asas seperti jalanraya, bekalan elektrik dan bekalan air di Semenanjung mengikut negeri-negeri.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato' Mohamed bin Jamrah):** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan (a), berdasarkan kajian pendapatan isirumah pada tahun 1989, jumlah keluarga termiskin adalah sebanyak 148,801. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Keluarga Termiskin</i>
Johor	7,922
Kedah	23,192
Kelantan	16,362
Melaka	3,907
Negeri Sembilan	2,931
Pahang	4,761
Pulau Pinang	4,711
Perak	19,857
Perlis	1,423
Selangor	5,046
Terengganu	15,061
Wilayah Persekutuan	1,413
Sabah	32,095
Sarawak	11,000
<b>JUMLAH:</b>	<b>148,801</b>

Jumlah keluarga yang telah mendapat bantuan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin adalah sebanyak 52,128.

Bagi soalan (b), dari sebanyak 19,400 buah kampung di pendalaman, 5,190 buah kampung masih belum menikmati bekalan air bersih; 3,176 buah belum mendapat bekalan elektrik; sementara 7,706 buah kampung belum mendapat jalan yang sempurna.

Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Kampung</i>	<i>Bilangan Kampung Belum Menikmati Kemudahan Asas</i>		
		<i>Bekalan Air Bersih</i>	<i>Bekalan Elektrik</i>	<i>Bekalan Sempurna</i>
Perlis	265	30	-	85
Kedah	1,534	321	-	930
Pulau Pinang	343	10	-	19
Perak	1,933	240	110	710
Selangor	34	76	2	172
N. Sembilan	803	2	2	105
Melaka	477			28
Johor	1,746	150	106	190
Pahang	1,427	55	12	208
Terengganu	1,510	187	8	168
Kelantan	2,060	450	36	481
Sabah	2,498	1,850	1,340	2,900
Sarawak	4,457	1,889	1,560	1,710
<b>JUMLAH:</b>	<b>19,400</b>	<b>5,190</b>	<b>3,176</b>	<b>7,706</b>

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama, saya ingin tahu, nampaknya kajian yang dibuat pada taraf termiskin ini ialah 1989. Soalan tambahan saya, apakah selama dua tahun perkara ini tidak dapat bergerak ke tahap yang lebih baik?

Yang kedua, mengapa negeri Kedah yang paling ramai iaitu lebih 23,000 rakyatnya yang dicatatkan masuk dalam kawasan termiskin sedangkan Kedah adalah negeri Perdana Menteri?

**Dato' Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama berkenaan dengan dua tahun tidak ada.....

**Puan Ainon binti Ariffin:** Angka-angka kajian ini iaitu pada tahun 1989, bermakna sekarang 1991, tidakkah angka-angka itu bergerak kerana dua tahun pasti ada perkembangan. Kemudian yang kedua, mengapa Kedah yang ramai sekali yang termiskin?

**Dato' Mohamed bin Jamrah:** Kemungkinan memang angka itu bergerak tetapi inilah maklumat terakhir yang kita ada, kita pakailah yang ada. **(Ketawa)**

Yang kedua, berkenaan dengan mengapa negeri Kedah mempunyai ramai orang-orang miskin ialah kerana mereka mempunyai pendapatan bawah daripada \$175 sebulan. Sebab itu mereka digolongkan miskin.

Boleh jadi kerana di sana terdapat banyak jelapang padi dan padi ini ialah salah satu daripada punca kemiskinan kerana adanya sistem-sistem kunca, orang-orang tengah dan juga kadangkala tanah-tanah mereka adalah kecil daripada saiz yang ekonomi.

**Tuan Itam Wali bin Nawan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya mengenai dengan angka bilangan rakyat termiskin. Pada beberapa hari yang sudah, angka

yang diumumkan ialah 143,000. Hari ini Yang Berhormat mengatakan 148,000. Yang mana satu kita hendak pakai?

Kedua, adakah angka-angka mengikut banci ini termasuk di kawasan pergunungan, kawasan Banjaran Titiwangsa ataupun di sekitar daerah-daerah yang dekat sahaja?

**Dato' Mohamed bin Jamrah:** Tuan Yang di-Pertua, angka hari inilah yang kita pakai (**Ketawa**) kerana detailnya yang saya bagi hari ini mengikut negeri-negeri dan jumlahnya adalah 148,801. Saya kira 143,000 itu boleh jadi satu typing error tetapi jumlah detail yang diminta oleh Yang Berhormat tadi itu jumlahnya 148,000 dan ini adalah maklumat yang kita perolehi daripada Ketua-ketua Kampung dan juga Penghulu-penghulu yang dikutip oleh pejabat-pejabat daerah; dan kalau angka ini dikutip oleh Ketua Kampung dan juga Penghulu, saya kira ini termasuk keseluruhan orang-orang miskin sama ada di pinggiran ataupun di pedalaman kampung-kampung.

#### HELIKOPTER TUDM TERHEMPAS

10. **Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth** minta Menteri Pertahanan menyatakan iaitu sejak tahun 1986 hingga pertengahan 1991 ini berapa pesawat-pesawat helikopter dan "Fixed Wing" TUDM telah gugur terhempas atau meletup di udara dan berapa kematian atau cedera parah akibat kemalangan itu. Seterusnya nyatakan juga:

- (a) apakah sebab-sebab kemalangan itu yang telah diputuskan oleh Lembaga Penyiasatan Angkalan Tentera terhadap kemalangan itu semua;

(b) apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap kesalahan manusia atau teknikal yang didapati dan diputuskan oleh Lembaga Penyiasatan itu.

(c) apakah "life expectancy" helikopter dan "Fixed Wing" yang masih ada lagi dengan TUDM, mengikut pandangan pakar-pakar juruterbang mahupun di dalam atau di luar negeri, untuk mengelakkan seberapa boleh kemalangan tersebut itu terjadi lagi; dan

(d) bolehkah pihak yang berkuasa memberi keterangan lanjut yang seberapa boleh di atas perkara serius ini supaya tidak lagi syak-wasangka dari segolongan pihak dan juga "taxpayers", hingga melemahkan dan menghilangkan kepercayaan mereka terhadap penerbangan TUDM buat keseluruhannya.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed):** Tuan Yang di-Pertua, sejak 5 tahun kebelakangan ini, sejumlah 16 kapal terbang telah terhempas dan tiada yang meletup di udara. Dari jumlah ini, 6 kemalangan adalah daripada jenis helikopter dan 10 daripada jenis Fixed Wing. Kemalangan ini telah melibatkan 57 kematian kepada penumpang dan crew dan mengikut rekod, tidak ada tercatat kecederaan parah yang ditakrifkan sebagai sesuatu kecederaan yang memerlukan rawatan perubatan melebihi 21 hari tanpa boleh bertugas. Dari jumlah ini, sebanyak 38 kematian terdiri daripada anggota tentera termasuk crew kapal terbang, manakala 19 kematian adalah terdiri daripada orang awam sebagai penumpang.

Bagi menjawab bahagian (a), terdapat berbagai-bagai sebab yang telah diputuskan oleh Lembaga Penyiasatan Angkatan Tentera terhadap

kemalangan-kemalangan tersebut. Antara sebab-sebabnya ialah:

- (a) Faktor juruterbang;
- (b) Kecacatan teknikal;
- (c) Kesilapan servis dan pemeriksaan;
- (d) Faktor organisasi; dan
- (e) faktor yang tidak diketahui.

Daripada jumlah kemalangan helikopter, sebab-sebab kemalangan adalah berpunca daripada 3 oleh faktor juruterbang, satu oleh kesilapan servis dan pemeriksaan, satu disebabkan oleh kecacatan teknikal dan satu masih dalam siasatan. Manakala kemalangan Fixed Wing adalah berpunca daripada 5 kemalangan oleh faktor juruterbang, 3 kemalangan oleh kecacatan teknikal, satu kemalangan oleh sebab faktor organisasi dan satu kemalangan tidak diketahui.

Bagi bahagian (b), daripada sebab-sebab yang mengakibatkan kemalangan itu dengan kesalahan manusia, perseorangan yang terlibat akan didakwa mengikut peraturan semasa setelah mendapat kata pemutus daripada Panglima Tentera Udara yang telah mengambilkira saranan oleh Lembaga Penyiasatan. Bagi sebab-sebab yang berpunca dari kecacatan teknikal pula selain daripada mendapat khidmat nasihat daripada pembuat, TUDM telah memeriksa semula dengan lebih teliti ke atas mana-mana komponen yang terlibat dan terpasang pada pesawat yang boleh diguna. Apabila terdapat adanya kecacatan pada komponen tersebut ianya diganti dengan yang sempurna.

Bagi, bahagian (c) life expectancy bukanlah merupakan satu faktor utama yang menyebabkan kemalangan kapal terbang dan fatigue tife pula ialah satu perkiraan unluk merancang penggantian sesebuah pesawat atau melupuskan sesebuah pesawat. Buat

masa ini, pesawat-pesawat kepunyaan TUDM masih belum mendekati fatigue life. Ini bermakna ia boleh digunakan lagi.

Bagi bahagian (d), Tuan Yang di-Pertua, Kementerian tidak ada perkara yang hendak diselindungi berkait dengan kemalangan-kemalangan tersebut. Pada prinsipnya, setiap kejadian atau kemalangan pesawat akan dianalisa melalui Bahagian Inspektorak TUDM. Kajian akan meneliti aspek-aspek kemanusiaan, teknikal atau environment. Proses ini senantiasa dilaksanakan dan tindakan atau cadangan akan diambil hasil dari setiap analisa kajian. Di samping itu, TUDM dalam proses meningkatkan sistem avionik pesawat seperti Nuri, menambah latihan termasuk kegunaan sistem simulator dan mengkaji cara-cara meningkatkan pengurusan, prosedur operasi atau bantuan logistik dan teknikal demi keselamatan dan kelicinan operasi pesawat TUDM pada keseluruhannya.

#### **BANTUAN TERNAKAN KEPADA PENDUDUK LUAR BANDAR**

11. **Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah cara-cara pembahagian bantuan haiwan kepada penduduk-penduduk kampung melalui Jabatan Haiwan Daerah. Apakah jenis-jenis haiwan yang diberikan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa program Jabatan Perkhidmatan Haiwan yang menyalurkan bantuan ternakan kepada penduduk-penduduk luar bandar. Bantuan-bantuan ini sememangnya disalurkan melalui Pejabat Perkhidmatan Haiwan Daerah yang mana ianya merupakan kawasan kontak kepada penduduk luar bandar.

program-program tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Rancangan Menternak Lembu dan Kerbau;
- (ii) Rancangan Perkembangan Perusahaan Lembu Tenusu;
- (iii) Rancangan Perkembangan Perusahaan menternak kambing/bebiri; dan
- (iv) Program Ternakan Rakyat Termiskin.

Di bawah Rancangan Malaysia Kelima, sejumlah \$42.6 juta telah dibelanjakan di bawah program ini yang melibatkan seramai 9,544 orang. sementara di bawah Rancangan Malaysia Keenam, peruntukan sebanyak \$44.86 juta telahpun dipohon.

**Tuan Mustafa bin Awang:** Soalan tambahan. Saya minta penjelasan dari setiausaha Parlimen yang berkenaan, apakah tidak ada program yang diatur oleh Kementerian ini bagi menternak rusa, kijang dan lain-lain binatang yang ooleh dimakan. Selain daripada itu, mengapa tidak ada program untuk mengembangkan ternakan selembu supaya lebih berleluasa lagi.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Mengenai dengan program ternakan rusa yang saya sebutkan tadi adalah program yang dilaksanakan daripada peruntukan pusat. Program ternakan rusa ini memang diadakan tetapi diusahakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dengan peruntukan Kerajaan Negeri.

Mengenai dengan rancangan untuk hendak membiakkan selembu, iaitu kacukan daripada lembu dan seladang, untuk makluman Yang Berhormat, program ini masih lagi di peringkat kajian. Insya Allah, satu masa nanti kita akan dapat memperbesarkan program ini.

## SEMINAR PROMOSI PELABURAN DI TAIWAN/HONG KONG

12. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan hasil seminar promosi pelaburan yang telah diadakan pada bulan Mei di Taiwan dan bulan Jun di Hong Kong:

- (a) bagaimana sambutan daripada para bakal pelabur dan apakah kesulitan yang dihadapi;
- (b) sejak promosi tersebut, berapa ramai pelabur telah datang melabur dan apakah jumlah pelaburannya berbanding dengan tahun-tahun lalu;
- (c) apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian supaya menarik lebih ramai pelabur dari kedua-dua negeri ini dan apakah jaminan yang akan diberi oleh Kerajaan terhadap pelaburan mereka; dan
- (d) berapa orang pelabur telah melabur di Malaysia pada 6 bulan pertama, 1991 dan apakah jumlah nilai pelaburannya berbanding dengan tahun-tahun lalu.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):** Tuan Yang di-Pertua, seminar promosi pelaburan yang telah diadakan di Taiwan telah berlaku di bulan April tahun ini dan bukan di bulan Mei. Hasil seminar promosi pelaburan yang telah diadakan pada bulan April di Taiwan dan bulan Jun di Hong Kong adalah seperti berikut:

- (a) Bagi seminar promosi pelaburan di Taiwan sambutan daripada para bakal pelabur adalah menggalakkan. Sejumlah 200 orang pakar pelabur telah menghadiri seminar ini. Sessi

soal-jawabnya adalah aktif di mana soalan-soalan yang dikesan adalah mendalam. Semasa seminar promosi ini tiada kesulitan dihadapi.

Bagi seminar promosi pelaburan di Hong Kong, sambutan daripada para bakal pelabur adalah amat menggalakkan. Sejumlah 247 orang bakal pelabur telah mendaftar dengan seminar ini dan sesi soal-jawabnya adalah aktif di mana soalan-soalan, yang dikesan adalah mendalam dan dapat menunjukkan minat bakal pelabur. Projek-projek yang bernilai sejumlah \$127 juta telah dibicangkan pada sesi perjumpaan individu. Di samping itu, perjumpaan dengan sekumpulan 120 ahli-ahli persatuan bank di Hong Kong juga diadakan. Semasa seminar promosi ini tidak ada kesulitan dihadapi.

- (b) Memandangkan masanya yang singkat sejak promosi-promosi tersebut yang baru sahaja diadakan di bulan April dan Jun ini, jumlah pelaburan dari segi bilangan dan nilai belum dapat lagi dikesan. Walau bagaimanapun, memandangkan sambutan bakal para pelabur terhadap seminar ini dan tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan, minat mereka melabur di Malaysia adalah menggalakkan. Adalah dijangka jumlah pelaburannya akan meningkat taraf yang setanding dengan tahun-tahun lepas jika dilihat dari segi jumlah-jumlah pelaburan yang tercatat sepertimana yang dinyatakan di perenggan (d).
- (c) Kementerian ini akan mengambil langkah-langkah yang berikul untuk menarik

lebih ramai pelabur dari Taiwan dan Hong Kong:

- (i) mengadakan misi-misi susulan dari masa ke semasa. Di samping itu, pejabat-pejabat MIDA di negara-negara tersebut akan mengadakan perhubungan dan kerja-kerja susulan terhadap bakal para pelabur secara berterusan;
- (ii) bagi para pelabur yang telah dikenalpasti menghantar pasukan industri spesifik untuk perbincangan yang teliti;
- (iii) mengambil bahagian dalam ekspo perdagangan di negara-negara tersebut;
- (iv) mengadakan pengiklanan di media massa cetak di negara-negara tersebut seperti suratkhbar-suratkhbar utama dan majalah-majalah perdagangan;
- (v) menjemput penulis-penulis/para pemberita suratkhbar dan majalah dari negara-negara tersebut ke Malaysia untuk melaporkan pengalaman pelaburan-pelaburan yang wujud.

Keputusan bakal pelabur melabur di Malaysia adalah terpulang kepada budibicara bakal pelabur sendiri setelah mengambilkira ciri-ciri istimewa Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang mereka boleh mengetahui melalui, antara lain, seminar promosi ini umpamanya. Oleh itu soal jaminan Kerajaan terhadap pelaburan dari bakal pelabur tiada timbul.

- (d) Sejumlah 114 buah syarikat pelabur dari Taiwan dan 34 buah syarikat pelabur dari Hong Kong telah mengesahkan pelaburan mereka di Malaysia pada 6 bulan pertama 1991, dan jumlah nilai pelaburan masing-masing ialah \$1,788.9 juta dan \$390.8 juta. Jumlah-jumlah nilai pelaburan dari Taiwan dan Hong Kong untuk tempoh yang sama bagi tahun 1990 ialah \$5,562.2 juta dan \$298.1 juta. Tahun 1989 \$961.2 juta dan \$187.4 juta serta tahun 1988 \$48.7 juta dan \$132.3 juta.

#### **PERHUBUNGAN MESRA IBUBAPA DAN GURU**

13. **Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Pendidikan menyatakan sama ada:

- (a) Kementerian bercadang mempereratkan hubungan mesra di antara ibu-bapa dan guru khususnya setelah anak-anak mereka dihukum oleh guru di sekolah sebagaimana yang terjadi ke atas seorang guru yang mati dengan terkejut akibat dituduh oleh ibu-bapa pelajarnya; dan
- (b) Jabatan Kerajaan akan mengambil langkah untuk mengingatkan ketua-ketua sekolah dan guru-guru untuk mengekalkan perhubungan mesra di antara satu sama lain dan mempertingkatkan lagi taraf pendidikan demi kepentingan generasi muda kita.

**Dr Fong Chan Onn:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhaiian berat terhadap perhubungan mesra di antara ibu bapa dan guru-guru. Di atas kesedaran ini, Kementerian Pendidikan

sejak tahun 1973 telah mengarahkan setiap sekolah menubuhkan Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru (PIBG). Di antara fungsi PIBG adalah untuk membolehkan ibu bapa, guru-guru bertukar fikiran dan maklumat mengenai pengajaran dan pembelajaran dan berunding di antara satu sama lain berkaitan dengan hal persekolahan dan kebajikan pelajar. Mekanisma ini juga digunakan bagi menyelesaikan sebarang salah faham yang mungkin wujud di antara pihak ibu bapa dan guru-guru.

- (b) Kementerian Pendidikan sememangnya menggalakkan pengetua-pengetua dan guru-guru besar untuk mewujudkan perhubungan mesra di antara satu sama lain. Di antara langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk melahirkan suasana mesra di kalangan semua pendidik serta meningkatkan profesionalisme mereka adalah dengan mengadakan kursus-kursus dan seminar berkaitan dengan peningkatan profesionalisme dan pengurusan organisasi sekolah. Selain daripada itu, pendidik-pendidik juga digalakkan untuk bergiat dalam kegiatan-kegiatan persatuan, sukan dan kebajikan perkhidmatan pendidikan di mana kegiatan-kegiatan ini dapat mengekal dan menggalakkan perhubungan mesra di antara para pendidik.

#### **CUKAI JALAN KERETA MOTOR**

14. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapakah cukai jalan kereta motor tidak dikeluarkan untuk lebih dari satu tahun.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengeluarkan Lesen Kenderaan Motor atau cukai jalan untuk tempoh melebihi satu tahun kerana adalah didapati bahawa pemilik-pemilik kenderaan sendiri kurang berminat untuk membayar cukai jalan untuk tempoh yang lebih lama. Mengikut peraturan yang berkuatkuasa sekarang pemilik kenderaan dibenarkan membayar cukai jalan untuk tempoh maksima selama setahun. Tetapi ramai yang masih membayar untuk tempoh 6 bulan, 3 bulan atau satu bulan sahaja untuk mengurangkan beban kewangan mereka.

Di samping itu juga piring cukai jalan dikeluarkan untuk 7 jenis kenderaan dan bekalan hendaklah disimpan di setiap JPJ negeri mengikut setiap kenderaan dan setiap bulan. Pengeluaran cukai jalan untuk tempoh yang lebih lama akan merumitkan kerja-kerja penyimpanan stok piring cukai jalan tersebut dan juga memerlukan kawalan yang lebih ketat dan lebih rapi.

#### **PERJALANAN TRAFIK KAPAL-KAPAL LAUT**

15. **Tuan K. Vijayanathan** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan kepada perjalanan trafik kapal-kapal laut yang berat dan besar di Selat Melaka terutamanya kapal-kapal (tankers) dimuatkan dengan minyak, sama ada Kementerian sedar mengenai bahaya yang akan menimpa kepada alam sekitar dan kepada persisiran (coast line) negara kita jika berlaku pelanggaran sepertimana yang melibatkan kapal "EXXIB VALDEZ". Bolehkah Menteri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil dalam situasi seumpama ini untuk mengelakkan kerugian kepada alam sekitar dan persisiran.

**Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Peter Chin Fah Kui):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar memang sedar mengenai bahaya yang akan menimpa kepada alam sekitar dan kepada persisiran negara kita jika berlaku pelanggaran yang menyebabkan tumpahan minyak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semenjak tahun 1976 langkah yang telah diambil bagi mencegah dan mengawal tumpahan minyak di perairan Malaysia dan persekitarannya adalah seperti berikut:

- (1) Prosedur bertindak, atau response procedure, dengan izin, bagi kawasan Selat Melaka yang telah digubal pada tahun 1976.
- (2) Rancangan contingency kebanyakan yang meliputi keseluruhan perairan Malaysia sama ada Selat Melaka atau Laut China Selatan.
- (3) Rancangan contingency tumpahan minyak oleh syarikat minyak dan Lembaga Pelabuhan bagi mengawal tumpahan minyak dari operasi mereka.
- (4) Skim pemisahan lalu-lintas atau traffic separation scheme, dengan izin, bagi tujuan mengendalikan laluan kapal-kapal di Selat Melaka.
- (5) Rancangan contingency di antara Indonesia, Malaysia dan Singapura di bawah "Standard Operating Procedure for Joint Oil Spill Combat in the Straits of Malacca and Singapore", dengan izin.
- (6) Rancangan contingency ASEAN.

### IMPORT IKAN

16. **Tuan Mohd. Wajdi bin Dato' Haji Ishak** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) mengapa dan kenapa pengimportan ikan masih dibenarkan oleh pihak Kerajaan pada hal industri penangkapan ikan laut dalam telah diperkenalkan. Sebutkan jumlah import ikan dalam 3 tahun kebelakangan dan dari negeri mana; dan
- (b) adakah pihak Kerajaan berpuas hati dengan industri perikanan laut dalam yang ada pada hari ini. Kalau tidak apakah perancangan Kerajaan untuk terus menggalakkan industri ini di masa akan datang.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pengimportan ikan masih dibenarkan oleh kerana Malaysia membeli ikan yang berharga murah dari luar negeri. Di samping itu, Malaysia dapat mengeksport ikan yang bernilai tinggi. Jumlah import ikan dalam 3 tahun kebelakangan ialah seperti berikut:

<i>Impon</i>	<i>Nilai (\$juta)</i>	<i>Kuantiti (tan)</i>
1989	456	276,981
1988	384	241,750
1987	353	245,217

Pada tahun 1989, import yang terbanyak ialah dari Thailand, sebanyak 209,715 tan bernilai \$246 juta, import dari Indonesia kedua banyaknya, iaitu sebanyak 15,676 tan dengan nilai sebanyak \$55 juta.

- (b) Kerajaan berpuas hati dengan perkembangan industri perikanan laut dalam yang ada pada hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soalan-soalan sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 17 hingga 37 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak).

### GAGASAN EAEG

17. **Tuan K. Munisamy** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan sama ada benar:

- (a) Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) bukan merupakan satu blok perdagangan, tetapi lebih merupakan satu kumpulan yang longgar untuk tujuan perbincangan perdagangan sahaja;
- (b) bagaimana satu kumpulan yang longgar boleh berfungsi dengan berkesan dalam urusan perdagangan antarabangsa; dan
- (c) bagaimana EAEG boleh memberi faedah kepada negara terutamanya bagi pemasaran keluaran-keluaran tempatan sedangkan kumpulan ini akan dianggotai oleh negara-negara maju seperti Jepun dan Korea Selatan, yang akan cuba menjadikan EAEG sebagai saluran untuk lebih mengutamakan negara mereka.

**Tuan Chua Jui Meng:** Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh saya dalam Dewan yang mulia ini ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Tan Tiew Bock pada 24hb Julai, 1991. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun pada 25hb Julai, 1991, Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong pada 26hb

Julai, 1991, Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak pada 29hb Julai, 1991, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah pada 1hb Ogos, 1991, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah dan Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay pada 6hb Ogos, 1991. Oleh yang demikian saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

#### UDA-TAPAK PERNIAGAAN DI BANDAR-BANDAR

18. **Tuan Haji Abdul Salam bin Awang** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan dari maklumat yang diperolehi UDA banyak mempunyai tapak-tapak perniagaan di bandar-bandar besar di seluruh negara, tetapi tapak-tapak ini kebanyakannya masih tidak dibangunkan lagi. Apakah dasar UDA mulai tahun 1991, 1992 dan 1993 mengenai pembangunan tapak-tapak perniagaan di dalam bandar-bandar ini. Sila nyatakan di bandar-bandar manakah tapak-tapak perniagaan yang dipunyai oleh UDA dan bilakah tapak-tapak perniagaan ini akan dibangunkan.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman:** Anggapan bahawa UDA mempunyai banyak lapak-tapak perniagaan yang belum dibangunkan di bandar-bandar besar adalah tidak tepat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, UDA hanya memiliki seluas 135.91 ekar tapak-tapak perniagaan yang masih belum dibangunkan sepenuhnya. Tapak-tapak tanah tersebut adalah terletak di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Ipoh dan Seremban.

Tapak-tapak perniagaan tersebut adalah dirancangan untuk penyediaan ruang-ruang perniagaan bagi memberi peluang kaum Bumiputera bersama-sama mengambil bahagian dalam perniagaan di bandar-bandar. Pembangunan tapak-tapak ini adalah bagi

menyumbang ke arah penyusunan semula masyarakat di bandar melalui meningkatkan pemilikan harta di bandar-bandar serla peluang-peluang perniagaan melalui ruang-ruang niaga yang disediakan.

Pembangunan tapak-tapak perniagaan tersebut akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam dengan jenis pembangunan yang sesuai bagi bandar-bandar berkenaan. Di Ipoh tanah milik UDA yang terletak di Green Town itu akan dibangunkan dengan satu kompleks perniagaan dan pejabat. Pembangunan adalah dirancang secara usahasama dengan Kerajaan Negeri. Di Kuala Lumpur pula projek-projeknya terletak di Jalan Raja Abdullah/Jalan Sultan Ismail, Jalan Bandar, Lorong Sultan dan Jalan Conlay/Jalan Bukit Bintang. Kesemua projek UDA di Kuala Lumpur melibatkan pembinaan kompleks perniagaan sebagai komponen utama. Sementara di Johor Bahru pula, tanah milik UDA adalah di Tampoi. Tapak ini dirancang untuk dibangunkan sebagai satu pusat bandar baru yang akan melengkapi bandar Johor Bahru.

#### PERKAMPUNGAN ORANG ASLI

19. **Tuan Itam Wali bin Nawar** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan sejauh manakah usaha-usaha telah dijalankan bagi menandakan dalam pelan induk terhadap kewujudan perkampungan Orang Asli supaya tidak bertindih kawasan apabila perancangan projek-projek kerajaan (Negeri atau Persekutuan) dirancangan.

**Dato' Mohamed bin Jamrah:** Untuk makluman Yang Berhormat Senalor, mana-mana kawasan yang telah dicadangkan untuk dijadikan sebagai rezab atau kawasan pembangunan bagi Orang Asli, sudah pun dikenalipasti bersama oleh JHEOA dan Kerajaan Negeri yang berkenaan. Oleh

hal yang demikian, masalah per-tindihan kawasan tidak mungkin berlaku.

#### **PERSATUAN PENGGUNA NEGERI-PERUNTUKAN**

20. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah Kementerian ada memberi apa-apa peruntukan kepada Persatuan-Persatuan Pengguna Negeri dan apakah jenis-jenis tersebut.

**Dr Sak Cheng Lum:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan semenjak tahun 1966 telah memperuntukkan sebanyak \$1,568,930.00 untuk diagih-agihkan kepada Persatuan-Persatuan Pengguna Kebangsaan dan Negeri bagi tujuan membantu Persatuan-Persatuan Pengguna menjalankan kegiatan masing-masing.

Bantuan Kewangan tersebut adalah dalam dua bentuk, iaitu bantuan asas dan bantuan projek. Bantuan asas adalah merupakan bantuan bagi membiayai keperluan-keperluan asas sebuah persatuan itu seperti sewa pejabat, air, elektrik, telefon dan gaji pekerja. Bantuan projek pula adalah merupakan bantuan kewangan bagi membantu Persatuan-persatuan Pengguna menjalankan aktiviti-aktiviti dan program-program kepenggunaan mereka.

#### **PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR ANTARABANGSA (IOFC)**

21. **Tuan Isli bin Haji Siput** minta Perdana Menteri menyatakan tujuan utama Pusat Kewangan Pesisir Antarabangsa dilaksanakan di Wilayah Persekutuan Labuan dan visi Kerajaan kepada penduduk tempatan dan sekitarnya.

**Dato' Drs Suleiman bin Mohamed:** Adalah menjadi hasrat dan tujuan Kerajaan, dalam merancang dan mengambil satu-satu langkah dan strategi pembangunan, ianya adalah untuk kebaikan negara dan rakyat keseluruhannya. Dalam hubungan untuk memaju dan membangunkan Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC), ianya akan menjadi penggenap (complement) kepada sistem kewangan yang berpusat di Kuala Lumpur. Dari perkembangan ini, rakyat Malaysia khususnya penduduk-penduduk Labuan akan mendapat faedah-faedah berikut, iaitu:

- (a) apabila Labuan mencapai taraf IOFC yang berjaya, peluang-peluang perniagaan di Labuan akan meningkat. Ini termasuklah peluang-peluang perniagaan hotel, sewa menyewa ruang pejabat, tempat perniagaan, tempat tinggal, perniagaan berkaitan dengan perusahaan pelancongan, serta restoran-restoran bertaraf antarabangsa;
- (b) apabila pelan pembangunan infrastruktur Labuan dilaksanakan sepenuhnya, penduduk-penduduk Labuan akan menikmati kemudahan-kemudahan hidup yang selesa seperti kemudahan bekalan air, elektrik, sekolah, hospital, jalanraya, perumahan, kemudahan perhubungan serta telekomunikasi kerana kemudahan-kemudahan ini akan diperbaiki dan dipertingkatkan bagi melengkapkan Labuan sesuai dengan tarafnya sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa;
- (c) kadar percukaian istimewa untuk selama tiga tahun mulai 1hb Oktober, 1990 telah

disediakan kepada penduduk-penduduk Malaysia, khususnya penduduk Labuan yang mengambil bahagian dalam usaha meningkatkan pembangunan infrastruktur di Labuan seperti pembinaan jalan, pengaliran, kemudahan telekomunikasi, sekolah, hospital, pejabat, kemudahan pelabuhan atau lapangan terbang, hotel dan apa-apa kemudahan atau kesenangan awam atau apa-apa kemudahan rekreasi. Kadar percukaian istimewa juga disediakan untuk selama lima tahun mulai tahun taksiran 1992. hingga tahun taksiran 1997 ke atas pendapatan larasan seseorang dan syarikat daripada aktiviti-aktiviti pemberian perkhidmatan profesional kepada syarikat-syarikat luar pesisir di Labuan seperti perundangan, perakaunan, kewangan atau kesetiausahaan dan termasuklah perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi oleh 'syarikat amanah' seperti ditakrifkan oleh Akta Syarikat Amanah Labuan 1990;

- (d) penduduk-penduduk Malaysia khususnya penduduk Labuan juga akan mendapat lebih peluang-peluang pekerjaan hasil daripada perancangan yang di sediakan untuk pembangunan Labuan sebagai IOFC. Dengan kata lain, pendapatan mereka akan meningkat dari usaha-usaha tersebut; dan
- (e) penduduk-penduduk Malaysia khususnya penduduk Labuan juga akan mendapat pengecualian cukai pegangan (withholding tax) ke atas faedah-faedah simpanan mereka dalam akaun-akaun simpanan wang asing (foreign currency deposit accounts) dalam bank-bank luar pesisir di Labuan.

## HELIKOPTER NURI TUDM-KEMALANGAN

22. **Tuan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Pertahanan menyatakan mengapakah boleh terjadi banyak kemalangan kepada helikopter Nuri Tentera Udara di Raja (TUDM) sehingga membabitkan 12 buah pesawat musnah dan mengorbankan 60 nyawa semenjak tahun 1969 hinggalah ke tahun 1991 ini:

- (a) adakah kemalangan-kemalangan itu disebabkan oleh kerosakan injin pesawat-pesawat tersebut; dan
- (b) adakah kemalangan itu disebabkan oleh tidak ada kecekapan atau kurang pengalaman juruterbang yang bertugas di masa itu.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** TUDM telah dilengkapi sebanyak 43 buah helikopter NURI yang dibeli secara berperingkat-peringkat iaitu mulai tahun 1967 hingga 1976. Jumlah kemalangan yang dialami tidaklah begitu banyak jika dibandingkan jumlah 43 buah dengan jumlah yang dilupuskan dalam tempoh 24 tahun penggunaannya. Dari jumlah ini hanya 9 buah sahaja yang telah musnah akibat daripada kemalangan dan bukannya 12 buah. Sehingga sekarang, sebanyak 34 buah helikopter NURI masih lagi digunakan oleh TUDM untuk menjalankan operasinya. Nyawa yang terkorban adalah sebanyak 42 orang anggota keselamatan dan 19 orang awam, di mana selain daripada juruterbang, mereka ini adalah terdiri daripada penumpang.

- (a) Daripada 9 kemalangan yang berlaku, 2 disebabkan kerosakan teknikal, 1 buah ditembak jatuh oleh pengganas komunis semasa menjalankan operasi di Gubir,

Kedah dan 6 kemalangan lagi disebabkan oleh kesilapan manusia dan keadaan alam sekitar. Daripada faktor tersebut, jelas kepada kita bahawa masalah teknikal bukannya punca utama yang menyebabkan berlakunya kemalangan helikopter NURI sepertimana yang didakwakan.

- (b) Kecekapan adalah suatu perkara yang subjektif. Sistem pemeriksaan dan penilaian yang dipraktikkan dalam TUDM adalah cukup. Tiap-tiap juruterbang diperiksa setiap enam bulan oleh team pemeriksa TUDM. Dalam pada itu, di peringkat skuadron juga terdapat jurulatih dan eksekutif yang sentiasa menentukan kecekapan juruterbang skuadron itu sentiasa di tahap yang memuaskan untuk dibenarkan melaksanakan sesuatu tugas penerbangan. Faktor kecekapan juga dipengaruhi oleh pengalaman dan kecekapan hanya dapat di pelihara atau ditingkatkan melalui pengalaman. Walaupun seseorang juruterbang itu telah di lengkapkan dengan kecekapan, ini tidak bererti seseorang juruterbang itu dapat menjamin tidak terjadinya sesuatu kemalangan. Apabila seseorang juruterbang dilepaskan untuk membuat tugas penerbangan, ianya tidak lagi di dalam pengawasan ketua dan eksekutifnya dan proses penilaian telah menentukan yang seseorang juruterbang itu telah menepati kriteria yang membolehkannya membuat tugas penerbangan. Adakala terdapat faktor persekitaran, faktor fisiologi yang mempengaruhi seseorang juruterbang

itu pada ketika yang tertentu hingga melemahkan proses membuat keputusan dan akhirnya mengakibatkan pengawalan yang kurang arif hingga menyebabkan sesuatu kemalangan itu.

Dalam soal ini, pengalaman adalah antaranya faktor yang penting untuk menerapkan kecekapan yang telah diperolehi. Juruterbang NURI yang ada sekarang adalah terdiri daripada juruterbang yang terlatih dan cekap. Juruterbang berpengalaman telah berkurangan pada akhir-akhir ini.

#### **PERUSAHAAN MENTERNAK ITIK/AYAM DI KOTA TINGGI**

23. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kementerian sedar adanya satu perusahaan menternak itik dan ayam secara besar-besaran di Sungai Sayong Daerah Kota Tinggi Johor yang sedang mengancam sebuah loji bekalan air di sebelah bawahnya yang dibekalkan kepada penduduk FELDA Sungai Sayong, Pasir Raja, Bukit Besar dan Bukit Ramun, demi kesihatan penduduk tempatan, apakah tindakan Kementerian di atas perkara tersebut.

**Tuan Peter Chin Fah Kui:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawalan perusahaan menternak itik dan ayam ini adalah di bawah bidangkuasa Pejabat Daerah Kota Tinggi. Oleh itu, saya telahpun merujuk perkara ini untuk perhatian dan tindakan agensi yang berkenaan.

#### **GAGASAN EAEG - PERKEMBANGAN**

24. **Tuan Ng Peng Hay** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan tentang

perkembangan promosi Kumpulan Ekonomi Asia Timur:

- (a) setakat ini berapa negara telah memberi sokongan; dan
- (b) adakah promosi tersebut menghadapi kesulitan dan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasinya.

**Tuan Chua Jui Meng:** Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh saya dalam Dewan yang mulia ini ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Tan Tiew Bock pada 24hb Julai, 1991. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun pada 25hb Julai, 1991, Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong pada 26hb Julai, 1991, Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak pada 29hb Julai, 1991, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah pada 1hb Ogos, 1991, Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah dan Yang Berhormat Tuan K. Munisamy pada 6hb Ogos, 1991. Oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

#### KEKURANGAN TENAGA BURUH

25. **Tuan Shuib bin Endut** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan kadar kekurangan buruh binaan, ladang dan lain-lain di negara ini, tidakkah Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk mengurangkan pengambilan buruh asing ini dan berusaha untuk memastikan bahawa buruh-buruh tersebut mesti datangnya daripada rakyat kita sendiri. Sekiranya yang menjadi masalah ialah kadar upah, tidakkah Kementerian Sumber Manusia bercadang untuk menetapkan upah minima untuk sesuatu pekerjaan itu.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia (Dato' M. Mahalingam):** Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai maklumat tepat mengenai kadar kekurangan tenaga buruh di sektor-sektor yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat,

Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Manusia sedar bahawa seramai 18,000 pekerja asing telah diberi kebenaran untuk bekerja secara sah di estet-estet di Semenanjung Malaysia. Memang menjadi dasar Kerajaan supaya majikan tidak bergantung selama-lama kepada pekerja asing dan oleh itu, penggajian pekerja asing adalah langkah sementara sahaja.

Pengusaha-pengusaha sektor pertanian dan perladangan juga adalah digalakkan supaya berusaha untuk memodenkan dan meningkatkan penggunaan jentera dalam proses pengeluaran mereka supaya tidak terlalu bergantung kepada penggunaan tenaga buruh. Di samping itu, bagi jangkamasa panjang usaha-usaha telah dan akan terus diambil bagi mewujudkan teknologi dan peralatan yang boleh menjimatkan tenaga buruh. Di sektor perladangan kelapa sawit, PORIM akan terus menjalankan ujian-ujian ke atas mesin penuai prototaip, pemotong buah kelapa sawit dan pengangkut dalam ladang.

Dalam sektor getah asli, tenaga buruh boleh dijimatkan dengan memberikan tumpuan kepada aspek seperti kekerapan penorehan yang rendah dan berkala dan juga pengagihan buruh untuk penorehan dan pengumpulan lateks di samping mengotomasikan tugas penorehan dengan menggunakan auto-tap.

Berhubung dengan kadar upah minima, Kerajaan, selaras dengan prinsip hak dan kebebasan untuk berkesatuan dan mengadakan rundingan bersama seperti diamalkan di negara kita, gaji dan syarat-syarat

pekerjaan bagi pekerja-pekerja sektor swasta, termasuk pekerja-pekerja estet, adalah ditetapkan secara rundingan dan persetujuan di antara pihak majikan dan pekerja. Kerajaan memang menggalakkan kedua-dua pihak untuk mencari persetujuan bersama yang adil melalui perundingan di antara mereka. Jika perundingan gagal mencapai persetujuan, khususnya di antara majikan dan kesatuan sekerja, rujukan boleh dibuat kepada Mahkamah Perusahaan untuk mendapat keputusan yang muktamad.

Bagi sektor-sektor pekerjaan tertentu di mana proses perundingan tidak dapat dijalankan secara berkesan, Kerajaan telah menyediakan satu jentera di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 untuk menetapkan gaji minima bagi para pekerja berkenaan.

Setakat ini 5 buah Majlis Penetapan Gaji telah ditubuhkan di bawah Akta ini. Golongan-golongan pekerja yang diliputi adalah seperti berikut:

- (i) Pembantu-pembantu kedai di Semenanjung Malaysia dan Sarawak;
- (ii) Pekerja-pekerja hotel dan perhidangan;
- (iii) Pekerja-pekerja pawagam; dan
- (iv) Pekerja-pekerja pemunggah kapal dan pengendali muatan kapal di Pulau Pinang.

#### **KEMUDAHAN ASAS DI BANDARAYA KUALA LUMPUR**

26. **Tuan V.K. Sellapan** minta Perdana Menteri menyatakan "Perkembangan kemudahan asas di Bandaraya Kuala Lumpur tidak seimbang dengan perkembangan fizikal":

- (a) apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini; dan

- (b) adakah cadangan untuk memindahkan pejabat-pejabat Kerajaan ke luar kawasan bandaraya ini.

#### **Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed:**

Perkembangan kemudahan asas di Bandaraya Kuala Lumpur adalah bertambah baik sejak berakhirnya Rancangan Malaysia Kelima (RML). Penduduk Kuala Lumpur kini telah meningkat kepada 1.5 juta orang dan Kerajaan telah mengenalpasti beberapa projek yang perlu dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam, untuk meninggikan lagi taraf dan mutu kemudahan-kemudahan asas di Ibu Negara.

Perkembangan infrastruktur dan perkhidmatan keperluan awam adalah meliputi kemudahan-kemudahan seperti telefon, bekalan elektrik, bekalan air, jalanraya, pembentungan dan pembuangan kumbahan, pengaliran dan tebatan banjir serta pengumpulan dan pembuangan sampah-sarap.

- (a) Langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah ini termasuklah memohon peruntukan yang lebih besar oleh DBKL dan agensi-agensi berkenaan untuk melaksanakan projek-projek penting dalam Rancangan Malaysia Keenam, iaitu:

- (i) Projek Kerja Awam dan Lalulintas-DBKL telah mengenalpasti 10 rangkaian projek untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Pelaksanaan projek-projek ini menelan belanja sebanyak \$749.45 juta. Projek-projek ini termasuklah kemudahan-kemudahan membaiki jalan, pembinaan jalan-jalan baru, pembangunan infras-

struktur untuk kampung-kampung dan juga program pengurusan lalulintas.

- (ii) Pembentukan dan Perparitan-Program utama pembentukan untuk Rancangan Malaysia Keenam ialah pelaksanaan Fasa 2A yang melibatkan kawasan Kepong dan Jinjang. Projek ini menelan belanja sebanyak \$440 juta dan di jangka akan dapat memberi perkhidmatan kepada lebih 300,000 orang.

Bagi Rancangan Malaysia Keenam, Kementerian telah mengenalpasti 23 projek perparitan, yang menelan belanja sebanyak \$151 juta, projek-projek itu ialah:

- 6 projek tebatan banjir dengan anggaran kos sebanyak \$54.5 juta.
  - 13 projek pembinaan parit-parit induk dengan anggaran kos sebanyak \$72.5 juta.
  - 4 projek memperbaiki sungai yang akan menelan belanja sebanyak \$24 juta.
- (b) DBKL masih sedang mengkaji secara terperinci perkembangan ibukota Kuala Lumpur yang juga akan melibatkan pembangunan bandar-bandar baru di Kuala Lumpur dan di Lembah Kelang. Pihak Kerajaan akan mengkaji dan mengenalpasti aktiviti-aktiviti pembangunan yang boleh di pindahkan ke kawasan-kawasan lain yang

sesuai untuk mengurangkan konsentrasi/kesesakan di ibu kota.

Pembangunan bandar-bandar baru seperti Bandar Baru Bangi, Shah Alam, Subang Jaya, Wangsa Maju, Bandar Tun Razak, Bandar Baru Sentul adalah pesat dan akan dipergiatkan lagi. Pembangunan seperti ini akan memberi peluang kepada DBKL untuk melaksanakan pembangunan yang lebih teratur dan seimbang daripada segi kemudahan-kemudahan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan awam yang lain.

#### **BAYARAN TAMBAHAN BAGI PENDEPOSIT BANK**

27. **Dato' William Chek Lin Kwai** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar atau tidak bahawa bayaran baru yang bakal dikenakan ke atas penyimpan wang, oleh bank untuk perkhidmatan tertentu akan menambah bebanan yang akan ditanggung oleh penyimpan atau 'pendeposit' wang terutama di kalangan mereka yang miskin;
- (b) sama ada Kerajaan akan menegah bank-bank dari berbuat demikian demi kepentingan penyimpan-wang yang tidak berada; dan
- (c) jika tidak, berikan sebab.

**Menteri Kewangan Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Oleh kerana pertanyaan berkaitan dengan perkara yang sama telah juga dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator David Yeoh Eng Hock yang juga dijadualkan dijawab pada hari ini, saya mohon

untuk menjawab kedua-dua pertanyaan itu serentak sekarang.

Kemajuan memang sedar bahawa bayaran perkhidmatan baru yang dicadangkan oleh pihak bank akan membebaskan pengguna-pengguna. Dengan sebab itu, Kerajaan sedang memberi perhatian serius ke atas cadangan tersebut dengan mengkajinya secara terperinci sebelum membuat apa-apa keputusan mengenainya.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penyediaan sesuatu perkhidmatan adalah melibatkan kos. Dengan demikian, adalah kurang wajar sekiranya Kerajaan menolak terus cadangan yang dikemukakan oleh pihak bank itu tanpa memberi pertimbangan yang sepatutnya.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak bank antara lain memberi alasan bahawa mereka membuat pelaburan yang besar dalam menyediakan pekhidmatan bank secara elektronik yang moden, sedangkan pengguna-pengguna didapati menggunakan perkhidmatan itu secara berlebihan tanpa batasan dan ini membebaskan pihak bank yang terpaksa menanggung kos berkaitan dengannya. Dengan demikian, salah satu daripada tujuan cadangan bayaran perkhidmatan baru itu adalah untuk memastikan bahawa pengguna-pengguna yang menggunakan perkhidmatan secara berlebihan perlu menanggung kos sewajarnya.

Sepertimana yang saya jelaskan tadi, cadangan itu masih lagi dalam kajian dan penimbangan Kerajaan. Kementerian saya ingin menegaskan di sini bahawa sekiranya ada di antara cadangan-cadangan itu didapati benar-benar perlu, pihak bank hanya akan dibenar mengenakan bayaran setakat yang perlu sahaja dan ia tidak melibatkan perkhidmatan-perkhidmatan asas yang disediakan oleh pihak bank.

## **SOCSO-CARUMAN KUTIPAN**

**28. Puan Law Jack Yoon** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) sehingga Disember 1990:
  - (i) jumlah caruman oleh SOCSO, dan
  - (ii) jumlah pencarum yang terlibat;
- (b) jumlah caruman yang telah dituntut dan jumlah pencarum itu; dan
- (c) jumlah majikan yang didakwa melanggar peraturan-peraturan SOCSO dan tindakan yang diambil terhadap mereka.

### **Dato' M. Mahalingam:**

- (a) (i) Jumlah caruman yang dikutip oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial sejak Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dikuatkuasakan pada 1hb Oktober, 1971 sehingga Disember 1990 adalah sebanyak \$1,636 juta.
- (ii) Bilangan pencarum adalah berubah dari semasa ke semasa. Bagaimanapun, bilangan pencarum yang masih mencarum dan yang pernah mencarum sejak 1hb Oktober, 1971 ialah kira-kira 4.5 juta pekerja.
- (b) Jumlah Faedah Tunai yang telah dibayar sejak 1hb Oktober, 1971 hingga 31hb Disember, 1990 ialah \$374,497, 671 dan jumlah penerima faedah tunai ialah 617,411.
- (c) Jumlah majikan yang telah didakwa di mahkamah sehingga Disember, 1990 adalah sebanyak 88 kes dan jumlah amaun denda adalah sebanyak \$86,560.

### **RACUN PEROSAK DI PERLADANGAN**

**29. Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilangan yang terkorban dalam menyalahgunakan bahan-bahan kimia perladangan seperti kimia Paraquet, Grammoxone, Lannate dan sebagainya; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang supaya agen dan pengedar bahan-bahan kimia memberi garis bantuan yang mencukupi kepada peladang-peladang terutama pekebun-pekebun kecil tidak berulang tragedi tersebut.

**Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar:**

- (a) Berdasarkan kepada statistik daripada Kementerian Kesihatan, dalam tahun 1990 sebanyak 949 kes keracunan yang melibatkan racun perosak telah di rujuk dan dilaporkan ke Hospital Kerajaan di seluruh negara. Dari jumlah tersebut, sebanyak 268 kes telah menyebabkan kematian, di mana 215 kes adalah disebabkan kejadian membunuh diri.
- (b) Di Malaysia, racun perosak adalah dikawal di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974, di mana semua racun perosak, sebelum dibenarkan dijual di negara ini mestilah terlebih dahulu didaftarkan dengan Lembaga Racun Makhluk Perosak.

Sebelum sesuatu racun perosak itu didaftarkan, ia dinilai dari segi toksikologi (kebiasannya), kemujarapan, kesan sesabaki, sifat-sifat kimia dan fizik dan lain-lain maklumat. Ini adalah bagi

memastikan bahawa semua racun perosak yang dijual di negara ini adalah bermutu tinggi, berkesan dan selamat digunakan dan tidak mendatangkan kesan buruk kepada alam sekitar jika mengikut peraturan yang disyorkan.

Selain daripada menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan racun perosak, Kementerian Pertanian melalui Jabatan Pertanian juga menjalankan aktiviti-aktiviti pendidikan dan latihan dalam bidang penggunaan racun perosak secara selamat kepada beberapa golongan sasaran iaitu petani dan juga Pegawai-pegawai Pengembangan di peringkat kawasan. Di samping itu, ceramah dan latihan juga diberi kepada pekerja-pekerja ladang oleh pegawai Jabatan Pertanian dengan kerjasama Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang Kebangsaan (NUPW) dan agensi-agensi lain. Jabatan Pertanian juga telah dan akan terus mengambil bahagian di dalam pameran di peringkat Negeri dan Persekutuan bagi menyedarkan orang ramai betapa pentingnya mengguna dan mengendalikan racun perosak secara selamat. Selain daripada itu, poster dan risalah mengenai perkara ini juga turut disebarkan kepada petani dan perkerja ladang.

### **BEKAS PERAJURIT DI LEMBAGA TABUNG ANGKATAN TENTERA**

**30. Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali Seth** minta Menteri Pertahanan menyatakan berapa ahli-ahli bekas perajurit yang telah diterima

masuk bekerja di dalam anak-anak syarikat dan syarikat usahasama LTAT. Ini adalah memandangkan semakin banyaknya bekas perajurit dari setahun ke setahun setelah berhenti dari Angkatan Tentera. Adalah juga harapan bekas perajurit itu semua diberi pekerjaan yang sewajarnya melalui jasabaik LTAT.

**Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed:** Pada masa ini terdapat seramai 131 orang bekas perajurit sedang berkhidmat dengan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), syarikat usahasama, anak-anak syarikat dan perbadanan LTAT. Dari bilangan tersebut, seramai 64 orang berkhidmat dengan LTAT dan 50 orang lagi berkhidmat di perbadanan dan anak-anak syarikatnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, LTAT sentiasa menyediakan peluang pekerjaan kepada bekas perajurit. Walau bagaimanapun, pengisiannya tertakluk kepada kekosongan jawatan yang ada dan kesesuaian pemohon.

#### BAYARAN TAMBANG PENDEPOSIT BANK

**31. Tuan David Yeoh Eng Hock** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada cadangan bayaran tambahan ke atas pelanggan bank adalah keterlaluan dan patut ditolak memandangkan bank-bank komersial mempunyai peranan untuk membantu Kerajaan membasmikan kemiskinan sosial di samping mempertingkatkan taraf perkhidmatan bank sendiri.

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim:** Jawapan berkaitan dengan perkara ini telahpun dibuat semasa menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' William Chek Lin Kwai. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk mengulangi jawapannya.

#### PERDAGANGAN MALAYSIA- LATIN AMERIKA

**32. Tuan K. Munisamy** minta Perdana Menteri menyatakan memahami hakikat Kerajaan pada masa ini mengadakan hubungan dagangan yang pesat dengan negara-negara Latin Amerika untuk meluaskan pasaran bagi barangan keluaran Malaysia.

- (a) bagaimanapun kedudukan sekarang mengenai imbalan pembayaran di antara Malaysia dengan negara-negara tersebut;
- (b) apakah jenis-jenis barang yang diimport dari negara tersebut dan dieksport dari Malaysia; dan
- (c) diketahui umum bahawa negara-negara tersebut mempunyai beban hutang luar negeri yang besar dan teknologi yang tidak setanding dengan negara-negara maju serta mereka juga mempunyai masalah dari segi pengedaran dadah. Adakah dengan mengadakan hubungan dagangan dengan mereka akan menguntungkan negara.

#### Tuan Chua Jui Meng:

- (a) Pada keseluruhannya perdagangan Malaysia dengan negara-negara Amerika Latin adalah kecil. Bagi tahun 1990, peratusan perdagangan Malaysia dengan negara-negara di rantau tersebut adalah kurang daripada 1.1% daripada keseluruhan jumlah perdagangan luar Malaysia. Jumlah perdagangan di antara Malaysia dengan Amerika Latin adalah M\$1,686.2 juta bagi tempoh yang sama. Untuk 4 bulan pertama, 191 jumlah perdagangan Malaysia dengan negara tersebut adalah M\$707.1 juta.

Angka perdagangan telah menunjukkan imbalan perdagangan memihak kepada negara-negara Amerika Latin. Bagi tahun 1990, Malaysia mengalami defisit sebanyak M\$912.6 juta.

- (b) Import utama Malaysia dari negara Amerika Latin adalah gandum dan meslin, bijirin, bahan makan untuk binatang, tembakau, kapas, biji minyak untuk keluaran minyak sayuran, besi dan keluaran besi, jongkong besi dan keluli, tiub, paip dan alat-alat besi dan keluli, enjin ombok dan alat ganti, mesin-mesin kegunaan pejabat, aluminium, tembaga, ikan, krustasia dan molaska dan kertas dan kertas papan.

Eksport utama Malaysia ke negara-negara Amerika Latin adalah getah, minyak kelapa sawil, keluaran getah, pelengkapan pendingin/pemanas, alat terima siaran radio, pelengkapan rakaman/pengeluaran suara termasuk TV, alat ganti jentera bukan elektrik, perkakas perbuatan, tekstil dan pakaian, alat ganti/aksesori bagi traktor dan kereta dan alat-alat mengukur.

- (c) Walaupun jumlah perdagangan Malaysia dengan Amerika Latin adalah kecil, terdapat potensi bagi Malaysia meluaskan hubungan dagangan. Walaupun negara-negara tersebut mempunyai beban hutang luar yang tinggi (US\$384 billion), negara-negara tersebut juga masih mengimport. Pendapatan negara tersebut dari eksport adalah US\$79.206.1 juta. Jumlah import negara-negara Amerika Latin setahun adalah sebanyak US\$73.300 juta. Buat masa ini, eksport Malaysia ke negara-

negara tersebut adalah hanya 0.19% daripada keseluruhan import mereka. Potensi ini berasaskan kepada kedudukan bahawa Ekonomi negara-negara Amerika Latin adalah 'complementary' kepada ekonomi Malaysia. Negara-negara seperti Brazil, Chile dan Argentina boleh dikatakan mempunyai teknologi tinggi dan setanding dalam bidang-bidang tertentu seperti industri besi dan keluli.

Negara-negara tersebut juga berupaya membekalkan keperluan makanan seperti bijirin, gandum, daging dan juga keperluan bahan-bahan untuk diproses dan kegunaan industri seperti keluaran besi dan keluli, tembaga, aluminium dan bahan makanan untuk binatang. Malaysia boleh membekalkan bahan-bahan mentah dan barang-barang perkilangan seperti getah dan keluaran getah, minyak sawit, alat-alat telekomunikasi, alat-alat ganti/aksesori kereta dan keluaran elektronik. Dengan jumlah penduduk 377 juta, Amerika Latin merupakan pasaran yang luas dan Kerajaan akan terus berusaha mempertingkatkan dan mengukuhkan hubungan bagi menerokai pasaran ini, terutamanya memandangkan bahawa Kerajaan-kerajaan Amerika Latin juga telah mula melonggarkan syarat-syarat import dan mengamalkan dasar ekonomi dan perdagangan yang lebih terbuka.

Mengenai masalah pengedaran dadah, adalah di maklumkan bahawa ia bukan melibatkan keseluruhan rantau Amerika Latin, tetapi hanya tertumpu kepada negara-negara tertentu seperti Colombia. Ini tidak akan menjejaskan

hubungan dagangan Malaysia dengan negara lain di rantau tersebut.

#### GAGASAN EAEG-SOKONGAN

33. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah:

- (a) matlamat saranan menubuhkan EAEG;
- (b) sokongan negara-negara yang terlibat khususnya negeri Jepun; dan
- (c) apakah pandangan Malaysia terhadap kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat untuk campur tangan dalam penubuhan EAEG.

**Tuan Chua Jui Meng:** Soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah dijawab oleh saya dalam Dewan yang mulia ini ketika dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Dato' Tan Tiew Bock pada 24hb Julai, 1991. Jawapan tersebut juga telah meliputi soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun pada 25hb Julai, 1991, Yang Berhormat Tuan Chong Chi Siong pada 26hb Julai, 1991, Yang Berhormat Dato' Azumu bin Tak pada 29hb Julai, 1991, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah pada 1hb Ogos, 1991, Yang Berhormat Tuan Ng Peng Hay dan Yang Berhormat Tuan K. Munisamy pada 6hb Ogos, 1991. Oleh yang demikian, saya tiada apa-apa maklumat tambahan yang hendak disampaikan.

#### AKTIVITI KEAGAMAAN DI PENJARA

34. **Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah aktiviti-

aktiviti keagamaan yang dijalankan di penjara-penjara di dalam usaha-usaha membawa pesalah-pesalah kembali ke pangkal jalan semula.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Aktiviti-aktiviti keagamaan yang dijalankan di penjara-penjara dalam usaha membawa pesalah-pesalah kembali ke pangkal jalan semula ialah:

- (a) Kelas-kelas agama oleh guru-guru agama penjara yang mengajar mengikut jadual harian yang telah ditetapkan.
- (b) Ceramah-ceramah agama oleh pensyarah-pensyarah dari institusi dakwah dan Pusat Islam mengikut jadual sebagaimana yang telah disediakan oleh pihak penjara dari semasa ke semasa.
- (c) Bagi banduan-banduan yang menganut lain-lain agama, pihak penjara telah memberi kebenaran kepada persatuan-persatuan yang dikenalpasti untuk menyampaikan ceramah-ceramah kepada penganut masing-masing setiap minggu.

#### BRAZIL MENGANGGOTAI ATPC

35. **Dato' Azumu bin Tak** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Brazil akan menganggotai ATPC setelah Perdana Menteri melawat dan bertemu dengan pemimpin-pemimpin negara tersebut pada 22hb Jun, 1991 yang lalu.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Seri Dr Lim Keng Yaik):** Melalui perbincangan yang telah diadakan, pihak Brazil menyatakan bahawa pihaknya masih belum bersedia untuk menganggotai Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC). Ini memandangkan bahawa negara berkenaan

masih lagi tidak dapat menyelesaikan beberapa masalah dalaman berhubung dengan perusahaan melombong timah mereka, terutamanya untuk mengawal kegiatan para pelombong tidak sah dan mengawal penyeludupan.

#### MAHKAMAH MAJISTRET DI LABUAN

36. **Tuan Isli Haji Siput** minta Menteri Kehakiman menyatakan sama ada taraf Mahkamah Majistret di Wilayah Persekutuan Labuan dapat dinaik taraf bagi menghadapi pertambahan kes-kes mahkamah tempatan.

**Menteri di-Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar):** Soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat kurang jelas. Jika perkataan 'taraf' itu dimaksudkan 'bidangkuasa' maka bidangkuasa Mahkamah Majistret telah ditentukan, dengan izin, oleh "Subordinate Courts Act 1948". Sekiranya pula ianya dimaksudkan menambah lagi bilangan Majistret bagi menghadapi perlambatan kes-kes mahkamah tempatan, maka keperluan penambahan ini adalah berdasarkan kepada kedudukan kes-kes tertangguh di mahkamah tersebut. Pada masa ini kedudukan ini di Labuan adalah terkawal.

#### MAS-KEUNTUNGAN SELEPAS DISWASTAKAN

37. **Tuan Dahalan bin Haji Embun** minta Menteri Pengangkutan menyatakan mengapa MAS rugi selepas diswastakan dan bukannya pengurusannya lebih efektif selepas diswastakan.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail;** Adalah tidak benar bahawa Penerbangan Malaysia (MAS) mengalami kerugian selepas diswastakan.

Sebenarnya MAS telah mencatatkan keuntungan sejak diswastakan pada tahun 1985. Untuk makluman Yang Berhormat, prestasi keuntungan MAS sejak diswastakan adalah:

1985/86	-	\$104,904,000.00	juta
1986/87	-	\$112,211,000.00	juta
1987/88	-	\$151,456,000.00	juta
1988/89	-	\$154,382,000.00	juta
1989/90	-	\$221,939,000.00	juta
1990/91	-	\$228,466,821.00	juta

Memandangkan yang demikian, soal kerugian atas sebab pengurusan kurang efektif tidaklah timbul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu surat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai penambahan satu hari lagi sidang Dewan Negara.

Dengan ini, saya menjemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan usul tersebut di bawah Peraturan Mesyuarat 10.

#### USUL

#### PENAMBAHAN HARI MESYUARAT

#### 3.35 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, saya. mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 10, Dewan ini mengambil keputusan supaya satu hari persidangan ditambah pada hari Rabu, 7hb Ogos 1991 untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Negara membahas Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan.

**Puan Hajah Rogayah binti Che Mat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah satu usul yang berbunyi:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 10, Dewan ini mengambil keputusan supaya satu hari persidangan ditambah pada hari Rabu, 7hb Ogos 1991 untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Negara membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 10, Dewan ini mengambil keputusan supaya satu hari persidangan ditambah pada hari Rabu, 7hb Ogos 1991 untuk memberi masa yang lebih bagi Dewan Negara membahaskan Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan.

## USUL

### RANCANGAN MALAYSIA KEENAM 1991-1995

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan pencapaian yang ketara ke arah matlamat sosio-ekonomi dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Kelima;

merestui usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan kepada pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama dan

matlamat yang terkandung di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

meluluskan Rancangan Malaysia Keenam yang dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai matlamat dan memenuhi tanggungjawab kita dalam Dasar Pembangunan Nasional, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 9 Tahun 1991;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Keenam, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk terus berusaha dengan lebih gigih dan penuh keazaman selaras dengan hasrat Rukunegara, ke arah mewujudkan masyarakat yang bersatupadu dan adil serta membentuk sebuah negara yang progresif dan teguh, (5hb Ogos, 1991)

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Menteri-menteri yang siap untuk memberikan jawapan, sebelum saya menjemput Menteri-menteri memberikan jawapan pada hari ini, saya akan memberikan peluang kepada 4 orang untuk berucap di atas Rancangan Malaysia Keenam. Selepas itu, saya akan menjemput Menteri-menteri untuk memberi jawapan.

Sekarang saya menjemput Tuan Munisamy untuk menyambung ucapannya.

**3.37 ptg.**

**Tuan K. Munisamy:** Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keenam adalah satu rancangan yang paling menyeluruh dan mengandungi aspek dan ciri-ciri yang dapat mencapai Wawasan 2020 yang diidamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini.

Pembangunan Sumber Tenaga Manusia merupakan teras utama dalam Rancangan Malaysia Keenam kerana pencapaian matlamat sosio-ekonomi bergantung kepada terdapatnya tenaga kerja yang berpendidikan mahir dan boleh dilatih.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pencapaian matlamat ini, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah yang positif seperti menggubal Akta Pendidikan baru 1990 dan memperkenalkan beberapa reformasi pendidikan seperti KBSR, KBSM, pengajaran komputer, kemahiran hidup dan penekanan terhadap pendidikan teknikal dan vokasional. Namun demikian, terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan sistem pendidikan negara kita yang harus diperbaiki. Saya mengambil kesempatan ini untuk menarik perhatian Dewan yang mulia ini agar kelemahan-kelemahan tersebut dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pengajaran bahasa Cina dan Tamil di Sekolah-sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan dan juga Sekolah Menengah tidak dijalankan dengan baik, teratur dan mengikut kehendak kaedah pendidikan. Hampir di semua sekolah negara ini pengajaran bahasa Cina dan Tamil kini dinamakan POL, atau dengan izin, Pupil's Own Language dijalankan pada hari Sabtu di luar jadual waktu semasa murid-murid dikehendaki hadir bagi aktiviti-aktiviti kokurikulum seperti aktiviti sukan dan aktiviti persatuan dan kelab sekolah.

Perkara ini meletakkan murid dalam dilema sama ada hendak hadir aktiviti kokurikulum atau POL. Usaha Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan POL dan kegiatan kokurikulum akhirnya tidak mencapai the desired result, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan kelas POL ini sekarang diajar oleh guru sambil kerana kekurangan guru tetap

untuk mengajar matapelajaran-matapelajaran ini. Apa yang amat mendukacitakan ialah ada di antara kelas POL yang diajar oleh guru sambil berusia 65 tahun. Saya pasti output mereka ini tidaklah begitu baik dan Kementerian Pendidikan harus memainkan sesuatu untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini, kelas-kelas POL ini tidak diawasi langsung oleh agensi-agensi pendidikan dan Guru Besar dan Pengetua pun tidak mengambil berat untuk menyelia dan mengawasi kelas-kelas POL. Kelas-kelas ini dibiarkan berfungsi tanpa perhatian yang serius dan dianak-tirikan oleh Pengetua-pengetua sekolah. Di kebanyakan sekolah, kelas-kelas POL ini selalu bermula lewat kadangkala sehingga bulan Mei pun masih belum bermula. Kelewatan ini berlaku kononnya persetujuan ibu bapa diperolehi lewat oleh pihak sekolah. Ada kalanya kelas-kelas POL ini ditamatkan pada bulan September kononnya tiada peruntukan kewangan untuk melanjutkan kelas ini sehingga akhir tahun.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata kelas-kelas POL ini dijalankan dengan cara begitu slipshod, dengan izin, dan ianya menimbulkan kemarahan guru, ibu bapa, murid dan juga masyarakat. Kita sekarang berada di dalam persimpangan menuju meninggikan pelaksanaan kelas-kelas POL ini melalui Rang Undang-undang Pendidikan 1990 dan beberapa langkah yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Saya ingin mengambil peluang ini mencadangkan pengajaran kelas-kelas POL ini hendaklah dimasukkan dalam Jadual Waktu dan diajar sebagai matapelajaran Jadual Waktu dan bukannya pada hari Sabtu. Mata-pelajaran POL ini hendaklah diajar oleh guru-guru terlatih. Kementerian

Pendidikan hendaklah melatih lebih banyak guru bagi pengajaran POL dan juga melatih guru di peringkat universiti untuk mengajar murid-murid sekolah menengah. Kementerian Pendidikan hendaklah memastikan agensi pendidikan melaksanakan tanggungjawab mereka dengan mengawasi dan menyelia pengajaran ini. Buku-buku teks hendaklah disediakan oleh Kementerian Pendidikan bagi pengajaran.

Kebenaran tidak perlu diperolehi daripada ibu bapa tiap-tiap tahun untuk anak mereka mempelajari bahasa Cina dan Tamil. Memadailah memohon kebenaran sekali dalam sekolah rendah dan sekali lagi dalam sekolah menengah untuk mengelakkan red-tape dan birokrasi memulakan kelas-kelas ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang ingin saya sentuh adalah berkaitan dengan kategori sekolah. Pada masa ini terdapat sekolah Kerajaan yang dibahagikan sebagai Sekolah Bantuan Penuh dan Sekolah Bantuan Modal. Saya ingin mengambil peluang ini mencadangkan hanya satu kategori sekolah sahaja perlu diadakan di dalam sistem pendidikan kebangsaan kita bagi sekolah Kerajaan. Sekolah Bantuan Kerajaan tidak perlu diadakan di dalam sistem pendidikan kebangsaan dan harus dikeluarkan dan dinamakan sebagai Sekolah Kerajaan Bantuan Penuh. Pada masa ini sekolah bantuan Kerajaan ini dinamakan Sekolah Bantuan Modal. Sekolah-sekolah Bantuan Modal tidak dibantu sepenuhnya oleh Kerajaan selain daripada gaji dan O.C.A.R. Sekolah-sekolah ini tidak menikmati kemudahan infrastruktur yang lain. Sekolah-sekolah ini tidak dibekalkan dengan meja, kerusi, alat-alat kelengkapan sekolah, pembinaan bangunan, bilik darjah, kantin, pusat sumber, tandas dan sebagainya. Walaupun di bawah pentadbiran

Kementerian Pendidikan kemudahan di atas tidak diberi kononnya sekolah ini Sekolah Bantuan Modal.

Kebanyakan Sekolah Bantuan Modal terletak di ladang, di kampung dan kampung-kampung baru. Anak-anak yang bersekolah di sini menghadapi serba kekurangan ini. Sudah tibalah masanya satu jenis sekolah sahaja diadakan dalam sistem pendidikan kebangsaan agar semua murid di negara ini menikmati kemudahan yang sama. Ini adalah satu ciri pendemokrasian pendidikan. Jika perlu Kerajaan haruslah mengkaji kemungkinan mengambilalih tanah di atas mana sekolah itu terletak dengan meminda Kanun Tanah Negara jika perlu supaya ianya boleh dijadikan sekolah Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang saya ingin menarik perhatian adalah berkaitan dengan pendidikan pra-sekolah. Saya mengalu-alukan cadangan penubuhan pra-sekolah di negara ini yang selama ini hanya dihadiri oleh golongan-golongan tertentu sahaja di bandar dan pekan-pekan besar. Penubuhan pra-sekolah akan memberi peluang kepada pelajar-pelajar dari golongan termiskin dan juga dari golongan yang berasal dari kampung, estet dan kampung baru menikmati kemudahan pra-sekolah sebelum memasuki sekolah rendah. Ini adalah satu usaha yang amat baik oleh Kerajaan.

Di bawah cadangan penubuhan pra-sekolah, Menteri boleh, di bawah keadaan tertentu, jikalau beliau berpuas hati bahawa tiada kemudahan pra-sekolah di dalam satu-satu kawasan, menubuhkan dan menyelenggarakan Tadika di kawasan tersebut. Saya mencadangkan Menteri hendaklah di bawah keadaan tertentu, setelah beliau berpuas hati bahawa tiada kemudahan pra-sekolah di dalam satu-satu sekolah rendah, menubuhkan dan

menyelenggarakan Tadika di sekolah rendah tersebut. Ini bermakna setiap sekolah rendah mestilah mempunyai pra-sekolah sama ada ianya Sekolah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Kebangsaan Cina atau Sekolah Rendah Kebangsaan Tamil.

Saya juga mengalu-alukan jaminan Kerajaan bahawa penggunaan bahasa pengantar selain daripada Bahasa Kebangsaan di Tadika. Ini jelas memperuntukkan bahasa-bahasa ibunda boleh dijadikan bahasa pengantar dengan syarat Bahasa Malaysia diajar sebagai satu matapelajaran wajib.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini pada tahun ini beberapa orang guru telah diambil untuk menjalani Latihan Asas Perguruan Pra-Sekolah di beberapa maktab di negara ini. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah tiada seorang pun guru Tamil diambil untuk dilatih bagi pengajaran pra-sekolah. Jika demikian, bagaimanakah sekolah-sekolah Tamil boleh memulakan pengajaran pra-sekolah apabila ianya dijalankan pada tahun 1993. Oleh yang demikian, saya memohon agar Kementerian Pendidikan mengambil langkah yang serius untuk melatih guru-guru Tamil untuk mengikuti Kursus Asas Perguruan di maktab-maktab perguruan di seluruh negara bagi pendidikan pra-sekolah agar sekolah-sekolah Tamil juga menikmati faedah pra-sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi aspek yang saya ingin sentuh ialah berkaitan dengan Kelas Peralihan. Pada masa ini semua murid SRJK Tamil dan Cina dikehendaki memasuki Kelas Peralihan sebelum meningkat ke Tingkatan I walaupun murid-murid di sekolah-sekolah ini scorenya perfects result, dengan izin, iaitu 6A. Tetapi seorang murid dari sekolah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan dibenarkan masuk terus ke Tingkatan I walaupun

murid di sekolah-sekolah ini gagal dengan teruknya dalam semua matapelajaran dengan mendapat semua E, Murid-murid ini akan menjadi masalah bagi guru di Tingkatan I dan mereka harus diberi pengajaran pemulihan supaya dapat mereka mengikuti pelajaran dengan baik dalam Tingkatan I.

Oleh yang demikian saya mencadangkan supaya Kelas Peralihan dibatalkan sama sekali dan menggantikan dengan satu kelas baru yang membenarkan Menteri mengadakan kelas pemulihan di mana-mana sekolah menengah kebangsaan akademik sebelum masuk ke Tingkatan I bagi murid-murid SK, SRK, SRJK(T) dan SRJK(C) irrespective dari mana mereka datang jika pencapaian mereka dalam sekolah rendah tidak up to the mark, dengan izin. Dengan cara ini semua murid lemah akan mendapat peluang pengajian pemulihan sebelum masuk ke Tingkatan I dan ini akan pasti dapat mengurangkan kadar kegagalan dalam peperiksaan-peperiksaan awam di sekolah menengah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek pembangunan Bahasa Malaysia semua rakyat Malaysia hendaklah memainkan peranan yang positif untuk memperkukuhkan lagi kedudukan dan kedaulatan Bahasa Malaysia di negara ini. Dalam aspek ini saya ingin melihat pelajar-pelajar SRJK(T) menguasai Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya dan memainkan peranan yang positif dalam nation-building, Justeru itu saya memohon agar pengajaran Bahasa Malaysia diperkukuhkan lagi di SRJK(T) dengan menambahkan masa pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah-sekolah tersebut.

Pada masa ini pelajar SRJK(T) hanya belajar 150 hingga 270 minit seminggu matapelajaran Bahasa Malaysia. Peruntukan waktu ini perlu diperbanyakkan lagi dari 300 hingga 330 minit seminggu agar mereka dapat

menguasai Bahasa Malaysia dengan sepenuhnya. Dalam keadaan demikian sukarlah pelajaran Bahasa Malaysia bagi murid-murid SRJK(Tamil) dan SRJK(Cina) bolehlah dijadikan sama dengan sukatan pelajaran Bahasa Malaysia bagi sekolah-sekolah SRK dan SK. Jika begitu, murid-murid SRJK(Tamil) dan SRJK(Cina) boleh dibenarkan menduduki peperiksaan Bahasa Malaysia yang sama seperti murid-murid SK dan SRK semasa peperiksaan-peperiksaan awam di sekolah rendah. Ini juga akan membantu membuat keputusan menghapuskan Kelas Peralihan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, saya ingin menyampaikan keadaan segolongan kecil Guru Sandaran tanpa latihan yang tidak diberi kursus asas perguruan walaupun mereka telah berkhidmat lebih kurang 10 tahun sebagai Guru Sandaran. Apa yang lebih menyedihkan adalah apabila mereka mencapai umur 30 tahun, mereka terpaksa diberhentikan menjadi Guru Sandaran dan mereka menderita tanpa pekerjaan. Guru-guru ini telah mempunyai pengalaman yang luas dan harus dijadikan aset bagi Kementerian Pendidikan. Mereka hendaklah diserap sebagai guru terlatih setelah memberi kursus dalam cuti. Sehingga mereka diberi kursus dalam cuti, mereka hendaklah dibenarkan berkhidmat sebagai Guru Sandaran walaupun melebihi umur 30 tahun untuk menampung kekurangan guru seperti yang terdapat dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Keenam, jelas menunjukkan masyarakat India adalah tertinggal di dalam bidang pekerjaan professional dan teknikal seperti di bank dan industri. Ramai kaum India walaupun memiliki kelulusan tertentu tetapi tidak mendapat pekerjaan yang sepadan dengan kelulusan mereka. Di sektor kewangan terutamanya, bank-bank kebanyakan mengambil kaum

India untuk bekerja di peringkat bawah seperti Budak Pejabat. Sudah sampai masanya sepertimana dijalankan dalam Rancangan Malaysia Keenam, kaum bukan bumiputera, terutamanya kaum India harus diberi perhatian yang lebih untuk mencapai matlamat penyusunan semula masyarakat. Kaum India juga perlu diberi perhatian dalam pengambilan pekerja-pekerja di sektor awam seperti di peringkat pengurusan tinggi dalam perkhidmatan awam. Walaupun kaum India diberi peluang di sektor swasta, ianya adalah di peringkat bawahan. Dan sektor swasta harus memberi perhatian untuk mengambil lebih ramai pekerja-pekerja India di peringkat pengurusan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, negara telah mencapai kemerdekaan sudah hampir 34 tahun dan banyak kemajuan telah dicapai dari segi pembangunan ekonomi dan fizikal di negara ini. Kemajuan yang dicapai oleh Malaysia sering disanjung dan dikagumi oleh negara-negara asing dan ini semua adalah kerana kestabilan politik dan pencapaian teratur yang telah dilakukan oleh Kerajaan sejak tahun 1957. Walau bagaimanapun, ada lagi beberapa kawasan di negara ini yang masih hidup dalam suasana zaman penjajahan. Kawasan-kawasan kampung-kampung terpencil dan ladang-ladang masih tertinggal dan segi pembangunan fizikal dan sosial. Kemudahan asas yang telah dibekalkan adalah masih di tahap yang rendah dan sungguh menyedihkan. Keadaan tandas-tandas adalah sungguh menjijikkan kerana tiada sistem saluran najis dan bekalan air yang elok dan sesuai. Keadaan sekolah juga adalah menyedihkan dengan banyak kekurangan dari segi peralatan sekolah. Saya berharap Kerajaan akan memandang serius terhadap perkara ini, terutamanya untuk memberi kemudahan asas kepada rakyat miskin di kampung-kampung terpencil di kawasan pendalaman dan ladang-ladang.

Tuan Yang di-Pertua, negara Malaysia adalah amat bertuah kerana dikurniakan dengan berbagai sumber alam semula jadi seperti perhutanan, petroleum dan terutamanya gas. Kerajaan telah mengambil langkah yang bijak dalam menukarkan stesen-stesen janaelektrik berasaskan minyak kepada yang berasaskan gas. Memandangkan simpanan gas negara adalah banyak, maka tepat pada masanya sumber tersebut digalakkan untuk dipergunakan dalam sektor industri dan pengangkutan. Di sektor industri, gas bukan sahaja digunakan untuk tujuan tenaga bahkan sebagai bahan mentah terutamanya dalam industri petrokimia yang akan menghasilkan peluang yang lebih kepada kedua-dua iaitu para pengusaha dan negara keseluruhannya. Di sektor pengangkutan, penggunaan gas asli mampat harus digalakkan dengan perancangan yang teliti supaya kegagalan dalam menggalakkan penggunaan gas petroleum cecair tidak berulang kembali. Faedah-faedah dari penggunaan CNG, dengan izin, seperti 50% lebih murah daripada minyak petrol, kecekapan yang lebih tinggi dan pengwujudan alam sekeliling yang bersih perlu disebar dan diberitahukan kepada penduduk negara ini untuk mewujudkan kesedaran untuk menukar daripada minyak petrol kepada CNG. Skim-skim pinjaman khas juga perlu disediakan oleh institusi-institusi kewangan bagi pembelian alat penukaran bagi penggunaan CNG.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negara sedang berkembang dengan pesat dan pembangunan sains dan teknologi haruslah setanding dengan perkembangan tersebut. Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk terus meningkatkan taraf sains dan teknologi di negara ini. Sehubungan dengan ini dalam Rancangan Malaysia Yang Kelima, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak \$430.8 juta untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan secara langsung dan

angka ini meningkat kepada \$600 juta bagi Rancangan Malaysia Yang Keenam.

Walaupun bagaimanapun, kalau dilihat dari Jadual 6-5 dalam Dokumen Rancangan Malaysia Yang Keenam, adalah didapati daripada jumlah peruntukan yang disediakan bagi PNP secara langsung bagi Rancangan Malaysia Kelima sebanyak \$128.4 juta telah tidak dibelanjakan. Ini menunjukkan bahawa walaupun Kerajaan memandang berat tentang PNP, badan-badan Kerajaan tertentu telah tidak mengambil langkah-langkah dengan bersungguh-sungguh untuk memajukan PNP. Adalah menjadi harapan saya dan juga negara supaya bagi Rancangan Malaysia Yang Keenam, kegiatan PNP akan diambil perhatian yang berat terutamanya agensi-agensi yang mengawal dan melaksana kegiatan PNP.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali, dalam Jadual 2-3, mukasurat 68-Dokumen Rancangan Malaysia Keenam menunjukkan peruntukan dan perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut sektor 1986 hingga 1995. Peruntukan bagi Rancangan Malaysia Yang Kelima adalah sebanyak \$37,290 juta dan perbelanjaan adalah \$35,300 juta. Ini jelas menunjukkan ada agensi-agensi tertentu yang bernafsu besar tetapi tidak dapat membelanjakan peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan. Agensi-agensi semestinya lebih rasional dalam memohon peruntukan untuk keperluan pembangunan supaya tidak berlaku lebihan peruntukan yang boleh diberi kepada sektor lain dalam ekonomi yang lebih memerlukannya seperti rancangan luar bandar, pendidikan ataupun kesihatan dan pembasmian kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Jadual 2-3 dinyatakan juga tentang peruntukan bagi keselamatan yang telah meningkat

dari 7.2% di dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima kepada 15.3% dalam tahun tempoh Rancangan Malaysia Keenam. Kita semua ketahui bahawa keselamatan negara lelah banyak mencapai kejayaan maka kegiatan penganas-penganas komunis boleh dikatakan tamat dengan Perjanjian Perletakan Senjata. Oleh yang demikian, peruntukan yang semakin meningkat ini menimbulkan tandanya. Peruntukan sebanyak \$6 ribu juta kepada pertahanan adalah amat tinggi. Kementerian Pertahanan seharusnya membelanjakan peruntukan tersebut dengan cara yang paling menguntungkan negara. Pembelian peralatan pertahanan juga perlu dilakukan dengan pengawasan yang lebih supaya tidak berlaku penyelewengan. Sering kita dapati helikopter jenis Nuri yang terhempas dan timbul banyak persoalan mengenai helikopter tersebut. Sehubungan dengan itu, saya mencadangkan agar Majlis Keselamatan Negara yang bertanggungjawab terhadap keselamatan negara menyusun semula fungsinya.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta maaf, Yang Berhormat, bolehkah ringkaskan ucapan?

**Tuan K. Munisamy:** Sudah hampir habis, sedikit sahaja lagi. Dan memainkan peranan yang lebih dalam perancangan pembelian peralatan dan lain-lain keperluan keselamatan negara. Dengan ini, saya menyokong dengan sepenuhnya Rancangan Malaysia Keenam. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator Adam Kadir.

#### 4.03 ptg.

**Tuan Adam bin Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih kerana dapat peluang berucap, mungkin buat pertama kali di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak beberapa hari lepas kita telah mendengar banyak ucapan-ucapan yang ada kaitannya dengan konsep pembangunan, pelaksanaan dan sebagainya lagi dalam hal yang berkaitan dengan Wawasan 2020 dan pembangunan pada keseluruhannya. Untuk makluman kita bersama, saya rasa soal-soal pembangunan ini tidak lain dan tidak bukan ada kaitannya dengan pembangunan manusia dan kemanusiaan itu sendiri.

Kita patut ingat dan patut kita tidak lupa pada hari ini bahawa hari ini merupakan tahun yang ke 46 Nagasaki dan Hiroshima dibom dan itu merupakan satu implikasi kemanusiaan di dalam mengejar pembangunan juga, kerana pada suatu masa dahutu peperangan ini adalah unjuran kepada pembangunan kerana pembangunan cita-cita, pembangunan ekonomi dan pembangunan pembesaran empayar jepun pada suatu masa dahulu.

Jadi, ini saya pandang sebagai satu lambang bagaimana soal-soal manusia dan kemanusiaan itu harus diberi perhatian yang lebih di dalam segala segi soal-soal pembangunan ekonomi ataupun yang berbentuk kebendaan, juga soal-soal yang berkaitan dengan kerohanian.

Soal-soal kerohanian sudah kita dengar banyak di dalam Dewan ini, tetapi katau kita confine, dengan izin, atau kita bataskan sahaja kepada soal-soal pembangunan berkaitan dengan kebendaan, (material) sahaja atau yang disebut ekonomi itu, kita akan dapati bahawa soal-soal itu tidak lain dan tidak bukan pada asalnya ianya bermula daripada perkara-perkara atau usaha-usaha untuk memenuhi tiga keperluan asas iaitu memenuhi keperluan manusia untuk mencari makan yang kedua, soal-soal berkaitan dengan pakaian; yang ketiga, soal-soal berkaum dengan tempat tinggal ataupun tempat berteduh yang kita

namakan sebagai perumahan. Tetapi pada waktu ini sejak 10 ataupun 20 tahun dahulu, dua keperluan yang dianggap penting sama dengan tiga yang pertama tadi ialah berkaitan dengan kesihatan dan juga pendidikan.

Jadi, kita haruslah memberi perhatian bahawa segala yang kita panggil pembangunan jalanraya, pembangunan perumahan dan pembangunan apa sahaja, baik pertahanan ataupun baik soal-soal yang kelihatan sebagai abstrak, yang tak dapat dilihat itu sebenarnya menuju kepada lima perkara yang kita sebutkan tadi iaitu, rnakn, pakai, rumah, kesihatan dan juga pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, segala soal-soal manusia dan kemanusiaan ini sebenarnya akan menguji kita sejauh mana sesuatu bangsa atau seseorang manusia itu boleh dianggap boleh dipercayai atau tidak. Kalau kita bandingkan dengan apa yang berlaku di negara Jepun pada waktu ini umpamanya, kita dapati walaupun Jepun itu dianggap sebagai sebuah negara dan sebuah 'nation' ataupun mengandungi manusia yang tinggi etikanya, tetapi sejak berpuluh tahun dahulu kita dengar ada sahaja skandal, skandai kewangan umpamanya hingga menjatuhkan beberapa Perdana Menteri, beberapa Menteri dan pada hari ini saya mendengar, kalau tak salah, Menteri Kewangannya juga akan berhenti kerana ada skandal kewangan. Jadi, soal-soal kewangan ini berkaitan pula dengan pasaran saham, ada manipulasi, ada desepsi, ada juga misrepresentasi yang kita boleh kaedahkan dengan istilah "penipuan".

Jadi, sekiranya sebuah negara, sebuah ekonomi dan suatu sistem seperti Jepun itu masih terus-menerus berlaku skandal macam ini, saya percaya walaupun kita tidak tahu, saya percaya tentu sedikit sebanyak benda ini sedang ataupun mungkin sudah selalu berlaku di dalam negara kita ini.

Kalau kita sebut Bursa Saham umpamanya, Bursa Saham itu dianggap daripada segi pendekatan ekonomi sebagai barometer, barometer yang boleh meregisterkan kesihatan ekonomi negara. Kalau umpamanya Bursa Saham itu sentiasa berjagat, maka kesihatan ekonomi itu sudah terjejas. Jadikalau kita ingin melihat suatu pembangunan ekonomi yang baik pada masa akan datang, jadi unsur yang pertama yang harus kita tekankan ialah unsur manusia itu sendiri supaya masyarakat antarabangsa sentiasa percaya kepada kita, kerana yang membohong, yang membuat tipu-helah dan sebagainya itu bukan sistem, bukan benda-benda yang tidak bernyawa tetapi yang pada asasnya ialah manusia itu sendiri.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang kerana banyak lagi orang yang ingin bercakap, tetapi saya tahu, cuma saya tak mahu sebut apakah nama company atau sebagainya lagi. Saya mendapat tahu bahawa ada sebuah company yang disenaraikan, sekurang-kurangnya sebuah company yang disenaraikan mengandungi statement, cerita latarbelakang yang rakyat di suatu tempat itu tahu statement itu lidak betul. Ianya tidak betul kerana sengaja, saya percaya ditutupkan rahsia-rahsia tertentu supaya pada akhirnya pihak yang terlibat itu mendapat berjuta-juta ringgit, hanya dengan memainkan nilai-nilai tertentu, nilai companynya naik, kemudian dia pergi kepada CIC, dapat penilaian baik. Kemudian pihaknya mendapat saham yang banyak, dijualkan di pasaran dengan nilai 4 atau 5 juta ringgit dan orang yang terlibat itu ialah orang yang berkedudukan baik di pihak bukan swasta, di pihak pentadbiran dalam Kerajaan umpamanya. Jadi, orang yang macam ini kalau terus-menerus kita biarkan sahaja, nescayalah tahap

confidence, dengan izin, tahap keyakinan dalam negara dan antarabangsa terhadap kesihatan ekonomi kita ini pasti akan terjejas.

perkara ini saya tahu sendiri. Saya lahu sebab umpamanya selepas Yang Berhormat Dato' Daim, bekas Menteri Kewangan membuat pengumuman pada tahun 1988 umpamanya bahawa katalah syarikat broking saham umpamanya mesti mempunyai \$20, maka ada pihak tertentu ini sudah membuat satu manipulasi, saya rasa, sehinggakan pada tahun 1989 keuntungannya sudah menjadi sampai sepuluh kali ganda. Pada tahun 1990, lebih lagi berlipatganda.

Ini semua kalau orang tahu mengenai dengan pasaran kewangan dengan soal-soal berkaitan dengan finance dan hal finance, kita tahu, kita tak payah pergi kepada detil, kita sudah tahu ada sesuatu perbuatan, dengan izin, the undercurrent itu yang membuatkan nilai begitu naik tinggi. Dan ini semuanya ada tujuan tertentu kerana pada beberapa bulan lepas, company itu dimasukkan kepada satu company lain, kemudian dijadikan sebuah syarikat awam, difloat, dijual kepada pasaran saham. Saya mendapat tahu juga laporannya mengatakan ianya over-subscribed 50 kali ganda. Jadi, dengan sekelip mata sahaja bukan sahaja seorang mendapat \$1 juta tetapi \$5 juta, hanya menjual kertas, mungkin. Yang terpaksa bayar ialah rakyat, tetapi pihak yang berkenaan yang tahu lentang perkara ini sedang mencari-cari kenapa boleh jadi begini. Kerana pada awalnya kita lahu, macam lesen broking itu tidak diberi kepadanya, dia beri kepada badan tertentu, kemudian orang-orang tertentu sudah menggunakan kesempatan di Ali-Babakan, kemudian akhir-akhirnya sekali dijual kepada pasaran dengan nilai yang begitu tinggi.

Jadi, apa yang tercatat dalam prospectus kompeni yang saya katakan ini, sebenarnya lain daripada hal yang berlaku. Sebenarnya semenjak ianya ditubuhkan iaitu kira-kira satu dekad dahulu. Oleh itu, saya menyerulah menerusi Dewan ini kepada pihak-pihak tertentu supaya sekiranya dapat menyiasat perkara ini dan apabila didapati ada bukti-bukti, haruslah kita ambil tindakan berdasarkan fasal-fasal tertemu-mungkin Fasal 46 ataupun apa-apa fasal yang relevant di dalam Akta Syarikat tahun 1965 dan juga peraturan-peraturannya. Kita tidak harus biarkan perkara ini terus-menerus kerana seperti saya kata tadi, barometer kesihatan ekonomi kita terletak apa yang berlaku tiap-tiap hari, registernya di Bursa Saham.

Jadi, saya ulangi lagi, sekiranya sebuah negara yang mempunyai etika yang tinggi seperti Jepun itu masih lagi berlaku perkara-perkara yang seperi ini, saya bimbang negara kita yang masih lagi kurang etikanya-saya mengakui itu betul dan banyak lagi perkara-perkara yang berlaku. Mungkin apa yang berlaku satu hari nanti akan timbul benda-benda yang terlalu teruk hingga susah kita hendak kawal lagi kerana terlalu banyak dan rancaknya kompeni-kompeni yang diletakkan di dalam pasaran pada waktu ini. Kita takut, manusia rakyat biasa, bila sesuatu saham itu hendak dijual, kita tengok barisan di MIDF sana panjang-panjang, orang-orang yang pergi membeli itu kita nampak orang yang membeli adalah peniaga kecil, peniaga gerai dan saya tengok makcik-makcik, amoi-amoi dan nyonya-nyonya pun ada. Tidaklah orang yang betul-betul banyak duit, jika dilihat dari rupa kita boleh tahu keadaan sosio-ekonomi mereka. Jadi orang yang macam ini selalunya tidak mengerti. Dia ingat apabila sama baharu dibuka, mesti ada keuntungan. Tetapi kita tidak tahu bahawa dengan cara itu hanya menolong orang-orang tertentu menjadi kaya. Jadi, ini sesuai dengan dasar kita

daripada lahun 1982 dahulu, bersih, cekap dan amanah, serupa seperti sekarang juga, disiplinya.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan tadi, tidaklah saya mahu memanjangkan sangat-mungkin sudah 10 minit, kerana Ahli Yang Berhormat sebelum saya tadi, iaitu Yang Berhormat Munisamy bercakap lama sangat, jadi, saya pun kadang-kadang duduk di atas sana, minta jangan bercakap, jangan lama-lama. Ini sudah lebih 10 minit. Bagaimanapun, sukaulah saya mengulangi lagi bahawa soal pembangunan ini tidak lain dan tidak bukan adalah berkaitan dengan perkara yang saya sebutkan tadi, iaitu 5 perkara-makan, pakai, rumah, kesihatan, pendidikan dan segala pembangunan secara material itu hanya menuju kepada situ dan apabila sampai di waktunya ianya akan menjadi asas pula untuk kita beribadat dan sebagainya kerana daripada ketenteraman itulah maka pembangunan ekonomi dan pembangunan rohani itu akan berjalan selaras.

Bertolak daripada itu juga, saya berharap, kesihatan ekonomi kita seperti yang saya sebutkan tadi, register, barometernya terletak kepada Bursa Saham yang latar belakangnya adatah sepertimana yang saya sebutkan tadi. Mudah-mudahan pihak tertentu, baik di gallery sana boleh sampaikan kepada bos-bos mereka supaya perkara ini boleh disiasat demi kebaikan negara, demi kebaikan kita semua dan demi kebaikan anak-cucu kita, demi pembangunan negara pada masa akan datang kerana ianya terletak kepada tahap keyakinan pada diri kita, tahap keyakinan kepada rakyat kita, masyarakat kita, bangsa kita dan juga masyarakat antarabangsa.

Jadi, dengan itu, saya menyokong Rancangan Malaysia Keenam ini dan saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Ng Peng Hay.

4.15 ptg.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memohon izin kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan usul Rancangan Malaysia Keenam dan saya menyokong penuh Usul Rancangan Malaysia Keenam yang telah diusulkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kemudiannya diusulkan pula oleh Yang Berhormat Menteri dari Jabatan Perdana Menteri di Dewan yang mulia ini. Saya yakin bahawa usul ini akan mendapat sokongan sepenuhnya daripada rakan-rakan seperjuangan saya di dalam Dewan yang mulia ini pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Rancangan Malaysia Keenam ini selaras dengan dasar pembangunan nasional yang kemudiannya akan memenuhi hasrat dan harapan semua warganegara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kerajaan kita kerana dalam Rancangan Malaysia Keenam bahawa sektor pertanian dan pembangunan luar bandar telah diperuntukan \$9 bilion yang mana Kerajaan akan terus berusaha bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian yang sedang ada dan juga dengan peruntukan yang ada ini Kerajaan akan memodenkan dengan aktiviti-aktiviti komersial yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi seperti horticulture, aquaculture, perikanan laut dalam dan ternakan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin sebut pada petang ini ialah berkenaan dengan sektor pertanian iaitu berkenaan dengan aktiviti ternakan. Sebenarnya, Kerajaan kita

sedang merancang dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk meningkatkan produktiviti di dalam bidang ternakan, tetapi apa yang telah berlaku baru-baru ini ialah negara jiran kita iaitu pihak Kerajaan Singapura hendak menjejaskan usaha Kerajaan kita. Saya sebutkan demikian kerana apa yang saya dapati baru-baru ini Kerajaan Singapura telah mengumumkan akan melaksanakan satu skim 'accreditation', scheme, dengan izin, ataupun skim pengiktirafan mutu hasil ternakan-ternakan seperti telur ayam dan itik hidup sebelum dieksport ke Singapura.

Saya sebutkan masalah pengiktirafan mutu hasil ternakan ini adalah kerana sekiranya Singapura melaksanakan skim ini, ia akan menjakan industri ternakan di negara kita kerana apa yang saya dapati pada masa kini skim pengiktirafan ataupun accreditation scheme ini sekiranya didasarkan oleh pihak Singapura lebih-kurang 400 ladang ternakan, khususnya ternakan ayam akan terjejas kerana mereka telah melabur lebih kurang \$150 juta dalam industri ternakan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini bahawa tiap-tiap tahun negara kita mendapat keuntungan dari pertukaran wang asing daripada eksport hasil ternakan ke Singapura lebih kurang \$450 juta. Sekiranya Kerajaan Singapura terus melaksanakan, dengan izin, accreditation scheme ini, kemungkinan ia akan menjejaskan lebih kurang 100,000 orang pekerja dengan secara langsung atau tidak langsung yang sedang bekerja di ladang-ladang ternakan ayam.

Saya menyebutkan masalah ini bagi pihak semua penternak-penternak, khususnya penternak ayam kerana mereka telah mengalami satu pengalaman pada tahun yang lalu iaitu pada mula-mula Singapura lelah melaksanakan skim pengiktirafan mutu

hasil ternakan seperti babi. Sebelum babi dieksport ke Singapura dua tahun yang lepas, Kerajaan Singapura telah melaksanakan satu skim pengiktirafan mutu hasil daripada ladang ternakan babi dan mula-mula pegawai dari Singapura telah melawat ke ladang-ladang ternakan babi dan selepas itu mereka telah menentukan dengan sendiri, dengan cara Singapura bahawa mereka telah membatalkan beberapa pesanan ternakan babi dan tidak membenarkan babi ini dieksport ke Singapura. Apabila Singapura melaksanakan skim ini pada masa itu, Kerajaan kita ataupun Jabatan Perkhidmatan Haiwan tidak mengadakan halangan kerana ini kemungkinan satu skim yang baik untuk menentukan mutu hasil ternakan. Tetapi sebaliknya, kita dapati bahawa Singapura dengan usaha ini telah bersubahat dengan pihak Indonesia di Pulau Batam telah dengan cara besar-besaran melabur satu ladang ternakan yang terbesar di dalam kawasan ini iaitu satu ladang ternakan babi untuk membekalkan babi-babi ini ke Singapura dan dengan cara itu ladang-ladang ternakan babi di negara kita terpaksa ditutup dan mereka menanggung kerugian yang besar.

Kali ini pula, pihak Kerajaan Singapura telah mengambil tindakan mencadangkan satu skim pengiktirafan mutu hasil ternakan iaitu ayam dan telur dan rancangan yang dicadangkan ini telah Kerajaan Singapura ingin melaksanakan berkuatkuasa pada bulan ini. Tetapi kerana penternak-penternak ayam di negara kita telah mengadakan pendirian yang begitu teguh menentang apa yang dicadangkan oleh Singapura, maka dengan kerjasama daripada Kementerian Pertanian iaitu Jabatan Perkhidmatan Haiwan, dua kali perundingan telah diadakan dengan pihak Kerajaan Singapura.

Saya sebutkan perkara ini pada petang ini dengan harapan bahawa Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan

berdiri sama dengan penternak-penternak ayam supaya menolak dan menentang cadangan pihak Singapura. Saya sebut demikian kerana selama ini, penternak-penternak kita telah mengeksportkan hasil ternakan-ternakan dengan diperiksa ataupun disemak oleh pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah memeriksa dan semak semua ladang-ladang ternakan dan memastikan mutu daripada hasil ternakan ini sebelum dieksport adalah berpuashati ataupun meningkat mutu yang dikehendaki oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Kemudian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan mengeluarkan satu sijil kesihatan, dengan izin, health certificate, barulah hasil ternakan-ternakan ini dapat dieksport ke negara-negara dengan mutu hasil ternakan yang berkualiti.

Apa yang saya bimbang ialah apabila Singapura melaksanakan skim ini, ia sebagai satu tindakan menghina Jabatan Perkhidmatan Haiwan negara kita dan saya berpendapat tujuan Singapura melaksanakan skim ini bukan hendak menentukan mutu hasil ternakan tetapi semata-mata hendak membantu Pulau Batam, Indonesia meningkatkan industri ternakan.

Saya berpendapat, oleh kerana Singapura sedang berusaha bersubahat dengan pihak Indonesia melancarkan atau melaburkan dengan secara besar-besaran dalam industri ternakan bahawa dengan melaksanakan skim pengiktirafan mutu hasil ini adalah satu cara untuk mengawal hasil ternakan Malaysia dieksport ke Singapura. Tuan Yang di-Pertua, selama ini hasil ternakan dieksport ke Singapura telah tidak menjadi masalah. Kenapa pada masa ini, barulah Singapura hendak melaksanakan skim tersebut?

Saya berpendapat bahawa sekiranya Singapura mengambil Malaysia sebagai jiran sepakat, yang mana Perdana Menteri Singapura telah mengumumkan mengenai perhubungan dua hala di antara Singapura, Johor dan Pulau Batam, Indonesia dan juga telah mencadangkan satu rancangan pertumbuhan ekonomi di antara ketiga-tiga kawasan ini, Singapura haruslah memberi pertolongan ataupun membantu Malaysia di segi mengeluarkan hasil ternakan dan bukan semata-mata memilih kasih ataupun menitikberatkan hanya Pulau Batam, Indonesia dan dengan cara mengadakan skim ini, mengawal segala hasil ternakan dari Malaysia dieksport ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, apa juga yang telah rasa kecewa oleh penternak-penternak ayam khususnya bahawa Primary Production Department, dengan izin, ataupun Jabatan Pengeluaran Utama Singapura telah beberapa kali berdialog, berbincang dengan pihak penternak-penternak tetapi mereka masih ingin melaksanakah skim ini. Walaupun Jabatan Perkhidmatan Haiwan di bawah Kementerian Pertanian telah mengadakan perbincangan bulan lalu dan perbincangan pun telah diadakan kali yang kedua semalam tetapi kami belum tahu apa keputusannya.

Apa yang saya suka sebut pada petang ini iaitu saya telah mendapatkan mandat daripada 400 penternak-penternak ayam seluruh negara ini dan sekiranya pihak Jabatan Pengeluaran Utama Singapura masih hendak terus melaksanakan skim pengiktirafan mutu hasil ternakan daripada negara kita, maka semua penternak-penternak ayam khususnya di negara kka akan mengadakan satu tindakan sebulat suara, dengan izin, untuk boikot pasaran Singapura dan mereka telah berseluju bersama untuk mengambil tindakan atau langkah yang mana sebiji telur pun tidak akan dieksport ke

Singapura. Biar kita selesaikan masalah ini dengan mengeksport ke negara-negara lain.

Oleh yang demikian, saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyeru dan merayu bagi pihak penternak-penternak ayam yang ada di negara kita ini kepada Kementerian Pertanian khususnya Jabatan Perkhidmatan Haiwan bagi menjaga kewibawaan negara kita supaya terus menolak cadangan daripada Jabatan Pengeluaran Utama Singapura atas cadangan accreditation scheme ini, dengan izin, kerana kalau tidak, ia akan menjejaskan segala penternak-penternak di negara kita.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kementerian Pertanian akan mengadakan satu kenyataan ataupun satu penjelasan yang jelas kepada semua penternak-penternak negara kita tentang cadangan accreditation scheme yang telah dicadangkan oleh pihak Singapura ini,

Saya berharap Kementerian Pertanian dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk menjaga kewibawaan negara kita dan juga untuk kepentingan semua penternak-penternak yang ada di dalam negara kita ini akan mengambil satu pendirian supaya kita tidak akan menyokong Kerajaan Singapura dalam menjalankan skim yang saya sebut tadi.

Satu lagi perkara yang mengecewakan kami ialah pegawai-pegawai daripada Jabatan Pengeluaran Utama Singapura telah datang dengan cara persendirian untuk melawat ke ladang-ladang ternakan ayam dan telah menentukan mutu dan menetapkan satu taraf di ladang-ladang ternakan. Maka ini adalah merupakan sebagai satu langkah yang menghina kepada Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, saya berharap Kementerian Pertanian kita akan memberi satu

penjelasan yang jelas kepada penternak-penternak supaya mereka tidak bimbang lagi berkenaan dengan pengeksportan hasil ternakan-ternakan mereka ke Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka pada petang ini menyebut dalam Rancangan Malaysia Keenam ini, berkenaan dengan perkara pengangguran dalam negara. Kadar pengangguran telah kurang daripada 8.3% dalam tahun 1986 kepada 6% dalam tahun 1990. Sejumlah sejuta pekerjaan telahpun diwujudkan mengikut Laporan Rancangan Malaysia Keenam yang mana 440,000 daripadanya adalah dalam sektor pembuatan.

Walaupun pengangguran masih wujud, pengurangan kadar pengangguran yang besar telah menghasilkan pasaran buruh yang ketat dan menyebabkan kekurangan tenaga pekerja dan kadar upah yang meningkat daripada sebuah negara yang mempunyai tenaga pekerja yang berlebihan negara kita kini menuju ke lahap pembangunan di mana industri-industri menghadapi kesulitan untuk mendapatkan pekerja. Walaupun setiap tahun seramai 250,000 lepasan sekolah memasuki pasaran buruh, tetapi setakat ini sektor pembuatan telah menghadapi satu masalah yang besar iaitu kekurangan pekerja. Apa yang telah menyebabkan masalah ini ataupun salah satu daripada sebabnya ialah bahawa sikap generasi muda ataupun belia-beliawanis kurang minat bekerja di kilang-kilang.

Oleh yang demikian, saya berharap, Kementerian yang berkenaan akan mengadakan satu tindakan ataupun mengadakan satu program untuk membawa belia-beliawanis serta generasi muda ini untuk melawat ke kilang-kilang supaya meningkatkan kesedaran mereka untuk berkhidmat di kilang-kilang.

Masalah kekurangan tenaga pekerja ini akan menjejaskan usaha Kerajaan kita dalam mempromote Malaysia sebagai satu destinasi pelaburan di negara-negara asing. Apa yang saya difahamkan ada setengah-setengah kilang telah memasang jentera-jentera tetapi jentera-jentera ini tidak dapat dijalankan dan tidak dapat mengeluarkan hasil pengeluaran kerana mereka tidak dapat tenaga pekerja-pekerja. Walaupun setengah-setengah kilang ini telah melalui iklan di akhbar-akhbar, melalui siaran radio, pengumuman melalui ketua-ketua kampung, melancarkan program-program untuk mengambil pekerja-pekerja tetapi malangnya tidak ada sambutan. Ini disebabkan peningkatan kilang dan pertumbuhan ekonomi negara.

(Tuan Adam bin Kadir  
*mempengerusikan Mesyuarat*)

Oleh yang demikian, saya berharap Kerajaan kita akan mengambil satu tindakan yang segera untuk mengatasi kekurangan tenaga pekerja mahir atau tidak mahir. Untuk jangka pendek, saya mencadangkan supaya Kerajaan dan khususnya Kabinet kita akan mengkaji semula tentang peraturan-peraturan dan undang-undang di negara kita ini supaya membenarkan sektor pembuatan ini mengimport pekerja-pekerja asing untuk mengatasi masalah yang sedang dihadapi. Kalau tidak, ia akan menjejaskan usaha Kerajaan kita untuk menarik pelabur-pelabur asing.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya berharap Kementerian Pendidikan juga akan berusaha untuk mengubahsuaikan kurikulum dalam sekolah-sekolah supaya akan mengadakan latihan lebih ramai lagi tenaga pekerja yang mahir untuk menampung keperluan sektor pembuatan pada masa kini. Saya dapati ada setengah-setengah swasta ataupun pihak sekolah-sekolah swasta telah dan sedang menjalankan kursus-kursus kemahiran untuk

mendidik pelajar-pelajar dalam bidang kemahiran supaya mereka akan mendapat pekerjaan di kilang-kilang dan menampung memenuhi keperluan kilang-kilang. Satu dari contohnya ialah sekolah-sekolah swasta seperti Sekolah Menengah Pay Fong di Melaka ini telah menganjurkan kursus-kursus kemahiran seperti electronic dan electrical, dengan izin, untuk mendidik pelajar-pelajar sekolah ini, kemudian lepas itu akan dihantar ke kilang-kilang untuk menampung memenuhi keperluan. Maka dengan usaha pihak sekolah swasta ini, saya berpendapat bahawa Kementerian Pendidikan harus memberi sumbangan dan peruntukan kepada sekolah-sekolah swasta seperti Sekolah Menengah Pay Fong di Melaka ini sebagai satu sumbangan dan galakan dan dorongan supaya mereka akan mendapat peruntukan daripada Kementerian, Pendidikan untuk melengkapkan lagi sekolah ini untuk menjalankan kursus-kursus kemahiran ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan cadangan mengimport pekerja-pekerja asing, saya mencadangkan Kerajaan kita dengan segeranya mengubahsuaikan atau meminda undang-undang supaya mengenakan bayaran levi terhadap pekerja-pekerja asing dan Kerajaan boleh mencadangkan mengadakan secara kontrak kepada pekerja-pekerja asing yang mahir seperti didapati bahawa di Indonesia mempunyai tenaga pekerja yang ramai dan di Bangladesh dan Filipina mempunyai pekerja-pekerja mahir dalam bidang tekstil. Dengan ini saya berharap Kerajaan kita akan bertindak dengan segera untuk mengatasi kekurangan tenaga pekerja. Kalau tidak, kita tidak akan dapat bersaing dengan negara-negara jiran seperti Indonesia dan Thailand.

Tuan Yang di-Pertua....

**Tuan Adam bin Kadir:** Panjang lagi?

**Tuan Ng Peng Hay:** Sedikit lagi. Tuan Yang di-Pertua, di sini suka saya menyebut sedikit berkenaan dengan industri ternakan babi ataupun khinzir.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Minta ringkaskan sedikit, sudah 20 minit. Tadi Yang Berhormat selalu mengingatkan orang supaya ringkas, jadi Yang Berhormat harus ringkas jugalah.

**Tuan Ng Peng Hay:** Baik. Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi, ini penting untuk mengatasi masalah pencemaran untuk keseluruhan. Industri ternakan babi ini yang telah wujud di negara kita ini lebih kurang 300 tahun yang mana telah membantu Kerajaan kita menguntungkan pertukaran wang asing setahun lebih kurang \$250 juta sehingga \$300 juta. Maka industri ini telah mewujudkan lebih kurang 40,000 peluang pekerjaan di negara kita. Apa yang saya sebut pada petang ini ialah berkenaan dengan industri ternakan babi yang telah diadakan di negeri Melaka. Pada setakat ini di negeri Melaka mempunyai 180 penternak ladang ternakan babi. Sebenarnya ladang ternakan babi yang ada di Melaka lebih kurang 230 tetapi kerana pelaksanaan penguatkuasaan Enakmen Ternakan Babi yang telah diluluskan di Dewan Undangan Negeri Melaka pada tahun 1980 dan telah dilaksanakan berkuatkuasa pada tahun 1981, maka lebih kurang 50 ladang ternakan babi terpaksa ditutup kerana tidak dapat memenuhi kehendak-kehendak dalam Enakmen Ternakan Babi kini tinggal lagi 180 ladang ternakan babi.

Baru-baru ini hanya 100 ladang ternakan babi telah diberi lesen ataupun diberi membaharui lesen oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan. Ada lagi lebih kurang 80 ladang ternakan babi masih belum dapat dibaharui lesen untuk industri ternakan babi Melaka. Apa yang saya difahamkan oleh Jabatan

Perkhidmatan Haiwan bahawa Kerajaan Negeri Melaka pun telah mencadangkan mengadakan satu 'pig farming area' dengan izin, satu kawasan tumpuan, satu kawasan pusat untuk ternakan digazetkan sebagai tempat ternakan babi dan cadangan ini sedang diuruskan. Tetapi masalah yang dihadapi ialah Melaka memerlukan lebih kurang \$58 juta untuk pembinaan infrastruktur dan sistem penyaringan air. Ini tidak termasuk kos pengambilan tanah.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat, dua minit lagi, fasal sudah dua kali kata 'sedikit'-dua minit lagi.

**Tuan Ng Peng Hay:** Oleh yang demikian ia memerlukan lebih kurang \$70 juta untuk melaksanakan projek yang saya sebut tadi PFA itu. Saya memohon kepada Kerajaan Pusat dapat dengan segeranya memberi satu peruntukan \$70 juta untuk Melaka bagi melaksanakan projek Pig Farming Area, dengan izin, untuk mengawal pencemaran alam sekitar dan mengatasi masalah sensitif yang dihadapi oleh kaum ataupun umal-umat Islam di negeri Melaka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua tiga perkara, oleh kerana masa yang suntuk, tetapi saya ingin menyebutkan satu perkara lagi iaitu berkenaan dengan.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Saya sudah kata tadi tinggal dua minit. Sudah dua kali kata habis, habis, tetapi belum habis lagi.

**Tuan Ng Peng Hay:** Satu perkara yang amat penting....

**Tuan Adam bin Kadir:** Saya beri satu minit lagi.

**Tuan Ng Peng Hay:** Okay, baik. Tuan Yang di-Pertua, iaitu berkenaan dengan telekomunikasi ataupun

perhubungan telekom yang amat penting untuk orang ramai. Saya berharap dalam Rancangan Malaysia Keenam bahawa sistem telekomunikasi akan diperluaskan dan bayaran cagaran akan dikurangkan dan kadar bayaran telefon ini akan dikurangkan. Di sini saya suka meminta perhatian daripada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos berkenaan dengan dalam penggunaan telefon-telefon Atur. Saya sebut demikian kerana saya dapati bahawa saya dapat aduan daripada orang ramai penggunaan telefon-telefon Atur di negara kita ini tidak sulit lagi.....

**Tuan Adam bin Kadir:** 15 saat lagi!

**Tuan Ng Peng Hay:** ...kerana saya dapati ada pihak-pihak yang tertentu menggunakan radio seperti yang saya sebut ini yang saya dapat rampas daripada seorang kawan saya, telefon jenis yang menggunakan FM dan AM yang.....

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang boleh membuat rakaman orang bercakap antara dua tempat?

**Tuan Ng Peng Hay:** Ya.

**Tuan Adam bin Kadir:** Jadi, dengan itu terima kasih.

**Tuan Ng Peng Hay:** Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya minta Kementerian mengambil tindakan terhadap orang-orang yang membuat rakaman secara haram. Sekian, terima kasih.

**Tuan Adam bin Kadir:** Saya rasa pihak Yang Berhormat semua dan juga wartawan di sana kita anggap sebagai satu unit kerjasama. Saya perhatikan kadang-kadang tak ada orang langsung di sana. Kita hendaklah juga Yang Berhormat Senator menjalankan tugas, yang pihak wartawan di sana melaporkan sedikit, barulah ada sedikit

persefahaman kedua-dua belah pihak. Kadang-kadang tak ada langsung wartawan di sana, jadi mereka ini bercakap pun hendak juga ada kesannya dengan orang ramai. Kadang-kadang ramai wartawan dan kadang-kadang tak ada langsung. Jadi itu sahajalah pesanan saya. Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Johan.

**4.40 ptg.**

**Tuan Johan B.O.T. Ghani Christopher:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan pada petang ini. Sebelum saya meneruskan perbahasan saya, terlebih dahulu saya akan memperbetulkan kedudukan dan kenyataan yang telah dibuat oleh saudara saya, Yang Berhormat Tuan Frankie Chong di Dewan Negara baru-baru ini yang menuduh bahawa Yang Amat Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun, bekas Ketua Menteri Sabah dan bapa kemerdekaan Sabah membeli sebuah kapalterbang dan kalah lagi Perdana Menteri. Kenyataan ini sangat menyedihkan dan dikesalkan oleh saya kerana mungkin Yang Berhormat kalau dia ada pada petang ini, saya akan bertanya kepada Yang Berhormat bahawa di mana dia tahu bahawa Yang Amat Berhormat Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun membeli sebuah kapalterbang?

**Tuan Adam bin Kadir:** Kalau tak silap saya, Yang Berhormat telah menjawab masa hari itu.

**Tuan Johan B.O.T. Ghani Christopher:** Ya, saya hendak betulkan. Sebenarnya bukan Yang Amat Berhormat Tun yang membeli kapalterbang, Kerajaan Negeri Sabah dan pada ketika itu apabila Kerajaan USNO tidak berkuasa lagi, maka diambilalih oleh Kerajaan Berjaya, maka kapalterbang itu telah dijual oleh Kerajaan Berjaya dan pada ketika itu

Ketua Menteri Sabah yang ada pada hari ini menjadi Menteri Kerajaan Tempatan dan saya minta Yang Berhormat bertanya kepada Ketua Menteri pada hari ini.

**Tuan Adam bin Kadir:** Baik. Boleh Yang Berhormat kita bertumpu kepada perbahasan?

**Tuan Johan B.O.T. Ghani Christopher:** Ya. Sebab ini penting, jangan Dewan ini terkeliru dengan kenyataan ini. Selain daripada itu, saya juga meminta kepada Kerajaan, iaitu Kerajaan Persekutuan kerana nampaknya masa sudah sampai bagi agensi-agensi Kerajaan seperti FELCRA, FELDA dan RISDA serta lain-lain badan yang memberi perkhidmatan yang lebih berkesan untuk negeri Sabah dan ini adalah cara yang lebih baik untuk mempercepatkan kemajuan dan perkembangan ekonomi rakyat tanpa adanya proses yang bertingka-tingkai.

**Tuan Adam bin Kadir:** Boleh saya telah sedikit? Kalau boleh kita bataskan kepada 10 minit sahaja kerana Menteri-menteri hendak menjawab lebih kurang pada pukul 5.00 petang nanti. Ada dua orang lagi selain dari Yang Berhormat.

**Tuan Johan B.O.T. Ghani Christopher:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan habiskan tidak sampai 10 minit. Saya janji, kalau tidak pun, saya stop terus. Mungkin di sinilah letaknya keikhlasan, kalau benar-benar Kerajaan Negeri Sabah mahu bersifat ikhlas dan berniat baik untuk memajukan negeri dan rakyatnya, maka di sinilah letaknya ujian. Adakah Kerajaan Negeri sanggup berubah sikap atau akan terus menjadi batu penghalang kepada peluang untuk meluaskan kegiatan FELDA dan kemasukan agensi-agensi lain di Sabah seperti FELCRA, RISDA dan FELDA. Begitu juga halnya dengan projek-projek yang dijalankan

di Sabah oleh Kerajaan Persekutuan yang melibatkan tanah-tanah negeri. Adakah Kerajaan Negeri akan menjadi pihak yang melambat-lambatkan pengurusan untuk menyelesaikan keperluan tanah-tanah ini dan menjadi penghalang?

Jika ini berlaku, Kerajaan Persekutuan tidak boleh dipersalahkan jika pelaksanaan projek-projek di Sabah tergendala dan tidak dapat dilaksanakan disebabkan sikap Kerajaan Negeri di bawah pemerintahan PBS pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju dengan kenyataan Timbalan Menteri Kewangan baru-baru ini menyatakan bahawa judi ini daripada Kerajaan yang lalu di mana pada ketika dahulu di Sabah ini terhad judinya, hanya di bandar-bandar, tetapi pada hari ini judi di Sabah sudah macam cendawan hendak tumbuh, di merata-merata tempat dan ini akan menyebabkan kemiskinan rakyat akan terus miskin di negeri ini kalau sekiranya judi ini tidak dapat dihapuskan ataupun tidak dapat dikurangkan kerana judi ini boleh menghilangkan akal pemikiran manusia. Jadi saya minta supaya judi di negeri Sabah ini, kalau tidak dapat dihapuskan harus dikurangkan supaya rakyat boleh senang cari makan di mana-mana tanpa judi.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu Kerajaan hendaklah mencari jalan untuk mewujudkan seberapa banyak peluang perindustrian di Sabah dengan memberikan galakan-galakan dan keutamaan kepada bandar-bandar besar, terutama sekali Kota Kinabalu, Sandakan, Tawau dan Kudat. Satu skim untuk menggalakkan pelaburan masuk ke Sabah hendaklah dirancang untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi di negeri itu oleh Kerajaan Persekutuan supaya ia dapat membantu di dalam menyelesaikan masalah pengangguran dan untuk meningkatkan ekonomi rakyat.

Di dalam masa ekonomi kita berkembang dengan begitu baik bagi seluruh negara, Sabah terus ketinggalan ke belakang berbanding dengan negeri-negeri seperti Pulau Pinang, Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Sungguhpun Sabah mempunyai sumber semulajadi yang cukup untuk mempengaruhi pelaburan, jelas sekali di dalam masa 7 tahun yang berlalu, Kerajaan Negeri telah tidak dapat menunjukkan kemampuan sebagaimana yang diharapkan.

Pelaburan amatlah penting di Sabah, lebih-lebih lagi hasil negeri dijangka menurun disebabkan Sabah terlalu bergantung kepada hasil kayu balak yang semakin merosot. Kayu balak sudah tidak boleh menjadi punca utama kepada hasil negeri, lebih-lebih lagi penebangan tidak dikawal dan dirancang dengan baik. Oleh itu, dalam jangka 5 tahun yang akan datang, Sabah dijangka akan kehabisan hasil utamanya dari kayu balak. Jika ini benar-benar berlaku, ekonomi Sabah akan menjadi lebih lembab dan masalah pengangguran akan bertambah besar dan taraf kemiskinan yang selama ini mencerminkan bahawa Sabah mempunyai taraf kemiskinan yang paling tinggi akan menjadi lebih nyata dan ketara.

Rancangan Kerajaan Persekutuan untuk mengawal eksport balak yang berlebihan di Sabah hendaklah dilaksanakan segera yang mana sepatutnya ianya telah dilaksanakan lebih awal seperti mana yang telah dinyatakan dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, soal keselamatan di Sabah hendaklah diberikan perhatian yang serius. Ada negara-negara yang berhasrat sangat hendak menuntut Sabah atau sebahagian daripada Sabah, terutama kepada pulau-pulau yang berada di Lautan Sulawesi dan Lautan China Selatan. Soal kedudukan Sabah di

dalam Malaysia tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana pihak. Begitu juga dengan pulau-pulau yang terdapat dengan begitu banyaknya di persekitaran kawasan ini. Ini adalah kedaulatan yang sudah diterima oleh Bangsa-bangsa Bersatu.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya janjikan tadi, saya akan habiskan dengan secepat yang saya boleh. Maka dengan itu, saya dengan begitu gembira dan senang hati menyokong Rancangan Malaysia Keenam yang baru dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat Puan Hajah Che Pora.

4.48 ptg.

**Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai rasa saya pengucapan yang terakhir, saya turut sama-sama menyokong usul Rancangan Malaysia Keenam yang dibentangkan untuk diperbincangkan dengan panjang lebar oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang begitu peka dengan kehendak masa dan rakyat Malaysia. Rancangan Malaysia Keenam merangkumi semua bidang-bidang pembangunan dibentangkan dengan teliti dan lengkap, tidak ada cacat celanya dan boleh diterima dengan tangan terbuka.

Walau bagaimanapun, tidak ada sesuatu pun yang lengkap, yang tidak boleh dibetulkan ataupun ditokok tambah. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh satu perkara yang begitu kecil, tetapi akibatnya adalah menjadi besar kepada negara di masa hadapan nanti.

Ini adalah berkenaan dengan pertumbuhan kilang-kilang yang menyeluruh di seluruh negara dan dengan ini pekerja-pekerjanya sudahpun diambil, dikaut, dibawa untuk bekerja di kilang-kilang. Pada mulamula dahulu pekerja-pekerja kilang ini dikhaskan kepada pekerja-pekerja yang tidak berkahwin ataupun pekerja yang agak muda sedikit. Tetapi akhir-akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat lihat ibu-ibu muda yang mempunyai anak-anak kecil dan juga kita kata orang-orang yang setengah umur diambil bekerja.

Dalam soal ini, ibu-ibu yang mempunyai anak-anak kecil pergi bekerja memandangkan keperluan material pada hari ini begitu tinggi dan mereka meninggalkan anak-anak kecil yang perlu kasih-sayang, didikan, belaian ibu tetapi ditinggalkan kepada penjaga-penjaga untuk dibesarkan. Dalam keadaan ini anak-anak ini akan dibesarkan di dalam suasana tanpa kasih-sayang ibu, tanpa pendidikan yang lengkap dan tepat. Dan kita percaya gejala-gejala yang kita hadapi pada hari ini berkaitan dengan dadah adalah datangnya daripada rumah-rumah yang tidak begitu sempurna dan daripada rumah-rumah yang kita kata berlaku perpisahan di antara ibu dan ayah, dengan izin, broken home. Dengan itu kalaulah perkara ini dibiarkan berlaku, anak-anak ini dibesarkan oleh pengasuh-pengasuh yang dicari oleh ibu-ibu ini dengan bayaran yang ditentukan. Kita percaya anak-anak ini tidak dapat menerima satu pendidikan yang sempurna dan kasih sayang daripada ibu yang patut diterima oleh anak-anak ini.

Saya mencadangkan supaya pihak Kerajaan mensyaratkan kepada kilang-kilang ini supaya dapat mengadakan satu pusat penjagaan bayi di mana ibu-ibu ini diberi masa rehat ataupun masa tertentu untuk dapat bertemu dan berjumpa dengan anak-anak ini di

dalam kawasan perindustrian itu sendiri ataupun mereka ini diberi masa tertentu untuk menguruskan anak-anak sendiri sambil bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang ingin saya menarik perhatian pihak Kerajaan ialah berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan. Kita difahamkan pihak Kementerian selalu mengadakan pemeriksaan apabila pihak-pihak kenderaan awam ini memperbaharui lesen-lesennya, kita difahamkan pihak-pihak pegawai daripada Kementerian atau Jabatan Pengangkutan Jalan membuat pemeriksaan rapi berkenaan dengan kenderaan-kenderaan awam,

Saya menyentuh berkenaan dengan bas-bas awam yang beroperasi di seluruh negara yang digunakan oleh rakyat pertengahan (middle class). Saya dapati ada kenderaan-kenderaan ini yang mementingkan keuntungan sahaja tanpa mengambil kira keselamatan pengguna-penggunanya. Sebagai contoh, ada satu peristiwa berlaku di mana ini berkaitan dengan Bas Setia yang beroperasi dari Kuala Lumpur ke Kroh. Nombor basnya diberikan sebagai WBN 7887 dan tempat duduknya No. 7 dan No. 8. Saya difahamkan oleh pengguna ini bahawa pada suatu malam pihak ini menggunakan bas ini dan duduk di seat No. 7 dan No. 8. Seat ini rosak dan apabila bas ini berjalan dengan laju dan memotong satu selekoh, penumpang yang menggunakan seat ini jatuh di atas bas. Pihak pemandu tidak sedar manakala pembantu pemandu yang sedang tidur nyenyak untuk mengambil tempat memandu nanti tidak tahu perkara ini berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang begini rupa akan mengakibatkan kematian ataupun kecederaan yang teruk. Jadi kita berharap apabila pegawai-pegawai daripada Kementerian atau Jabatan Pengangkutan Jalan

membuat pemeriksaan, kita juga berharap mereka memberikan perhatian kepada keselamatan tempat-tempat duduk di atas bas yang ditentukan.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya cuba mempercepatkan; ialah berkenaan kenaikan gaji yang disebutkan oleh Menteri Kehakiman kepada pegawai-pegawai yang bekerja di dalam bidang-bidang kehakiman. Kita dapat lihat ada beberapa jawatan tertentu yang disebutkan untuk dinaikkan atau dipertimbangkan kenaikan gaji. Tetapi kita tidak lihat kepada Pegawai Undang-undang untuk gaji mereka ini dipertimbangkan kenaikannya ataupun disemak semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada Pegawai Undang-undang yang baru dilantik yang menerima gaji Kod A19 tetapi menjalankan tugas sebagai profesional-profesional setimpal dengan pegawai-pegawai profesional yang lain seperti doktor, engineer dan arkitek yang menerima gaji Kod A15. Ini ada perbezaannya. Jadi, saya rasa mereka ini sebagai pegawai yang menjalankan keadilan yang kita amanahkan kepada mereka patutlah diberi penghormatan ataupun diberi pertimbangan untuk disamakan dengan pegawai-pegawai profesional yang lain kerana mereka ini kita difahamkan terpaksa ataupun mestilah mengadakan satu kedudukan dalam masyarakat yang lebih baik, umpamanya mereka ini tidak dapat duduk di kawasan-kawasan setinggi ataupun makan di gerai-gerai yang tertentu dan juga memakai pakaian-pakaian yang mereka suka tetapi ditentukan dengan kot dan tienya dan juga kita rasa tidaklah elok kalau sekiranya kita tengok seorang Pegawai Undang-undang menaiki motosikal dan pergi ke pejabatnya untuk membicarakan orang-orang pesalah yang datang dengan Mercedes atau dengan kereta-kereta besar. Ini memberikan mereka perasaan, dengan izin

inferiority complex yang saya rasa sedikit sebanyak akan menjejaskan juga daripada menjalankan tugas mereka.

Pada suatu masa dahulu kita dapati ada di dalam suratkhbar The Star di mana disebutkan berkenaan dengan Pegawai Undang-undang yang kurang cekap menjalankan tugasnya. Oleh kerana tawaran gaji yang berbeza, bukan kita kata mereka ini meminta gaji yang tinggi tetapi sekadar setimpal dengan profesional-profesional yang lain, mungkin pegawai-pegawai yang berpengalaman akan meninggalkan jawatan ini dan pergi kepada bidang-bidang swasta. Dan tidak lama lagi negara akan menghadapi kekurangan Pegawai Undang-undang yang berpengalaman. Mungkin kita akan dapat Pegawai Undang-undang tetapi yang berpengalaman adalah sukar didapati.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, iaitu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Pencen kerana kita mendapat rungutan-rungutan dan komplek-komplek daripada orang ramai mengatakan pencen mereka lambat dan ada juga saya dengar bekas-bekas Yang Berhormat yang komplek, katanya sampai kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkenaan dengan pembayaran pencen mereka lambat. Tetapi apa yang sebenarnya berlaku, selepas saya berpeluang pergi ke Jabatan Perkhidmatan Awam, Bahagian Pencen, kita dapati mereka ini menjalankan tugas dengan baik. Tetapi apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana kelambatan dalam penghantaran dokumen-dokumen yang diperlukan, contohnya seperti pelepasan daripada cukai pendapatan, penyata-penyata hutang-piutang, penyata-penyata cuti dan perkara-perkara ini berkaitan dengan jabatan-jabatan lain yang lambat menghantar atau tidak sama dalam penghantaran itu.

Jadi, kita janganlah menyalahkan Bahagian Pencen ini kerana saya tahu semasa saya bertugas sebagai Guru Besar, ada guru-guru saya yang belum berpencen lagi tetapi pencennya sudah selesai dilaksanakan dan kita dapat tahu berapa pencen dia akan dapat, berapa pampasan dia akan dapat. perbetulan ini patutlah sangat diberitahu kepada orang ramai kerana kita tidak mahu lagi orang yang menjalankan tugas tidak diberi penghormatan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian, saya turut sekali lagi menyokong Usul Rancangan Malaysia Keenam ini diluluskan, dengan ucapan terima kasih.

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah hendak bercakap?

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Ya.

**Tuan Adam bin Kadir:** Kalau hendak bercakap, boleh dibataskan sampai 10 minit sahaja, selepas itu kita akan minta pihak Kementerian menjawab. Minta maaf Tuan Haji Zainal, mungkin esok atau lain kali.

#### 5.07 ptg.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun bersama-sama untuk menyokong Usul Rancangan Malaysia Keenam yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 1hb Ogos yang lepas.

Rancangan Malaysia Keenam 1991-1995 adalah merupakan fasa pertama dalam melaksanakan Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua (RRJP2) 1991-2000 yang termaktub di dalam Dasar Pembangunan Nasional, lanjutan dari Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang berakhir pada tahun 1990.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pandangan jauh beliau demi kesejahteraan negara dan generasi muda negara ini. Walaupun belum tentu beliau dapat melihat kejayaannya, tetapi mahukan rakyat negara ini setanding dengan negara-negara maju di dunia tetap diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menempuh era baru pembangunan negara, rakyat hendaklah sentiasa peka dan sanggup menerima pembaharuan di dalam segala bidang, lebih-lebih lagi di dalam dunia sains dan teknologi. Peranan jabatan-jabatan dan pegawai-pegawai juga hendaklah seiring dengan hasrat Kerajaan dan kehendak rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin menyentuh beberapa perkara. Perdagangan dalam negeri merupakan sektor yang amat penting bagi pertumbuhan ekonomi negara terutama penduduk luar bandar. Saya harap industri kecil perlu diperluas di kampung-kampung sebagai industri sokongan kepada industri yang lebih besar terutama dalam bidang pembuatan. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri-negeri hendaklah menjadi penyelaras bagi meluluskan sesuatu kilang di kawasan-kawasan perindustrian, sebagai contoh, katakanlah kilang kasut, tapak kasut, tali kasut, pembungkus kasut, ini boleh dibahagi-bahagikan kepada industri yang lebih kecil yang mana penduduk-penduduk luar bandar boleh melakukan kerja-kerja tersebut. Dengan membahagi-bahagikan komponen ini maka pembahagian peluang yang lebih luas dan semua rakyat dapat melibatkan diri dalam sektor ini. Boleh dikatakan setiap barang yang dibuat mempunyai berbagai-bagai komponen yang boleh diagih-agihkan. Untuk mendirikan kilang-kilang yang lebih besar tentulah tidak mampu bagi penduduk luar

bandar kerana memerlukan modal yang tinggi dan terpaksa mengeluarkan berjuta-juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh harga barangan yang merupakan barang makanan buatan dalam negeri. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hendaklah mewajibkan kilang-kilang meletakkan tanda harga runcit bagi barang-barang keluaran mereka kerana para peniaga mengambil kesempatan dengan mengatakan harga terpaksa dinaikkan kerana kilang-kilang telah menaikkan harga tersebut. Sejauh manakah benar, kita tidak tahu. Oleh itu kilang hendaklah menetapkan harga supaya dapat harga ini diterima oleh pengguna-pengguna di peringkat yang lebih bawah lagi.

Yang kedua, ialah harga kosmetik. Saya difahamkan kalau kita pergi ke seluruh pasaraya, ke kedai-kedai yang menjual kosmetik, memang tidak ada tanda harga sedangkan kosmetik ini merupakan satu barangan yang sangat penting, yang digunakan oleh para pengguna, yang saya rasa kaum wanita terutamanya sekali, tetapi kalau tanda harga tidak ada saya rasa memberi peluang kepada peniaga-peniaga atau penjual-penjual menaikkan harga dengan meletakkan harga dengan sewenang-wenangnya.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya juga ingin menyentuh Pasar Tani. Mengikut Laporan Rancangan Malaysia Kelima Pasar Tani telah diwujudkan sebanyak 130 buah bagi seluruh negara. Kita berharap Pasar Tani ini akan dapat diperluaskan lebih banyak lagi untuk memberi peluang kepada penduduk luar bandar, petani-petani kita dapat memasarkan hasil pertanian mereka dan juga membuka lebih banyak tanah-tanah terbiar yang beralus hektar saya kira yang ada di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dan seterusnya, oleh sebab masa begitu singkat, saya juga akan meringkaskan beberapa perkara termasuklah mewujudkan Taman Laut. Kita telah mendengar daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri beberapa kawasan Taman Laut telah diwujudkan di negara ini, tetapi sedarkah Kerajaan bahawa dengan kewujudan Taman-taman Laut ini telah menimbulkan masalah kepada nelayan-nelayan kita.

Saya telah mendapat satu maklumat di Mersing, Johor, satu kawasan di mana Taman Laut diwujudkan di pulau-pulau sekitar Pulau Tioman, yang melibatkan lebih kurang 10 keluarga nelayan-nelayan di Tanjong Genting, di Mersing, Johor yang terancam mata pencarian mereka dan juga kehidupan mereka. Setengah-setengah daripada nelayan ini telah mengeluarkan modal hampir \$10,000 tetapi mereka tidak dapat ke laut dengan selesa kerana semasa diburu oleh Jabatan Laut dan juga pihak Marine kerana tidak dibenarkan menangkap ikan di kawasan ini. Apa yang kita difahamkan pengwujudkan Taman Laut ini adalah untuk membiakkan ikan-ikan dengan mengadakan beberapa buah tukun tiruan sedangkan nelayan ini menjalankan usahanya ini daripada turun-temurun, sejak kecil lagi. Tetapi dengan adanya Taman Laut ini ialah menyekat pencarian mereka dan mereka seolah-olah macam orang yang dalam kawalan yang terpaksa menengok masa untuk ke laut dan silap-silap kena tangkap.

Jadi, saya berharap selain daripada kita hendak wujudkan sumber ikan yang banyak, hendak memberi peluang kepada pelancong untuk mendapatkan satu kawasan yang baik untuk mereka menikmati keindahan alam tetapi kita kena fikir juga nelayan-nelayan yang hidup di sini supaya mereka dapat meneruskan pencariannya. Dan saya

kira kalau hendak kira ikan ini habis, memang sudah habis sejak berkurun-kurun dahulu, tetapi kenapa ikan masih ada. Dan mereka tidak akan mengambil anak cucu ikan-ikan di kawasan Taman Laut itu kerana biasanya saiz-saiz bulu yang dipasang ini melibatkan ikan-ikan yang besar sahaja, jadi tidaklah anak-anak ikan akan ditangkap semua. Jadi, kenapa nelayan di Tanjong Genting ini begitu sekali terhimpit kehidupan mereka dengan sebab adanya Taman Laut.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu saya juga ingin menyentuh masalah belia.

**Tuan Adam bin Kadir:** Yang Berhormat, dua minit lagi.

**Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Abdullah:** Walaupun kita telah melihat bahawa Pelan Induk Belia Negara telah pun dibuat dan 10 tajuk yang dipilih begitu cantik, dan saya percaya tidaklah semudah itu untuk melaksanakannya. Saya berharap supaya kekurangan pegawai-pegawai di daerah-daerah hendaklah ditambah segera dan kalau boleh Jawatankuasa Belia di daerah itu juga hendaklah digunakan tenaga mereka secara sukarela ataupun dibayar elaun untuk sama-sama mengembangkan kegiatan ini supaya mereka dapat menikmati 10 tajuk Pelan Induk Belia Negara yang telahpun disusun oleh pihak Kerajaan.

Dan akhirnya, saya berharap kepada Kerajaan supaya mengambil semua pusat-pusat latihan yang didirikan oleh pihak FELDA yang sekarang ini tidak ada kegiatannya dan saya berharap kalau ini dapat sama ada belia, sama ada MARA dan juga lain-lain badan supaya dapat melatih para belia kita dan menyediakan mereka kepada suatu latihan untuk menghadapi Wawasan 2020 dan juga Dasar Ekonomi Negara di mana Rancangan Malaysia Yang

Keenam ini dilancarkan iaitu terdapat banyak sekolah-sekolah latihan yang keadaannya terbiar dan tidak digunakan oleh FELDA lagi kerana FELDA tidak ada sumber kewangan untuk mengendalikan sekolah-sekolah ini. Jadi, eloklah sekolah ini diambil untuk diberi latihan kepada para belia kita khususnya saya rasa latihan yang elok ialah GIATMARA di mana setiap kawasan Parlimen yang dikatakan akan ditubuhkan latihan ini dapat disegerakan.

Dengan ini saya terpaksa berhenti oleh kerana keadaan masa dan saya harap apa yang saya kemukakan ini sedikit sebanyak mendapat perhatian daripada pihak yang berkenaan dan akhirnya saya sekali lagi menyatakan sokongan yang penuh kepada Rancangan Malaysia Keenam yang dibentangkan di Dewan ini. Terima kasih.

**Tuan Adam bin Kadir:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang sampai masanya untuk pihak Kementerian memberi ulasan dan jawapan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Dewan. Kita mulakan dengan Kementerian Dalam Negeri. Dipersilakan.

5.77 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Amat Berhormat Menteri Dalam Negeri, sukacita saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah memberi pandangan dan teguran ke atas dasar dan masalah di bawah bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Law Jack Yoon menyatakan program-program yang dilaksanakan oleh Pusat Pemulihan Dadah belum lagi memuaskan. Beliau ingin tahu sama ada Kerajaan telah

memikirkan cara-cara lain untuk memulihkan penagih-penagih dadah. Sebagai perbandingan beliau telah menyebut beberapa cara pemulihan yang telah dijalankan oleh sebuah badan sukarela di negara Jerman. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, Kementerian Dalam Negeri melalui Bahagian Rawatan dan Pemulihan Dadah melaksanakan pendekatan multi-disciplinary yang mengambil kira kebudayaan dan keagamaan rakyat Malaysia serta psikologi penagih dadah itu sendiri. Pendekatan multi disciplinary mengenai rawatan dan pemulihan dadah di Malaysia telah diterima oleh negara-negara asing sebagai satu program yang terbaik di dalam dunia.

Baru-baru ini iaitu pada 17 hingga 21 haribulan Jun 1991, satu Seminar pakar-pakar ASEAN-EC mengenai Rawatan dan Pemulihan Dadah telah diadakan di Kuala Lumpur. Selepas melawat Pusat Serenti di Tampin, pakar-pakar EC telah menyatakan kekaguman mereka terhadap program tersebut dan menganggapnya sebagai yang terbaik di dunia. Mereka berasa kagum terhadap aktiviti kemahiran peningkatan ekonomi yang diadakan di Pusat Serenti dan menyatakan bahawa di pusat-pusat pemulihan dadah di negara EC tidak mempunyai aktiviti kemahiran peningkatan ekonomi sebagaimana yang terdapat di Pusat-pusat Serenti di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Chong Chi Siong mengenai tempoh lawatan bagi rakyat Republik Rakyat China yang mengunjungi saudara-mara mereka di negara ini. Untuk makluman Yang Berhormat, adalah benar bahawa tempoh lawatan di bawah kategori melawat keluarga ini telah ditetapkan 20 hari sahaja. Akan tetapi Kementerian boleh memberi pertimbangan kepada pemohon-pemohon untuk mendapatkan lanjutan

tempoh. Lanjutan tempoh ini diberikan mengikut merit tiap-tiap permohonan dan ianya adalah diproses dengan secepat mungkin kerana keputusan perlu dibuat sebelum tempoh asal visa lawatan itu tamat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Salbiah Mohd. Akim meminta Kerajaan menimbang semula pemberian imbuhan kepada anggota rela dan lain-lain anggota pasukan sukarela. Sukalah dimaklumkan bahawa Kerajaan mengkaji dari masa ke semasa kadar imbuhan atau bayaran galakan yang diberi kepada ahli-ahli rela dan lain-lain pasukan sukarela. Walaupun kadar imbuhan yang ada mungkin tidak begitu menggalakkan, Kerajaan percaya sebahagian besar ahli-ahli pasukan sukarela adalah terdiri dari mereka yang memang berminat dan sedia berbakti secara sukarela. Khidmat dan sumbangan mereka ini amatlah Kerajaan hargai.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Hajah Rogayah Che Mat mencadangkan supaya gaji anggota polis hendaklah dikaji semula. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, anggota-anggota polis adalah juga sebahagian daripada kakitangan Perkhidmatan Awam yang berjumlah hampir 800,000 orang. Oleh yang demikian, sebarang semakan gaji jika dibuat mestilah juga mengambil kira keseluruhan perkhidmatan Kerajaan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pertanyaan Yang Berhormat Senator Hajah Habidah Jusoh, Kerajaan berpuas hati dengan penapisan filem-filem yang ditayangkan sekarang. Lembaga Penapisan Filem sentiasa peka terhadap filem-filem atau adegan-adegan yang mungkin memudaratkan moral atau yang menonjolkan unsur-unsur keganasan. Dalam menjalankan tugas, Lembaga Penapisan Filem menggunakan garis panduan yang ditetapkan oleh Kementerian Dalam

Negeri. Filem-filem dan adegan-adegan yang bertentangan dengan moral dan akhlak yang akan meninggalkan kesan buruk kepada penonton akan diharamkan. Mengenai perlantikan ahli-ahli Lembaga Penapisan Filem, sukalah ditegaskan bahawa ahli-ahli ini sememangnya dilantik dari mereka yang berhemah tinggi, berkaliber, berpengalaman dan mempunyai kepakaran yang tertentu.

Yang Berhormat Senator Isli Haji Siput meminta Jabatan Imigresen melonggarkan syarat kemasukan pelabur-pelabur ke Wilayah Persekutuan Labuan. Beliau menjelaskan dengan kemasukan pelabur-pelabur asing ini ia akan dapat membantu memindahkan teknologi dalam bidang-bidang tertentu. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kemasukan pelabur ke negara ini termasuk untuk Wilayah Persekutuan Labuan telah dipermudahkan seboleh-bolehnya dan syarat-syarat Imigresen mengenainya telah cukup longgar. Semua pelabur boleh masuk tanpa visa kecuali dari negara terlarang dan negara khas. Bagi pelabur dari negara-negara kategori sebegini iaitu dari Taiwan dan Afrika Selatan, mereka boleh memohon visa di pintu masuk dan permohonan akan diproses mengikut peraturan-peraturan tertentu dengan cepat. Pelabur yang melabur melebihi \$500,000 layak ditimbang untuk diberi kebenaran bekerja tanpa had masa ataupun key post, dengan izin, manakala yang kurang daripada itu boleh dibenar bekerja selama sehingga 10 tahun ataupun open post, dengan izin. Jika mereka tidak ingin bekerja, mereka diberi kebenaran datang bila-bila masa untuk melihat operasi syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan teguran mengenai masalah di bawah bidangkuasa Kementerian Dalam Negeri. Bagi lain-lain pandangan dan

teguran yang tidak sempat dijawab di Dewan ini akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Adam bin Kadir:**  
Dipersilakan Kementerian Kewangan.

**5.18 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan usul Rancangan Malaysia Keenam, khususnya yang membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Ainon Ariffin kerana telah menyentuh soal inflasi dalam perbincangannya. Soal inflasi adalah merupakan isu ekonomi yang dihadapi oleh kebanyakan negara di dunia ini. Kerajaan kita telah mengambil langkah-langkah perlu melalui dasar fiskal dan kewangan bagi membendung kadar inflasi supaya tidak terus meningkat agar penduduk terutamanya berpendapatan rendah tidak mengalami penderitaan hidup akibat dari kenaikan harga. Sungguhpun usaha-usaha telah dijalankan oleh Kerajaan, langkah-langkah berkenaan hanya akan berkesan sekiranya mendapat kerjasama dari orang ramai terutamanya dalam mengatur corak perbelanjaan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ghazali Haji Embong telah menyarankan supaya kekayaan negara harus dibahagikan dengan adil dan saksama. Kerajaan Barisan Nasional memanglah adil dalam mengagihkan peruntukan. Pembahagian peruntukan pembangunan diagihkan kepada semua negeri-negeri

di Malaysia, tidak kira sama ada negeri yang berkenaan dikuasai oleh Barisan Nasional atau parti-parli Pembangkang. Kerajaan ingin melihat setiap rakyat Malaysia menikmati kemajuan hasil daripada pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Kalthom Haji Othman telah menyarankan supaya Kerajaan menghapuskan judi di seluruh negara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa sekarang Kerajaan tidak bercadang menghapuskan kegiatan berkaitan judi di negara kita ini. Kerajaan khuatir bahawa sekiranya semua bentuk perjudian dihapuskan, aktiviti judi haram ataupun judi tanpa lesen akan berleluasa dan sukar hendak dikawal. Kerajaan telah mengambil tindakan ke atas mana-mana perlanggaran syarat ataupun garis panduan oleh operator-operator perjudian untuk memberhentikan lesen-lesen tersebut,

Di samping itu orang-orang Islam adalah dilarang daripada memasuki kasino di Genting Highlands. Orang-orang yang berumur di bawah 21 tahun termasuklah kanak-kanak sekolah adalah juga dilarang dari memasuki tempat-tempat di Genting Highlands dan juga semua tempat-tempat perjudian yang lain. Di samping itu, pemegang-pemegang lesen perjudian pula adalah dikehendaki mempamerkan papan tanda yang menyatakan: Judi adalah haram di sisi agama Islam. Tiket-tiket pertaruhan juga dikehendaki dicetak dengan kenyataan: Judi adalah haram di sisi agama Islam. Premis-premis perjudian pula tidak boleh diletakkan berhampiran dengan sekolah-sekolah ataupun rumah ibadah.

Kerajaan sedar masalah perjudian adalah masalah sosial yang tidak dapat diatasi melalui perundangan sahaja. Dalam hal ini, Kementerian Kewangan telah meminta pihak SERU, Jabatan Perdana Menteri membuat penye-

lidikan mengenai amalan perjudian dalam masyarakat Malaysia untuk membolehkan Kementerian Kewangan mengambil tindakan susulan bagi membentasi dan mengurangkan aktiviti perjudian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Chong Chi Siong telah mencadangkan supaya pembahagian kerja-kerja tender/kontrak yang akari diberi oleh PETRONAS dan Tenaga Nasional Berhad dalam Rancangan Malaysia Keenam dilaksanakan secara lebih saksama, khususnya pada syarikat-syarikat bukan bumiputera.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, segala tawaran tender kontrak adalah dilaksanakan menurut peraturan kewangan yang telah ditetapkan. Semua syarikat yang layak adalah diberi peluang yang saksama bagi mendapatkan tender/kontrak berkaitan. Walau bagaimanapun, pada lazimnya, syarikat yang lebih berkemampuan dalam menawarkan barangan/perkhidmatan yang paling menguntungkan dari segi harga, kualiti dan kegunaan, dengan izin, the lowest evaluated and accepted tender, menurut peraturan akan terpilih.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput telah menyatakan bahawa pembangunan Labuan sebagai IOFC (International Offshore Financial Centre) adalah terlalu lembab dan meminta Kerajaan mempercepatkannya. Di sini ingin saya jelaskan bahawa di bawah Rancangan Malaysia Keenam sebanyak \$412.6 juta diperuntukkan bagi berbagai projek pembangunan yang dikenalpasti untuk Wilayah Persekutuan Labuan. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pembaikan bangunan terminal lapangan terbang Labuan yang sedang berjalan sekarang ini adalah merupakan salah satu projek di bawah Rancangan

Malaysia Keenam dan berkaitan dengan menaikkan taraf Labuan sebagai IOFC. Projek ini dijangka siap dan boleh digunakan dalam tahun ini juga.

Lain-lain projek pembangunan dalam peringkat pelaksanaan dan akan dipercepatkan ialah pembinaan 'banking district' atau 'Financial park', pembinaan hospital baru Daerah Labuan yang lengkap dengan kemudahan pakar, sekolah antarabangsa, hotel, projek pengindahan bandar Labuan dan beberapa projek tarikan pelancongan sena perumahan/apartment mewah. Semua ini, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat dibangun secara serta merta. Bahkan bandar Rome tidak dibangunkan dalam masa satu hari. Saya percaya, penduduk Labuan akan menikmati faedah-faedah dari projek-projek yang dirancangan untuk Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ahmad Zahid Hamidi membangkitkan perkara bahawa Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) tidak menunjukkan keberkesanan kerana peraturan-peraturan dalam meluluskan permohonan yang ketat. Sebagaimana kita semua maklum, TPU diwujudkan dengan tujuan untuk membantu usahawan bumiputera yang berdaya maju tetapi terjejas disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia dalam pertengahan tahun 1980an dahulu. Tabung itu telah menetapkan syarat-syarat kelayakan tertentu bagi memastikan bahawa hanya mereka yang berpotensi sahaja layak mendapat bantuan. Kerajaan terpaksa berhati-hati dalam mengeluarkan bantuan kerana wang itu adalah wang rakyat. Dengan sebab itu, Kerajaan perlu memastikan bahawa bantuan yang dikeluarkan itu akan memberi faedah ke atas aktiviti ekonomi keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang pernah dijelaskan di Dewan ini, daripada 1,497 permohonan yang diterima oleh Urusetia TPU setakat ini, sebanyak 780 permohonan ataupun 52.1% telah diberi bantuan sama ada melalui TPU atau melalui institusi-institusi kewangan sendiri. Bilangan permohonan yang ditolak setakat ini adalah sebanyak 642 ataupun 42.9%. Sebab-sebab utama penolakan termasuklah, tidak berdaya maju, operasi telah berhenti, salah pengurusan, pemohon telah muflis, tidak seratus-peratus bumiputera dan tidak menghadapi masalah kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ahmad Zahid Hamidi dan Senator Saidin Mohamad juga membangkitkan perkara bahawa bank serta institusi kewangan pembangunan tidak menunjukkan kejayaan, terutamanya dalam membantu usahawan bumiputera. Oleh itu, beliau menyarankan supaya kajian semula perlu dibuat bagi menilai peranan institusi tersebut yang sering bertindih antara satu sama lain.

Mengenai bantuan kewangan oleh institusi-institusi kewangan kepada usahawan-usahawan bumiputera, secara amnya setiap permohonan yang mempunyai projek berdaya maju tidak sepatutnya menghadapi masalah untuk mendapatkan sumber kewangan daripada institusi-institusi kewangan.

Kita patut menerima hakikat bahawa setiap permohonan sama ada bumiputera atau bukan bumiputera perlu menunjukkan keyakinan kepada institusi-institusi kewangan kerana institusi-institusi kewangan perlu juga memastikan keselamatan kumpulan-wang mereka.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, adalah kurang wajar bagi Kerajaan mengenakan tekanan ke atas institusi-institusi kewangan dalam

mengeluarkan pembiayaan untuk usahawan bumiputera kerana institusi-institusi kewangan terpaksa menanggung risikonya. Dengan sebab itulah maka Kerajaan telah mewujudkan labung-tabung tertentu termasuk Tabung Pemulihan Usahawan dan Tabung Usahawan baru bagi membantu usahawan-usahawan bumiputera. Perlaksanaan tabung-tabung itu adalah dibuat dengan kerjasama institusi-institusi kewangan.

Kerajaan berkeyakinan bahawa permohonan-permohonan yang memenuhi syarat-syarat pinjaman yang biasa ditetapkan oleh institusi-institusi kewangan tidak sepatutnya menghadapi masalah. Bagi mereka yang merasakan diberi layanan yang tidak adil bolehlah mengemukakan aduan kepada Kementerian Kewangan atau Bank Negara untuk diambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya terhadap perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli yang Berhormat. Sekiranya terdapat ulasan ataupun pandangan-pandangan yang tidak sempat saya jawab, sukacita saya nyatakan bahawa ulasan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah dalam perhatian Kementerian Kewangan. Sekian, terima kasih.

Tuan Adam bin Kadir:  
Kementerian Kesihatan.

5.75 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):**  
Tuan Yang di-Pertua,terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran ke atas Kementerian Kesihatan.

Ahli Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah membangkitkan tentang tanggagaji pegawai perubatan yang dikatakan tidak memuaskan dan meminta dikaji semula. Juga beliau meminta supaya kemudahan-kemudahan lain seperti bilik perubatan dan peralatan-peralatannya diperbaiki supaya pegawai-pegawai perubatan tidak meninggalkan perkhidmatan Kerajaan. Di samping itu Ahli Yang Berhormat Tuan Mustafa Awang juga menyentuh tentang doktor-doktor pakar yang meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dan kekurangan alat-alat yang canggih di hospital-hospital daerah, Pusat Kesihatan Kecil dan Klinik-klinik Desa.

Tuan Yang di-Pertua, pengaliran keluar pegawai-pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan ke sektor swasta bukanlah semata-mata disebabkan mereka tidak berpuas hati dengan gaji, tetapi kami mengakui bahawa pengaliran itu berlaku. Dan syarat-syarat perkhidmatan yang mereka terima adalah selaras dalam perkhidmatan awam. Sebaliknya, ada lagi beberapa faktor yang mempengaruhi mereka berkhidmat di sektor swasta, umpamanya ingin berdikari secara membuka klinik bersendirian, kekurangan calon-calon untuk berkhidmat di sektor swasta, keadaan persekitaran kerja dan sebagainya.

Kerajaan mempunyai dasar-dasar dan prinsip-prinsip tersendiri dalam menentukan gaji kakitangan dalam sektor awam dan tidak semata-mata bergantung kepada gaji dan syarat-syarat perkhidmatan di sektor swasta. Kerajaan juga harus berhati-hati dalam mengkaji sebarang kenaikan gaji dan elaun bagi kakitangan perkhidmatan dalam sektor awam untuk mengurangkan atau mengelakkan implikasi-implikasi yang mungkin timbul akibat daripada kenaikan gaji dan elaun itu.

Kelayakan bagi memasuki perkhidmatan Pegawai Perubatan telahpun diberi penilaian yang paling tinggi jika dibandingkan dengan kelayakan-kelayakan yang lain apabila memasuki perkhidmatan awam. Tambahan pula bagi Pegawai perubatan yang memiliki kelayakan kepakaran dalam bidang-bidang tertentu telah diberi elaun daripada \$1,200.00 sebulan sehingga \$2,400.00 sebulan-mengikut gred jawatan yang disandang oleh mereka. Ini bermakna bahawa seseorang Pegawai Perubatan Pakar Tingkatan Tertinggi "G" sahaja adalah menerima pendapatan sebanyak \$5,248.00 sebulan iaitu gaji-\$2,898.00, elaun keraian-\$500.00, bantuan sewa rumah-\$350.00 dan elaun pakar-\$1,500.00, berbanding dengan rakan mereka dalam perkhidmatan lain atas gred jawatan yang sama umpamanya jurutera, arkitek dan pegawai undang-undang yang hanya menerima pendapatan sebanyak \$3,748.00 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha memperbaiki syarat-syarat dan kemudahan-kemudahan perkhidmatan kepada pegawai perubatan seperti:

- (i) memperbaiki suasana kerja yang lebih baik, menambah peluang kenaikan pangkat dengan mewujudkan lebih banyak jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi dan kenaikan pangkat ke Tingkatan Kanan secara automatik;
- (ii) menggalakkan doktor-doktor mengikuti kursus ijazah lanjutan dengan menambahkan bilangan biasiswa bagi mengikut kursus kepakaran, meluluskan cuti bergaji penuh atau cuti tanpa gaji bagi mereka yang ingin mengikut kursus kepakaran dengan sendiri dan mengadakan program pendidikan lepas

ijazah yang lebih baik dan teratur sebagai persediaan untuk membantu pegawai-pegawai perubatan menduduki peperiksaan kepakaran yang mereka pilih.

Mengenai kemudahan-kemudahan bilik perubatan dan peralatan, Kementerian ini sentiasa berusaha memberi kemudahan yang sempurna kepada semua kakitangannya termasuk Pegawai Perubatan. Penggantian perabot dan peralatan memang sentiasa dijalankan. Kementerian Kesihatan juga sentiasa berusaha membekalkan peralatan yang mencukupi di hospital-hospital dan pusat-pusat kesihatan dari masa ke semasa. Memandangkan peruntukan yang terhad, proses ini dijalankan berperingkat-peringkat mengikut keutamaan.

Ahli Yang Berhormat Tuan Douglas Sullang anak Ganda meminta supaya lebih banyak klinik desa dibina di kawasan luar bandar di negeri Sarawak kerana pada masa ini cuma 20% daripada golongan termiskin yang telahpun menerima kemudahan tersebut.

Puan Yang di-Pertua, adalah menjadi polisi ataupun dasar Kementerian Kesihatan untuk membina sebuah klinik desa di setiap tempat yang mempunyai bilangan penduduk luar bandar lebih dari 100,000 orang di negeri Sarawak. Dengan tujuan ini, sejumlah 118 buah klinik desa telahpun siap dibina sehingga 1990. Bagi Rancangan Malaysia Keenam pula, pemntukan sejumlah \$26 juta telahpun disediakan bagi pembinaan kemudahan kesihatan luar bandar termasuk klinik desa di negeri Sarawak. Bagi kawasan yang belum mempunyai kemudahan kesihatan kekal, perkhidmatan kesihatan dan perubatan telahpun disediakan melalui perkhidmatan doktor udara.

Ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang kemudahan bekalan air bersih ataupun air paip yang dibekalkan kepada masyarakat di luar bandar Sarawak di mana kurang daripada 15% masyarakat miskin telah menerima kemudahan tersebut berbanding dengan Semenanjung 57%.

Puan Yang di-Pertua, sungguhpun hanya 23.9% daripada penduduk-penduduk luar bandar yang menikmati bekalan air paip dari pihak Jabatan Bekalan Air Negeri Sarawak, 53.8% lagi daripada penduduk-penduduk luar bandar telah menikmati bekalan air bersih melalui projek-projek yang telahpun dibina di bawah Rancangan Kebersihan Alam Sekeliling Kementerian Kesihatan ataupun lebih dikenali sebagai BAKAS. Walaupun rancangan khas belum diadakan untuk memberi bekalan air paip kepada golongan termiskin, projek-projek yang dilaksanakan di bawah Rancangan Kebersihan Alam Sekeliling tersebut adalah untuk semua penduduk luar bandar yang diliputi oleh projek-projek berkenaan.

Jumlah liputan bekalan air bersih yang telah dicapai pada 31-12-1990 untuk penduduk-penduduk luar bandar di negeri Sarawak adalah 79.6% termasuk liputan oleh Jabatan Kerja Raya, projek-projek Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi lain. Rancangan Kebersihan Alam Sekeliling ini akan terus dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan di bawah Rancangan Malaysia Keenam untuk meningkatkan lagi liputan bekalan air bersih ini.

Mengenai liputan bekalan air paip, projek-projek akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Keenam bagi meningkatkan keupayaan loji perbersihan daripada 384 juta liter sehari pada masa sekarang kepada 709 juta liter sehari pada akhir tahun 1995. Sebahagian besar peningkatan

keupayaan ini adalah untuk mem-bekalkan air ke kawasan-kawasan luar bandar.

Puan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja jawapan saya dan saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran ke atas Kementerian Kesihatan.

Sekian, terima kasih.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Laju sedikit. Sekarang kita jemput pula daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Silakan.

**5.38 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah):** Puan Yang di-Pertua, terlebih dahulu bagi pihak Menteri Pembangunan Luar Bandar saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan turut membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar, dalam perbahasan mengenai Usul Rancangan Malaysia Keenam sejak 1hb Ogos yang lain.

Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menjelaskan perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat, khususnya mengenai program-program pembangunan luar bandar yang dirancang untuk pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

Puan Yang di-Pertua, berhubung dengan perluasan fungsi FELDA dan FELCRA di Sarawak seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Wan Hamid Edruce, sukacita dimaklumkan bahawa kegiatan perluasan projek pertanian dan

pembangunan tanah telah, sedang dan akan dipergiatkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, luas kawasan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak kepada FELDA setakat ini ialah 11,512 hektar iaitu di kawasan Sampadi. Kerja-kerja pembangunan tanah di negeri Sarawak bermula pada tahun 1986 dan sehingga kini seluas 7,947 hektar telah dan akan dimajukan. Seluas 3,565 hektar lagi tidak dapat dimajukan oleh kerana masalah Native Customary Rights, dengan izin, dan masalah setinggian. Pembangunan tanah di Sarawak dalam dekad 90an bergantung kepada keluasan tanah yang akan diperolehi daripada Kerajaan Negeri.

FELCRA telah memulakan aktiviti-aktiviti penyatuan dan pemulihan tanah di Sarawak mulai dari tahun 1979 apabila ia diminta oleh Kerajaan Negeri untuk memajukan projek keselamatan kawasan RASCOM. Aktiviti FELCRA di Sarawak bermula dengan program pertanian di Rancangan Pemulihan Semula di Nangga Tada, Nangga Ngunun dan Nangga Jangau di Bahagian Sibu dan keluasan tanah yang terlibat ialah 1,686 hektar yang ditanam dengan lada hitam dan getah. Seramai 643 orang peserta terlibat dengan program berkenaan. Sehingga akhir tahun 1990 FELCRA telah memajukan tanah di Sarawak seluas 2,658 hektar yang melibatkan pertanian lada hitam, getah dan koko. Sejumlah \$9.5 juta telah dibelanjakan bagi projek pembangunan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Keenam, seluas 11,658 hektar akan dimajukan di bawah Program Pertanian Bersepadu di Samarahan yang melibatkan peruntukan sebanyak \$14.2 juta. Program ini adalah sebagai memenuhi permohonan Kerajaan Negeri.

Puan Yang di-Pertua, bagi menjawab masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Shuib bin Endut dan Yang Berhormat Senator Douglas Sullang anak Ganda mengenai liputan sepenuhnya projek bekalan elektrik, air dan jalan ke kawasan luar bandar, termasuk rumah panjang, sebelum menjelang tahun 2020, sukacita saya nyatakan bahawa memang menjadi hasrat Kerajaan, khususnya Kementerian Luar Bandar, menyediakan kemudahan asas kepada semua rakyat luar bandar dengan secepat mungkin. Untuk makluman Yang Berhormat, menjelang akhir Rancangan Malaysia Keenam semua kampung dan luar bandar di Semenanjung dijangka akan mendapat bekalan elektrik. Dengan demikian, Kementerian menjangkakan pada tahun 2020 nanti, semua kemudahan asas boleh diperolehi dengan mudah kerana pada tahun tersebut liputan sepenuhnya akan dapat dicapai.

Berhubung dengan konsep hala cara baru, sukacitalah dimaklumkan bahawa pendekatan hala cara baru telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 1984. Pendekatan ini melibatkan tiga aspek penting iaitu pertama, kemajuan pertanian dengan mengadakan cara pengurusan perladangan bagi pekebun-pekebun kecil dan bendang-bendang. Kedua, pengwujudan industri-industri kampung dan perusahaan kecil atau lain-lain kegiatan ekonomi bukan pertanian dan yang ketiga, mengkelompokkan dan penyusunan semula kampung secara teratur untuk membabitkan pusat-pusat pertumbuhan desa.

Ekoran dari pelancaran tersebut, Kementerian dengan kerjasama Kerajaan Negeri telah mengenalpasti sebanyak 38 buah projek perintis hala cara baru untuk dilaksanakan. Kementerian berpendapat bahawa konsep hala cara baru yang pada

mulanya dilaksanakan ditafsirkan sebagai projek perlu diubah kepada strategi atau pendekatan luar bandar yang berasaskan tiga komponen di atas di samping satu faktor terpenting iaitu pembangunan kemanusiaan. Berdasarkan kepada strategi baru ini, Kementerian dengan kerjasama Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan Kerajaan Negeri sedang menyediakan pelan pembangunan desa dan pelan pusat pertumbuhan desa di Semenanjung Malaysia. Kajian ini perlu supaya pelaksanaan strategi hala cara baru ini dapat diselaraskan dengan semua Jabatan sama ada di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah.

Pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu ini adalah berasaskan pelan pembangunan daerah untuk mengelakkan pembangunan yang tidak seimbang dan bertindih-tindih. Satu kajian awal telah dijalankan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa dan telah mengenalpasti 644 buah kampung yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan desa. Kampung-kampung yang dipilih ini merupakan kampung-kampung utama yang mempunyai kampung-kampung rangkaian antara 5 hingga 10 kilometer kelilingnya. Ini bererti bagi sebuah pusat pembangunan desa yang dibangunkan mempunyai kampung rangkaian di antara 5 hingga 10 buah kampung mengikut keadaan sesuatu kawasan. Ini bererti walaupun sebuah sahaja PBD dibangunkan, tetapi pembangunan sebenarnya akan mengambilkira semua kampung rangkaian di sekitarnya.

Untuk makluman Yang Berhormat, program pemodenan kampung dan luar bandar hanya bermula dalam Rancangan Malaysia Keenam, manakala peruntukannya baru diluluskan. Program ini merupakan pengubahsuaian hala cara baru yang telah dilaksanakan terdahulu kepada strategi hala cara baru bagi memoden

dan membangunkan kawasan luar bandar berasaskan komponen-komponen yang dinyatakan di atas.

Oleh yang demikian, adalah terlalu awal untuk mengukur kejayaan dan kegagalan hala cara baru kerana ianya mengambil kira semua aspek pembangunan sama ada fizikal ataupun bukan fizikal. Oleh itu, perancangan dan pelaksanaan hala cara baru harus dibuat dengan teliti supaya matlamat jangka panjang akan tercapai dan faedahnya akan diperolehi oleh penduduk-penduduk luar bandar.

Kesimpulannya, ukuran pembangunan luar bandar bukanlah dilihat dari segi perubahan fizikal sahaja tetapi apa yang penting dan yang ditekankan oleh Kementerian ialah pembangunan kemanusiaan yang memerlukan perancangan yang teliti dan ianya mengambil masa yang panjang.

Untuk menjawab pandangan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Majid untuk melibatkan belia-belia dan pekerja-pekerja berkenaan dengan perkara ini di dalam pembangunan hala cara baru, insya Allah, kita akan ambil perhatian.

Bagi menjawab masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Douglas Sullang Anak Ganda mengenai aktiviti Taman Bimbingan Kanak-kanak, sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Kemajuan Masyarakat ataupun KEMAS, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menjalankan aktiviti kelas Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

Di negeri Sarawak sahaja terdapat sebanyak 401 buah TBK dengan seramai 11,778 orang peserta. Terdapat sebanyak 60 buah TBK di kawasan rumah panjang di negeri Sarawak.

Untuk masyarakat di rumah panjang di negeri Sarawak ini, KEMAS tidak mendirikan TBK di rumah panjang itu sendiri. KEMAS mengadakan kelas ataupun aktiviti TBK di bangunan berasingan yang terletak berdekatan dengan rumah panjang. Namun demikian, pelaksanaan aktiviti ini adalah sama, cuma kedudukan tempatnya sahaja yang berbeza kerana keadaan rumah panjang yang kurang sesuai untuk menempatkan alat-alat bantu bagi pembelajaran kanak-kanak. Sekiranya ada pihak-pihak yang mahu aktiviti ini dibuat di rumah panjang sendiri, ianya bolehlah dirundingkan.

Berhubung dengan cadangan memberikan kursus kepada Pemaju Masyarakat seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Hajah Habidah binti Jusoh, sukalah dimaklumkan bahawa kursus-kursus pengurusan dan kursus-kursus yang bersesuaian dengan tugas Pemaju Masyarakat sememangnya telah sedia dijalankan. Pegawai-pegawai berkenaan telah didedahkan kepada dasar-dasar Kerajaan yang sedia ada bagi mempertingkatkan perkhidmatan mereka. Jawatan mereka memang dikekalkan dan ianya akan ditambah dari masa ke semasa.

Puan Yang di-Pertua, berkaitan dengan syor-syor yang diumumkan oleh Yang Berhormat Senator Itam Wali bin Nawan, sukacitalah saya memaklumkan bahawa bagi memajukan pertanian moden di kalangan Orang Asli, pihak Jabatan telah sentiasa berbincang dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Pertanian setempat untuk mendapatkan nasihat berkaitan dengan kesesuaian tanah serta benih yang boleh digunakan. Umpamanya, seperti tanaman sayur-sayuran di Cameron Highlands, pihak Jabatan mendapat koordinator dari Pejabat Pertanian dan Lembaga Persatuan Peladang. Racun dan benih-benih yang dibekalkan

adalah setanding dengan benih dan racun serangga yang digunakan oleh pekebun-pekebun sayur bangsa lain.

Bagi menambah punca pendapatan kekal, pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah mengadakan projek lanaman kelapa sawit, getah dan dusun. Pembukaan ladang-ladang diuruskan oleh agensi-agensi lain seperti FELCRA, RISDA, Jabatan Pertanian dan lain-lain.

Dari segi kemudahan pra-sekolah, Kerajaan memang sedar perlunya kemudahan pendidikan pra-sekolah diberikan kepada kanak-kanak Orang Asli. Dengan itu, pada tahun 1991, Kerajaan telah mewujudkan sebanyak 27 buah Taman Bimbingan Kanak-kanak di perkampungan Orang Asli di Semenanjung Malaysia. Pada tahun 1992, dijangka sebanyak 32 buah lagi Taman Bimbingan Kanak-kanak akan dibuka. Bilangan kelas-kelas TBK ini akan bertambah dari masa ke semasa mengikut keadaan. Kelas-kelas TBK ini diwujudkan melalui usahasama Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dan juga KEMAS.

Bagi meninggikan taraf hasil seni kraftangan Orang Asli, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli mengadakan Pusat Latihan sendiri di Paya Bungur, Pahang. Kursus lanjutan diadakan di luar Jabatan. Penjenisan kursus adalah meliputi anyaman serta ukiran buluh, rotan, mengkuang dan kayu yang memang banyak terdapat di perkampungan Orang Asli. Justeru itu, pihak Jabatan sedang memikir untuk menambah usaha kraftangan yang lain seperti ukiran tunggul kayu dan barang-barang terbangul, kulit siput, buah kelapa paku-pakis gajah dan lain-lain.

Usaha mempamerkan serta menjual hasil-hasil kraftangan diadakan melalui penyertaan di dalam expo-expo perdagangan yang dianjurkan oleh agensi-agensi lain.

Berkenaan dengan saranan-saranan untuk pembekalan infrastruktur di ladang-ladang, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan, saya ingat Kementerian sentiasa peka terhadap kemajuan seluruh negara. Jadi, perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan bekalan infrastruktur di ladang-ladang ini juga akan turut kita perhebalan dari masa ke semasa sekiranya peruntukan-peruntukan dapat diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, demikianlah penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Ingin saya tegaskan bahawa Kementerian ini akan terus berusaha bagi mencapai objektifnya untuk terus memperbaiki taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar supaya kehidupan luar bandar akan menarik dan menguntungkan. Kepada saranan-saranan, pengamatan dan pandangan serta syor yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat diperjawabkan secara terperinci, kami di Kementerian akan mengambil ingatan di atas cadangan-cadangan yang baik. Sekian, terima kasih.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih. Sekarang dengan hormatnya kita jemput Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, Timbalan Menteri Pengangkutan untuk memberi jawapan. Silakan.

**5.50 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail):** Puan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, sukacita saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang

telah mengemukakan pandangan-pandangan, teguran-teguran dan syor-syor mereka mengenai perkara-perkara di bawah bidangkuasa Kementerian Pengangkutan sepanjang perbahasan atas usul Rancangan Malaysia Keenam di Dewan yang mulia ini. Sukalah saya memberikan jaminan bahawa segala pandangan, teguran dan syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan dikaji dengan teliti dan diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian Pengangkutan. Bagaimanapun, izinkan saya memberikan penjelasan dan jawapan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Dato' Ng Thian Hock telah menyarankan supaya pengangkutan udara dipertingkatkan, di samping itu meminta pembinaan lapangan terbang antarabangsa baru dilaksanakan untuk menampung pertumbuhan pelancongan dan ekonomi negara. Dalam Rancangan Malaysia Keenam lebih daripada \$900 juta adalah diperuntukkan di bawah sektor pengangkutan udara untuk tujuan meningkatkan kemudahan-kemudahan lapangan terbang di seluruh Malaysia. Ini termasuk beberapa projek baru sedia menyiapkan projek-projek yang telah mula dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelima. Dengan peruntukan yang sebesar ini sistem pengangkutan udara dari segi rangkaian lapangan-lapangan terbang dan juga kemudahan-kemudahan yang akan diadakan dipertingkatkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Di samping itu, keputusan dasar juga akan dibuat dalam Rancangan Malaysia Keenam mengenai cadangan pembinaan sebuah lapangan terbang antarabangsa yang baru untuk menampung penumpang-penumpang yang akan bertambah di Kuala Lumpur. Bagaimanapun, projek ini adalah merupakan projek jangka masa

panjang dan dalam Rancangan Malaysia Keenam peruntukan telahpun disediakan bagi mempertingkatkan kemudahan-kemudahan utama di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang bagi menampung keperluan trafik sehingga tahun 2000.

Yang Berhormat Tuan Isli Haji Siput dari Wilayah Persekutuan Labuan telah menyarankan supaya pengangkutan udara perlu dipertingkatkan untuk menarik lebih banyak pelaburan ke Pulau Labuan. Tindakan sedang diambil untuk mempertingkatkan Bangunan Terminal Lapangan Terbang Labuan. Kerja-kerja peningkatan sedang dijalankan dan dijadualkan siap sebelum bulan September 1991. Di samping itu, tindakan-tindakan tertentu juga akan diambil untuk mempertingkatkan lagi Lapangan Terbang Labuan dan ini akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Dalam pada itu, MAS juga telah diarah supaya mengawasi (monitor) pertumbuhan trafik di Lapangan Terbang Labuan dan jika perlu mengadakan penerbangan-penerbangan yang mencukupi untuk menampung keperluan berkenaan demi kepentingan pelancongan dan pelaburan di pulau tersebut.

Mengenai pengangkutan laut, Kementerian Pengangkutan sentiasa mempertingkatkan pengangkutan laut. Ini jelas sekali di mana kemudahan-kemudahan infrastruktur di pelabuhan-pelabuhan Malaysia adalah dalam keadaan yang baik. Walau bagaimanapun, agar tidak ketinggalan zaman perkembangan perdagangan dunia, Kerajaan telah melaksanakan projek-projek pembesaran pelabuhan serta mempertingkatkan kemudahan-kemudahan pelabuhan dan kontena, di samping memperolehi peralatan pengendalian yang baru dan moden. Semua usaha ini adalah untuk

mempastikan pergerakan yang licin untuk kargo, import dan eksport. Projek-projek pembesaran pelabuhan yang sedang dilaksanakan termasuk projek pembesaran pelabuhan barat di Pelabuhan Kelang, terminal kontena Butterworth Utara, projek pembesaran Fasa 3 dan 4 Pelabuhan Johor, pengubahsuaian dermaga-dermaga 19 hingga 21 pelabuhan utara, Pelabuhan Kelang dan pengubahsuaian derma 11 Pelabuhan Kelang. Pada masa yang sama Kerajaan juga mengambil tindakan-tindakan institusi bagi memperbaiki perdagangan melalui the regulations, dengan izin, iaitu kemudahan prosedur dan mengurangkan semua dokumen dan borang perdagangan termasuk borang pelabuhan serta melaksanakan kajian Electronic Data Interchange (EDI) supaya dapat mewujudkan strategi bagi pelaksanaan EDI di dalam negara. Semua usaha ini mempunyai objektif kemudahan dan promosi perdagangan.

Berkenaan dengan jeti-jeti di Pulau Lumut, Pulau Ketam dan Pulau Carey yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ng Thian Hock, ingin saya memaklumkan di sini bahawa Kerajaan telahpun membina jeti baru di Pulau Ketam dan juga di Pulau Lumut. Jeti di Pulau Ketam telah disiapkan dengan harga sebanyak lebih kurang \$1.8 juta, sementara jeti di Pulau Lumut telahpun disiapkan dengan harga lebih kurang \$800,000. Kedua-dua jeti berkenaan telahpun diserahkan kepada pihak Jabatan Laut untuk dikendalikan oleh mereka. Bagi jeti di Pulau Carey pula sekarang ini telah terdapat kemudahan jeti persendirian bagi menampung kegunaan dan keperluan pada masa sekarang.

Berkenaan dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat Tuan Isli dari Wilayah Persekutuan Labuan mengenai pelabuhan di Labuan, ingin saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah

membelanjakan wang sebanyak lebih kurang \$6 juta untuk membaiki Pelabuhan Labuan. Pihak Kementerian Pengangkutan telah juga menerima beberapa cadangan penswastaaan bagi pelabuhan ini dan pihak Kementerian memang bercadang untuk men-swastakannya. Oleh yang demikian, syarikat yang akan mengendalikannya sudah pasti akan menambah kemudahan-kemudahan yang ada di pelabuhan berkenaan, termasuk kemudahan pengendalian kontena mengikut permintaan.

Yang Berhormat Puan Hajah Che Pora telah menyentuh mengenai kenderaan awam yang pada hemat beliau mementingkan keuntungan tetapi tidak mengambilkira keselamatan. Beliau telah menyebut iaitu bas Setia No. WBN 7887, Sebenarnya Jabatan Pengangkutan Jalan yang menjalankan penguatkuasaan dan juga pemeriksaan kepada kenderaan-kenderaan awam, tiap-tiap 6 bulan sekali kenderaan ini semuanya mesti dihawa ke Jabatan Pengangkutan Jalan untuk diperiksa dari segi keadaan keselamatannya dan juga bagi menentukan keselamatan penumpang, tetapi antara pemeriksaan 6 bulan sekali itu mungkin terdapat kecuaiannya di pihak pengusaha. Di samping itu, penguatkuasaan berkala juga diadakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, cuma saya minta maaf tidak dapat memberikan maklumat iaitu bilangan jumlah bas, lori, teksi yang diambil penguatkuasaan, disaman dan sebagainya pada ketika ini. Saya juga meminta supaya orang awam sendiri peka kepada masalah keselamatan ini dan melaporkannya dengan serta-merta. Dalam laporan, saya minta supaya syarikat pengusaha diberitahu, nombor pendaftaran kenderaannya, tempat kejadian dan juga masanya. Saya harap semua orang awam dapat berbuat demikian supaya tindakan serta-merta dapat kila dilaksanakan dan kita ambil tindakan kepada pengusaha-pengusaha yang cuai.

Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah membincangkan bidang-bidang yang berkaitan di bawah Kementerian Pengangkutan dan mengucapkan terima kasih semoga kita akan dapat melaksanakan tanggungjawab kita dengan sempurna.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih Datin Paduka. Sekarang dijemput Kementerian Kerja Raya.

**5.56 ptg.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom anak Kamarau):** Puan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rancangan Malaysia Keenam yang menyentuh bidang tugas Kementerian Kerja Raya.

Puan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Hajah Asmah binti Haji Ismail telah mengingatkan Kerajaan menggunakan sewajarnya peruntukan yang telah diberi untuk melaksanakan projek-projek infrastruktur supaya tidak berlaku pembaziran. Beliau juga menggesa supaya dipercepatkan kerja-kerja pinglebaran dan membaikpulih jalan raya yang menghubungkan Bentong-Raub-Kuala Lipis-Gua Musang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, suka saya memaklumkan di sini bahawa dalam melaksanakan projek-projek infrastruktur di dalam negara, Kerajaan sememangnya mengambil kira peruntukan sebenar yang diperlukan, di samping memastikan projek-projek yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Mengenai pelaksanaan projek penglebaran dan membaikpulih jalan raya Bentong-Raub-Kuala Lipis-Gua Musang, lebih kurang sebanyak \$39 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Bagi tahun 1992 sebanyak \$5 juta telah disediakan untuk kerja-kerja ukur, penyiasatan tanah dan penyediaan rekabentuk.

Puan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Habidah Jusoh telah menarik perhatian Dewan mengenai petunjuk jalan yang tidak begitu jelas dan mengelirukan. Beliau juga telah membangkitkan mengenai jalan-jalan yang kerap dinaiki air dan telah mencadangkan supaya paras jalan terlibat ditinggikan. Kerajaan memang sedar mengenai kedua-dua perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan sedang mengumpulkan maklumat dan akan mengambil tindakan untuk memperbaiki tanda-tanda jalan berkenaan.

Mengenai masalah jalan yang kerap dinaiki air, memang telah menjadi dasar Kerajaan untuk meninggikan taraf jalan terlibat mengikut keutamaan.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri Sabah dan Sarawak telah sekali lagi meminta Kerajaan supaya memberi perhatian utama di atas pembangunan sistem infrastruktur jalanraya di kedua-dua negeri tersebut yang masih jauh ketinggalan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung.

Puan Yang di-Pertua, Kerajaan memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad iaitu pembinaan jalanraya-jalanraya yang baik dapat mengatasi kesukaran perhubungan penduduk-penduduk negeri Sarawak dalam menjalankan urusan harian mereka. Sukalah saya

maklumkan di sini bahawa Kerajaan memang sedar sistem jalanraya yang baik bukan sahaja memberi manfaat kepada pengguna-pengguna jalanraya, tetapi juga menyumbang kepada pertumbuhan pesat pembangunan ekonomi negara.

Bagaimanapun, adalah mustahil uniuik Kerajaan menyiapkan semua projek-projek jalanraya di Sabah dan Sarawak dengan sekaligus ataupun dalam jangka masa yang pendek. Perlu saya nyatakan di sini, peruntukan kewangan negara bukan hanya tertumpu kepada pembangunan infrastruktur sahaja, tetapi juga perlu mengambilkira kepentingan lain-lain sektor dalam ekonomi. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan di sini, Kerajaan Pusat akan terus mengambil perhatian yang serius untuk kemajuan sistem infrastruktur di Sabah dan Sarawak.

Puan Yang di-pertua, Yang Berhormat Senator Frankie Chong Yu Chee telah menekankan perlunya Kerajaan mengambilkira faktor-faktor geografi negeri Sabah apabila mahu melaksanakan pembangunan sistem infrastruktur di negeri tersebut. Sukalah saya maklumkan di sini bahawa ketika merancang pembangunan infrastruktur sesebuah negeri, faktor-faktor geografi negeri tersebut sememangnya diambilkira dan dianggap sebagai salah satu kriteria penting.

Puan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mempercepatkan dan mempertingkatkan mutu infrastruktur di negeri Sabah dan Sarawak iaitu:

- (i) melaksanakan sistem pra kelayakan untuk memilih kontraktor yang benar-benar berkemampuan untuk melaksanakan sesuatu projek pembinaan jalanraya;

- (ii) mempercepatkan proses tawaran;
- (iii) menggabungkan beberapa projek kecil ke dalam pakej yang lebih besar bertujuan untuk menarik minat penyertaan kontraktor-kontraktor besar menyertai projek pembinaan jalan; dan
- (iv) Kementerian Kerja Raya telah menubuhkan Jawatan kuasa Teknikal dan Jawatankuasa Pemandu Jalanraya bagi negeri Sabah dan Sarawak untuk memastikan semua pelaksanaan projek berjalan dengan lancar.

Puan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 1991, negeri Sarawak telah diperuntukkan sebanyak \$198.9 juta dan negeri Sabah sebanyak \$147.5 juta bagi membina dan menaikkan taraf sebahagian jalanraya-jalanraya di kedua-dua negeri tersebut sementara bagi tahun 1992 pula, peruntukan sebanyak \$245.2 juta telah disediakan bagi negeri Sarawak dan bagi negeri Sabah pula peruntukan yang disediakan adalah sebanyak \$121 juta.

Puan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara lain serta teguran-teguran yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang tidak sempat dijelaskan, Kementerian saya akan mengambil perhatian serta tindakan yang sewajarnya.

Puan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas Kementerian Kerja Raya.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Terima kasih Dato'. Sekarang dijemput pula Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

#### 6.05 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng):** Puan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah memberi teguran, cadangan dan pandangan yang membina semasa membahaskan usul Rancangan Malaysia Keenam mengenai perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberi jawapan ke atas beberapa perkara yang tertentu yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Tuan Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad telah menyentuh mengenai pembangunan industri di negeri Sarawak, khususnya dalam industri pembuatan yang berasaskan kayu kayan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telahpun menyediakan berbagai-bagai insentif untuk pembangunan industri kayu di negeri Sarawak. Di antaranya ialah:

- (i) memberi pinjaman atas kadar faedah rendah di bawah Skim Tabung Penyusunan Industri bagi industri-industri kayu yang menempatkan semula operasi mereka dari Semenanjung Malaysia ke Sarawak;
- (ii) perlanjutan tempoh taraf perintis bagi 5 tahun lagi walaupun syarikat tidak memenuhi kriteria iaitu perbelanjaan modal sebanyak \$25 juta atau menggaji 500 pekerja;
- (iii) pengecualian sepenuh duti import dan cukai tokok bagi bahan mentah atau komponen yang diimport;

- (iv) potongan dua kali atas kos pengangkutan bagi barang-barang yang dieksport dan memberi insentif cukai dalam bentuk Elaun Penyelarasan Industri.

Selain dari insentif tersebut di atas, Kerajaan juga dalam misi-misi penggalakan pelaburan ke luar negeri akan memberitahu bakal-bakal pelabur tentang peluang-peluang pelaburan di sektor industri di peringkat negeri dan menggalakkan pelabur menempatkan projek-projek di kawasan-kawasan yang mempunyai sumber-sumber yang diperlukan seperti industri kayu di negeri Sarawak.

Puan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan dari Yang Berhormat Tuan Saidin bin Mohamad yang menyentuh mengenai peranan Industri Kecil dan Sederhana supaya IKS membekalkan bahan-bahan pengeluaran untuk industri besar bagi penerokaan eksport, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian ini sememangnya menggalakkan Industri Kecil dan Sederhana membekalkan bahan-bahan pengeluaran untuk industri besar bagi penerokaan pasaran eksport.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Aion binti Ariffin berkenaan pembangunan perindustrian luar bandar yang perlu dipertingkatkan lagi dengan menyediakan galakan-galakan tertentu, khususnya kepada bumiputera, sukacita dimaklumkan bahawa pihak Kementerian akan terus menyediakan pelbagai galakan supaya pembangunan projek-projek perindustrian dan penempatan sebahagian daripadanya ke kawasan luar bandar dapat dipertingkatkan lagi.

Kementerian ini juga sedang dan akan terus menjalankan pelbagai program untuk meningkatkan lagi

penyertaan kaum bumiputera dalam bidang perindustrian. Program-program ini meliputi aktiviti menyediakan peluang-peluang pasaran, maklumat mengenai teknologi, pemerosesan, tapak dan bangunan kilang, pinjaman kos rendah untuk meningkatkan keupayaan kilang, peruntukan geran bagi membiayai aktiviti-aktiviti bantuan teknikal perindustrian dan program peningkatan keupayaan pengurusan projek.

Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Haji Abdullah, Yang Berhormat Puan Aion binti Ariffin dan Tuan Isli bin Haji Siput telah menegur tentang peranan dan fungsi antara MITI dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Puan Yang di-Pertua, peranan dan fungsi bagi kedua-dua Kementerian ini adalah jelas perbezaannya. Secara ringkas, MITI bertanggungjawab mengenai dasar perdagangan luar negara yang meliputi kawatan import dan eksport, hubungan perdagangan dua hala dan pelbagai hala, kerjasama perdagangan serantau. MITI juga bertanggungjawab dalam penggalakan perdagangan antarabangsa menerusi eksport keluaran perkilangan dan separa perkilangan, penggalakan pembangunan perindustrian, pelesenan atas industri pembuatan, perkilangan kepada industri tempatan, pembangunan-pembangunan industri kecil, sederhana dan penubuhan pejabat syarikat-syarikat asing.

Sebaliknya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bertanggungjawab dalam urusan kawalselia perdagangan dalam negeri menerusi kawalan harga barang-barang perlu, pelesenan, kawalan pengeluaran, pengedaran dan penjualan barang-barang kawalan. Kementerian ini juga bertanggungjawab dalam hal-ehwal perlindungan pengguna, pendaftaran dan pengawasan syarikat-

syarikat, pendaftaran dan pengawasan syarikat-syarikat amanah, pendaftaran perniagaan-perniagaan dan perkara-perkara berhubung dengan hak cipta.

Mengenai pengeluaran lesen import dan lesen eksport ataupun apa yang dikenali sebagai AP, ingin saya memaklumkan bahawa sesuatu barang itu dikenakan lesen import atas sebab Kerajaan memberi perlindungan ke atas industri tersebut. Misalnya, AP yang dikenakan ke atas pengimportan kenderaan adalah untuk melindungi Proton dan lain-lain pengusaha yang memasang kenderaan dalam negeri. Begitu juga dengan keluli, gula, tepung dan lain-lain. Oleh kerana Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bertanggungjawab ke atas perkembangan dan penggalakan industri dalam negara ini sebab itulah pengeluaran AP ditugaskan kepada Kementerian ini.

Puan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan dari Yang Berhormat Puan Habidah Jusoh mengenai usaha-usaha untuk menggalakkan pelaburan asing, Kerajaan memang akan meningkatkan usaha-usahanya untuk menarik pelaburan asing bukan sahaja untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan tetapi juga bagi meningkatkan tahap teknologi tempatan dan peluang-peluang pasaran antarabangsa.

Bagi mencapai objektif-objektif ini, Kerajaan akan mengamalkan strategi yang lebih selective dalam menggalakkan pelaburan asing. Penekanan akan diberi kepada industri-indusiri yang berintensif modal, berteknologi tinggi, mengguna bahan-bahan dan komponen-komponen tempatan dan mempunyai lebih integrasi dengan industri tempatan. Bagi mencapai maksud ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri akan mengulangkaji sekim-sekim galakan yang sedia ada supaya pemberian galakan ini lebih selective.

Puan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Zahid Hamidi telah mencadangkan supaya skim pelaksanaan konsep payung diperluaskan meliputi industri-industri lain. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini sememangnya berusaha untuk memperluaskan skim konsep payung ini kepada industri-industri lain selain daripada makanan dan perabot bagi membantu pengeluar-pengeluar kecil, pengilang-pengilang kecil untuk memasarkan barangan mereka sama ada di dalam negeri atau di luar negeri.

Puan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

**Puan Aion binti Ariffin:** Sekarang kita jemput Kementerian Pendidikan. Silakan.

**6.12 ptg.**

**Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn):** Puan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pendidikan mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Seterusnya saya ingin memberi sedikit penjelasan di atas pandangan-pandangan yang telah ditimbulkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Tuan C. Krishnan dan Senator Tuan Munisamy telah mencadangkan supaya SRJK(T) Bantuan Modal dihapuskan dan dijadikan Sekolah Bantuan Penuh.

Sebenarnya SRJK(T) Bantuan Modal yang dimaksudkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini adalah Sekolah Bantuan Penuh bukan milik Kerajaan mengikut Akta Pelajaran

1961 diberi grants aid atau bantuan pengurusan yang sama seperti sekolah-sekolah lain di bawah Kementerian Pendidikan. Walau bagaimanapun ia tidak diberi bantuan modal atau bantuan pembangunan yang sepenuhnya oleh kerana tapak sekolah tersebut bukan milik Kerajaan.

Ingin juga dijelaskan bahawa SRJK(T) seumpama ini merupakan sebahagian sahaja dari jumlah SRJK(T) sebahagian lagi SRJK(T) adalah Sekolah Bantuan Penuh milik Kerajaan.

Mengenai Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) pada keseluruhannya menunjukkan keputusan yang baik terutamanya dari segi penguasaan dan kemahiran 3M termasuk pelajar-pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil). Walau bagaimanapun Kementerian Pendidikan sentiasa membuat kajian dan penilaian terhadap program KBSR bagi memastikan ianya lebih berkesan. Kajian tersebut meliputi matapelajaran Bahasa Malaysia dan bahasa Tamil.

Menyentuh mengenai keperluan membangunkan universiti baru seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon, Kerajaan belum mempunyai cadangan untuk membina sebuah universiti baru setakat ini. Ini perlu mengambil kira faktor-faktor kewangan, keperluan tenaga mahir dalam bidang-bidang yang tertentu, kemudahan infrastruktur yang sedia ada dan program-program pembangunan negara yang lain. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pendidikan telah menambahkan bilangan tempat di universiti-universiti tempatan dengan membuka cawangan-cawangan universiti untuk mengikuti jurusan tertentu, memperluaskan program-program yang sedia ada serta menubuhkan fakulti-fakulti baru dan membenarkan program-program

twinning dengan universiti-universiti tertentu di luar negeri yang memenuhi syarat-syarat Kementerian Pendidikan.

Berhubung dengan program KBSR, dalam program KBSR, kelas-kelas pemulihan diadakan kepada murid-murid yang didapati lemah di dalam penguasaan dan pencapaian mereka di dalam matapelajaran tertentu termasuklah matapelajaran bahasa Inggeris dan Matematik. Di samping itu, Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha lagi memastikan guru-guru terlatih mengajar bahasa Inggeris dan Matematik dalam KBSR adalah mencukupi.

Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon juga mencadangkan pembabitan Kerajaan sepenuhnya dalam kawalan dan pembiayaan Tadika Kerajaan dan swasta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membenarkan pihak-pihak lain dari Kerajaan untuk mengendalikan Tadika selaras dengan dasar menggalakkan pihak swasta memainkan peranan dalam pembangunan negara. Walau bagaimanapun Kerajaan mengawal perkembangan Tadika melalui Pendaftaran Pusat Tadika dan dengan cara meminta Pusat Tadika mengikuti garis panduan kurikulum pra-sekolah yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan. Program Pendidikan Pra-Sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan akan dimulakan di kawasan yang tidak ada kemudahan pra-sekolah terutamanya di kawasan luar bandar dan di kawasan-kawasan yang kurang maju di mana tidak terdapat kemudahan tersebut. Dengan adanya program ini semua kanak-kanak berpeluang mendapat pendidikan pra-sekolah sebelum memasuki pendidikan rendah yang formal.

Isu yang sama juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Douglas Sullang Anak

Ganda, Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin, Yang Berhormat Senator Tuan Itam Wali Nawan dan Yang Berhormat Senator Puan Habidah Jusoh berhubung dengan kesesakan dalam bilik darjah, pada pandangan Kementerian Pendidikan 35 orang murid dalam satu kelas itu adalah sesuai dan tidak sesak seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat mengikut keadaan sekarang.

Yang Berhormat Senator Puan Law Jack Yoon, Yang Berhormat Senator Hajah Rogayah Che Mat dan Yang Berhormat Senator Tuan C. Krishnan telah menimbulkan persoalan mengenai pembinaan sekolah-sekolah vokasional. Sebenarnya di bawah Rancangan Malaysia Keenam Kerajaan telah merancang untuk membina 8 buah sekolah menengah vokasional yang baru sebagai langkah untuk menambah sekolah-sekolah menengah vokasional yang sedia ada. Ini menunjukkan bahawa Kementerian Pendidikan sentiasa memandang berat terhadap pendidikan vokasional yang bertujuan untuk menambahkan lagi tenaga mahir yang diperlukan oleh negara.

Puan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin dan Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay menyarankan supaya Kementerian Pendidikan memberi bantuan kewangan dan kerjasama untuk memajukan pendidikan swasta.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sememangnya memberikan kerjasama kepada sesiapa sahaja untuk memajukan pendidikan swasta jika dia dapat memenuhi beberapa syarat yang telah ditetapkan selaras dengan dasar dan matlamat negara ini.

Mengenai dengan saranan Yang Berhormat Senator Dato' Ng Thian Hock, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi pertimbangan yang

sewajarnya di atas cadangan beliau untuk menambah bilangan institusi teknik dan vokasional swasta dengan tujuan melahirkan tenaga mahir selaras dengan kehendak Wawasan 2020 asalkan institusi-institusi tersebut memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan.

Berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator Puan Ainon Ariffin supaya sistem pendidikan memberi penekanan kepada pendidikan kerohanian dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Rosnah Mohd. Salleh meminta Kementerian Pendidikan bertanggungjawab bagi memberi kesedaran sivik kenegaraan kepada rakyat Malaysia. Adalah menjadi hasrat dan matlamat utama sistem pendidikan negara untuk menghasilkan insan yang baik atau insan kamil yang percaya dan patuh kepada Tuhan, berilmu, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara selaras dengan falsafah pendidikan negara.

Puan Yang di-Pertua, berhubung dengan saranan Yang Berhormat Senator Puan Kalthom binti Haji Othman supaya diberi penekanan kepada tulisan Jawi, pihak Kementerian Pendidikan telahpun menjalankan berbagai usaha terutamanya dari segi latihan guru untuk memperbaiki pengajaran dan pembelajaran tulisan Jawi di semua sekolah. Menyentuh mengenai supaya diadakan pelajaran Agama Islam di semua jenis sekolah termasuk SRJK(C) dan SRJK(T), sebenarnya mata-pelajaran Agama Islam telahpun diadakan dan diajarkan di semua jenis sekolah termasuk SRJK(C) dan SRJK(T) sekiranya di sekolah-sekolah berkenaan terdapat murid-murid yang beragama Islam. Hal ini telahpun dijelaskan di dalam Akta Pelajaran

1961 dan akan diperteguhkan lagi di dalam Akta Pendidikan baru yang sedang digubal sekarang. Mengenai isu peruntukan sebanyak \$20 juta kepada Kolej Tunku Abdul Rahman dalam Rancangan Malaysia Keenam yang dikemukakan oleh Yang Berhormat yang sama, sebenarnya peruntukan yang tersebut diperlukan untuk projek perkembangan kampus Kolej Tunku Abdul Rahman itu di Setapak dan mendirikan sebuah kampus cawangannya yang baru.

Yang Berhormat Senator Chong Chi Siong membangkitkan soal hanya seramai 3,900 orang sahaja yang dapat memasuki sekolah-sekolah menengah agama berbanding dengan permohonan sebanyak 33,000 orang. Sebenarnya terdapat banyak sebab mengapa terlalu sedikit bilangan penuntut-penuntut yang dapat diterima masuk ke sekolah-sekolah menengah agama. Sebab utamanya ialah bilangan sekolah agama yang terhad, kerana sekolah ini merupakan sekolah khas bagi memenuhi keperluan negara dalam bilangan yang tertentu sedangkan permohonan untuk memasuki sekolah tersebut agak mendadak. Kementerian Pendidikan sedar mengenai masalah ini dan mengatasinya dengan mewujudkan lebih banyak kelas aliran agama di sekolah-sekolah menengah biasa. Selain daripada itu di KBSR dan KBSM juga memberikan penekanan yang khusus dalam hal yang berkenaan.

Kementerian Pendidikan juga sedang merancang untuk membina beberapa buah lagi sekolah menengah agama dalam Rancangan Malaysia Keenam. Mengenai cadangan supaya diadakan semula Kursus Dalam Cuti (KDC), khususnya bagi mengatasi masalah kekurangan guru di SRJK(C), sebenarnya Kementerian Pendidikan sedang berusaha mengatasi masalah tersebut dengan memberi peluang kepada calon-calon guru mengikuti latihan sepenuh masa di Maktab-

maktab Perguruan termasuk mereka yang mengikuti kursus pengajian Cina. Kursus Dalam Cuti tidak lagi diadakan di Semenanjung buat masa ini tetapi masih diteruskan di Sabah dan di Sarawak di mana masalah kekurangan guru-guru adalah lebih serius.

Mengenai beberapa cadangan yang menyentuh hal ehwal Orang Asli yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Itam Wali bin Nawan, sebenarnya Kementerian Pendidikan memang peka tentang masalah-masalah tersebut. Berbagai-bagai kemudahan dan kelonggaran syarat tertentu telahpun diberi kepada mereka,

Yang Berhormat Senator Mustafa bin Awang telah menimbulkan isu perletakan jawatan beberapa orang Pensyarah Fakulti Perubahan di beberapa universiti tempatan. Kementerian Pendidikan memang menyedari masalah tersebut dan sedang menelitinya. Laporan lengkap mengenai masalah tersebut sedang disiapkan untuk menentukan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Yang Berhormat Senator K. Munisamy telah juga membangkitkan tentang masalah kekurangan guru-guru khususnya di Sekolah SRJK(T). Seperti yang saya telah jelaskan, Kementerian Pendidikan juga telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengatasi masalah-masalah dari segi keseluruhan. Pertama, Kementerian Pendidikan telah menambahkan pengambilan calon-calon untuk dimasukkan ke Maktab Perguruan. Dan Kementerian Pendidikan juga telah memberi kelonggaran kepada Guru Sandaran supaya lebih ramai Guru Sandaran itu boleh dimasukkan ke Maktab Perguruan. Dengan langkah-langkah itu, Kementerian Pendidikan yakin bahawa masalah kekurangan guru itu yang dihadapi oleh semua jenis sekolah boleh diatasi dalam satu masa yang akan datang.

Berkenaan dengan peruntukan masa yang lebih untuk matapelajaran Bahasa Malaysia di sekolah SRJK(C) dan SRJK(T), memang cadangan tersebut boleh dapat dikaji oleh Kementerian Pendidikan. Ingin juga saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pendidikan selalunya peka tentang peri mustahaknya bahawa cara-cara yang kita menggunakan untuk mengajar dan belajar Bahasa Malaysia di sekolah SRJK(C) dan SRJK(T) itu harus dikaji dan di pertingkatkan dengan langkah-langkah yang sesuai.

Mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator K. Munisamy berkaitan dengan pengambilan calon dari kaum India untuk mengikuti kursus pra-sekolah. Memang adalah menjadi hasrat Kementerian Pendidikan bahawa rancangan pra-sekolah ini dilaksanakan di semua sekolah dan di semua kawasan yang belum ada kemudahan tersebut. Tahun ini merupakan tahun peringkat pertama yang kita melaksanakan rancangan ini, dan dalam masa beberapa tahun Kementerian Pendidikan akan melibatkan guru-guru dari semua kaum supaya rancangan pra-sekolah ini boleh dapat diperkenalkan di dalam semua jenis sekolah dengan jayanya.

Puan Yang di-Pertua, setakat inilah yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan program dan aktiviti Kementerian Pendidikan. Beberapa isu yang tidak sempat saya jawab di sini, adalah juga dalam perhatian dan tindakan Kementerian Pendidikan. Sekian, terima kasih.

**Puan Aionon binti Ariffin:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Kementerian Pertanian, ada wakilnya. Silakan,

6.27 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat (Tuan Yong Khoon Seng):** Puan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri Pertanian mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pertanian Malaysia.

Mereka ialah Yang Berhormat Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad, Yang Berhormat Tuan Abdul Rashid bin Ismail, Yang Berhormat Tuan Mustafa bin Awang, Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah binti Mohd. Salleh, Yang Berhormat Puan Hajah Rogayah binti Che Mat dan Yang Berhormat Tuan Isli bin Haji Siput.

**Puan Aionon binti Ariffin:** Yang Berhormat, namanya ialah Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah.

**Tuan Yong Khoon Seng:** Yang Berhormat Puan Hajah Rosnah binti Haji Mohd. Salleh, sorry.

Puan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Wan Hamid Edruce bin Tuanku Haji Mohamad membangkitkan masalah kemiskinan di Sarawak dan berharap lebih banyak Rancangan Pertanian Bersepadu serta khidmat sokongan diberikan bagi meningkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar di Sarawak.

Puan Yang di-Pertua, mengenai kemiskinan di Sarawak, Kementerian Pertanian mempunyai program yang meliputi pembangunan kawasan iaitu meliputi penubuhan IADP. Sekarang terdapat dua projek IADP dalam

peringkat pelaksanaan iaitu di kawasan Kalaka/Saribas dan kawasan Semarahan dan juga melalui program-program tertentu pembangunan tanaman dan temakan.

**Puan Ainon binti Ariffin:** Ahli Yang Berhormat, oleh kerana masa kita telah cukup pada jam 6.30 petang, jadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyambung jawapan itu pada

esok hari iaitu 7hb Ogos, 1991 jam 2.30 petang.

Ahli-ahli, Yang, Berhormat yang dihormati sekalian, dengan ini saya tangguhkan Dewan ini hingga ke hari esok iaitu pada 7hb Ogos, 1991 jam **2.30 petang.**

**Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.**